**ROSMEN AG HASSAN**  
Pengarah  
Director  
Negeri Sabah  
Sabah State





**ZAHIDI HASHIM**  
Pengarah  
*Director*  
**Negeri Pulau Pinang**  
*Pulau Pinang State*



**MUHAMMAD RIZUAN HAMZAH**  
Pengarah  
*Director*  
**Negeri Terengganu**  
*Terengganu State*



**MOHAMAD NORSANI KATAP**  
Pengarah  
*Director*  
**Negeri Pahang**  
*Pahang State*



**ROHANA ABDUL MANAN**  
Pengarah  
*Director*  
**Negeri Sembilan**  
*Negeri Sembilan State*



**ALINDA PUTEH**  
Pengarah  
*Director*  
**Negeri Melaka**  
*Melaka State*



**NAZRI ZAKARIA**  
Pengarah  
*Director*  
**Negeri Kelantan**  
*Kelantan State*



**ZAINI YAHYA**  
Pengarah  
*Director*  
**Negeri Perak**  
*Perak State*



**SITI RAFIDAH BAHAROM**  
Pengarah  
*Director*  
**Negeri Kedah**  
*Kedah State*



**SR ROSLI ZAINON**  
Pengarah  
*Director*  
**Negeri Perlis**  
*Perlis State*

# PENGURUS CAWANGAN

## BRANCH MANAGERS



**CHUANG KUANG HONG**  
Pengurus  
Manager  
Negeri Sarawak,  
Cawangan Sibul  
Sarawak State, Sibul Branch



**POUL BIN JOANNES**  
Pengurus  
Manager  
Negeri Sabah,  
Cawangan Sandakan  
Sabah State, Sandakan Branch



**HASSAN ISMAIL**  
Pengurus  
Manager  
Negeri Sabah,  
Cawangan Tawau  
Sabah State, Tawau Branch



**MIRZA FARIZA NARAWI**  
Pengurus  
Manager  
Negeri Sarawak,  
Cawangan Miri  
Sarawak State, Miri Branch




**TS. KAMARUL AZMAN A RAZAK**  
Pengurus  
Manager  
Negeri Sarawak,  
Cawangan Bintulu  
Sarawak State, Bintulu Branch




# STRUKTUR ORGANISASI CIDB 2022

Organization Chart 2022



# STRUKTUR ORGANISASI CIDB NEGERI / CAWANGAN 2022

## CIDB STATES / BRANCHES ORGANIZATION CHART 2022



# SUMBER MANUSIA

## Human Resources


Pada akhir Disember 2022, CIDB mempunyai seramai 1002 orang staf di mana seramai 359 orang daripada jumlah tersebut terdiri daripada staf lantikan tetap mengisi waran perjawatan yang telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Sementara itu, seramai 641 orang staf berstatus kontrak terus memainkan peranan penting dalam menjayakan pelaksanaan fungsi-fungsi utama CIDB sebagaimana yang digariskan di bawah Akta CIDB 520 (Pindaan) 2011. Terdapat pengurangan sebanyak 0.39% keseluruhan jumlah staf berbanding 2021. Pecahan staf mengikut kategori pada tahun 2022 berbanding tahun 2021 adalah seperti di bawah:

*At the end of December 2022, CIDB has a total of 1002 employees in which a total of 359 staff were permanent staff filling the approved posts warranted by the Public Service Department (PSD). Meanwhile, 641 contractual staff continue to play an important role in ensuring the implementation of CIDB's key functions as set out under the CIDB Act 520 (Amendment) Act 2011. There was a decrease of 0.39% in the total number of staff compared to 2021. The breakdown of staff by category in 2022 compared to 2021 is as follows:*

Bilangan dan pengisian jawatan pada akhir Disember 2022 berbanding 2021  
Number of positions and posts filled at the end of December 2022 compared to 2021

Kategori/Kumpulan Jawatan Categories/Group of Posts	Bilangan Jawatan Tetap Number of Permanent Posts	Pengisian Jawatan Posts Filled							
		Tetap Permanent		Pinjaman Secondment		Kontrak Contract		Jumlah Total	
		2022	2021	2022	2021	2022	2021	2022	2021
Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) Public Sector Superscale	4	3	4	-	0	-	0	3	4
Pengurusan & Profesional Management & Professional	84	81	82	2	4	94	98	177	184
Pelaksana (Sokongan) Implementors (Support)	287	275	282	-	1	547	535	822	818
Jumlah Total	375	359	368	2	5	641	633	1002	1006

Bilangan staf tetap berbanding staf kontrak  
Number of permanent staff against contract staff



Dari segi taburan staf, Ibu Pejabat CIDB mempunyai 414 orang staf pada tahun 2022, manakala pejabat-pejabat negeri dan cawangan mempunyai seramai 588 staf. Terdapat pengurangan sebanyak 1.42% jumlah staf di Ibu Pejabat dan pertambahan sebanyak 0.34% di pejabat-pejabat negeri dan cawangan berbanding 2021. Taburan staf mengikut kategori pada tahun 2022 berbanding tahun 2021 adalah seperti di bawah:

*In terms of staff distribution, CIDB Head Office has 414 employees in 2022, while state and branch offices have a total of 588 employees. There was a decrease of 1.42% in the number of staff at the Head Office and an increase of 0.34% in the state and branch offices compared to 2021. Staff distribution by category in 2022 compared to 2021 is as below:*

Taburan Staf  
Staff Distribution

Kategori/Kumpulan Jawatan Categories/Group of Posts	Ibu Pejabat Head Office		Pejabat / Cawangan Negeri State / Branch Offices		Jumlah Total	
	2022	2021	2022	2021	2022	2021
Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) Public Sector Superscale	3	4	-	0	3	4
Pengurusan & Profesional Management & Professional	124	134	53	50	177	184
Pelaksana (Sokongan) Implementors (Support)	287	282	535	536	822	818
Jumlah Total	414	420	588	586	1002	1006



## HASIL

Berdasarkan Penyata Kewangan yang Telah Diaudit pada tahun 2022, jumlah hasil yang diterima sehingga 31 Disember 2022 adalah sebanyak RM349.1 juta bagi CIDB dan RM383.3 juta bagi Kumpulan. Secara keseluruhannya, hasil tahun 2022 meningkat sebanyak RM76.6 juta (28%) berbanding hasil tahun 2021 yang berjumlah RM272.5 juta bagi CIDB manakala hasil tahun 2022 meningkat sebanyak RM72.5 juta (23%) berbanding hasil tahun 2021 yang berjumlah RM310.8 juta bagi Kumpulan.

Pengenaan levi masih kekal sebagai penyumbang utama hasil CIDB iaitu sebanyak RM216.3 juta atau 62% daripada jumlah keseluruhan hasil. Hasil daripada yuran pendaftaran adalah sebanyak RM65.5 juta (19%), hasil pelunasan geran kerajaan sebanyak RM16.1 juta (5%), hasil yuran kursus sebanyak RM12.0 juta (3%), hasil faedah dan dividen sebanyak RM11.8 juta (3%), hasil kompaun dan penalti sebanyak RM9.4 juta (3%), hasil verifikasi bahan sebanyak RM8.9 juta (3%) dan hasil yang lain sebanyak RM9.1 juta (5%).

Di peringkat Kumpulan, pengenaan levi juga masih kekal sebagai penyumbang utama hasil Kumpulan iaitu sebanyak RM216.3 juta atau 56% daripada jumlah keseluruhan hasil. Hasil daripada yuran pendaftaran adalah sebanyak RM65.5 juta (17%), hasil yuran kursus sebanyak RM26.0 juta (7%), hasil pelunasan geran kerajaan sebanyak RM16.7 juta (4%), hasil faedah dan dividen sebanyak RM12.7 juta (3%), hasil kompaun dan penalti sebanyak RM9.4 juta (2%), hasil verifikasi bahan sebanyak RM8.9 juta (2%) dan hasil yang lain sebanyak RM27.8 juta (9%).

## PRESTASI KEWANGAN

*Financial Performance*

### REVENUE



Based on the 2022 Audited Financial Statements, total revenue received until 31 December 2022 was RM349.1 million for CIDB and RM383.3 million for the Group. Overall, CIDB's revenue in 2022 increased by RM76.6 million (28%) compared to RM272.5 million in 2021 while the Group's 2022 revenue increased by RM72.5 million (23%) compared RM310.8 million in 2021.

Levy imposition remain as the main contributor to CIDB's revenue amounting to RM216.3 million or 62% of the total revenue. Revenue from registration fees recorded a total of RM65.5 million (19%), government grants RM16.1 million (5%), course fees RM12.0 million (3%), interest and dividends RM11.8 million (3%), compound and penalty RM9.4 million (3%), material verification RM8.9 million (3%), and other revenues RM9.1 million (5%).

At the Group level, the Levy also remain as the main contributor to the Group's revenue amounting to RM216.3 million or 56% of the total revenue. Revenue from registration fees registered an amount of RM65.5 million (17%), course fee RM26.0 million (7%), government grant repayment RM16.7 million (4%), interest and dividend RM12.7 million (3%), compound and penalty RM9.4 million (2%), material verification RM8.9 million (2%), and other revenues RM27.8 million (9%).



Jadual I menunjukkan Hasil CIDB dan Kumpulan pada Tahun 2022  
Schedule I shows CIDB and the Group Revenue for 2022

Sumber Hasil/ Source of Revenue	Hasil/Revenue (RM juta/million)			
	Peringkat Kumpulan/ Group Level		Peringkat CIDB/ CIDB Level	
	2022	2021	2022	2021
<b>Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran</b> <i>Revenue From Non-Exchange Transactions</i>	<b>308.0</b>	<b>234.9</b>	<b>307.3</b>	<b>235.4</b>
Levi <i>Levy</i>	216.3	161.8	216.3	161.7
Yuran Pendaftaran <i>Registration Fee</i>	65.5	66.1	65.5	66.1
Kompaun dan Penalti <i>Compound and Penalty</i>	9.4	5.3	9.4	5.3
Geran Kerajaan <i>Government Grant</i>	16.7	0.6	16.1	2.3
Lain-lain Urus Niaga Bukan Pertukaran <i>Others Non-Exchange Transactions</i>	0.1	1.1	-	-
<b>Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran</b> <i>Revenue From Exchange Transactions</i>	<b>73.2</b>	<b>63.7</b>	<b>40.2</b>	<b>25.6</b>
Yuran Penilaian Kemahiran <i>Evaluation Skills Fees</i>	7.9	4.2	5.9	3.3
Yuran Kursus <i>Training Fees</i>	26.0	15.6	12.0	2.7
Hasil Sewaan <i>Rental Revenue</i>	0.7	2.3	0.1	0.5
Dividen <i>Dividends</i>	0.5	1.7	0.2	0.2
Faedah Deposit Tetap <i>Fixed Deposits Interest</i>	11.0	9.2	10.4	8.7
Hibah <i>Hibah</i>	1.2	1.5	1.2	1.4
Verifikasi Bahan <i>Material Verification</i>	8.9	8.0	8.9	8.0
Jualan Dokumen <i>Sales Documents</i>	0.2	0.2	0.1	0.1
Lain-lain Urus Niaga Pertukaran <i>Others Exchange Transactions</i>	8.3	1.9	1.4	0.7
Fi Pengurusan Projek Perundingan, Pensijilan dan Pendaftaran <i>Management Fees for Project Consultation, Certification and Registration</i>	8.5	19.1	-	-
<b>Lain-lain Hasil</b> <i>Others Revenue</i>	<b>2.1</b>	<b>12.2</b>	<b>1.6</b>	<b>11.5</b>
Bayaran Balik Geran <i>Grand Repayments</i>	0.1	4.6	0.1	4.6
Pendapatan Hutang Ragu <i>Doubtful Debt Income</i>	0.6	6.2	0.6	6.2
Keuntungan Mudharabah <i>Mudharabah Profit</i>	0.8	0.2	0.8	0.2
Pelbagai Hasil <i>Miscellaneous Revenue</i>	0.6	1.2	0.1	0.5
<b>Jumlah/Total</b>	<b>383.3</b>	<b>310.8</b>	<b>349.1</b>	<b>272.5</b>

## PERBELANJAAN

Perbelanjaan keseluruhan bagi CIDB telah meningkat sebanyak RM80.1 juta (28%) daripada RM282.3 juta untuk tahun 2021 kepada RM362.4 juta pada tahun 2022 manakala bagi Kumpulan juga telah meningkat sebanyak RM84.1 juta (25%) daripada RM330.2 juta untuk tahun 2021 kepada RM414.3 juta pada tahun 2022.

Perbelanjaan mengurus tahun 2022 bagi CIDB meningkat sebanyak RM8.3 juta (6%) kepada RM152.6 juta berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM144.3 juta. Perbelanjaan bagi program pembangunan industri meningkat sebanyak RM52.0 juta (54%) kepada RM148.4 juta berbanding RM96.4 juta pada tahun 2021. Perbelanjaan modal juga meningkat sebanyak RM19.8 juta (48%) kepada RM61.4 juta berbanding RM41.6 juta pada tahun 2021.

Perbelanjaan mengurus tahun 2022 bagi Kumpulan pula meningkat sebanyak RM10.9 juta (6%) kepada RM208.8 juta berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM197.9 juta. Perbelanjaan bagi program pembangunan industri meningkat sebanyak RM41.2 juta (48%) kepada RM126.3 juta berbanding RM85.1 juta pada tahun 2021. Perbelanjaan modal juga meningkat sebanyak RM32.0 juta (68%) kepada RM79.2 juta berbanding RM47.2 juta pada tahun 2021.

## EXPENDITURE

The overall expenditure for CIDB increased by RM80.1 million (28%) from RM282.3 million in 2021 to RM362.4 million in 2022 while the Group also recorded an increase of RM84.1 million (25%) from RM330.2 million in 2021 to RM414.3 million in 2022.

CIDB's operating expenses in 2022 increased by RM8.3 million (6%) to RM152.6 million compared to RM144.3 million in 2021. Expenditure for industrial development programmes increased by RM52.0 million (54%) to RM148.4 million compared to RM96.4 million in 2021. Capital expenditure also increased by RM19.8 million (48%) to RM61.4 million compared to RM41.6 million in 2021.

The Group's operating expenses in 2022 increased by RM10.9 million (6%) to RM208.8 million compared to RM197.9 million in 2021. Expenditure for industrial development programmes increased by RM41.2 million (48%) to RM126.3 million compared to RM85.1 million in 2021. Capital expenditure also increased by RM32.0 million (68%) to RM79.2 million compared to RM47.2 million in 2021.

Jadual II menunjukkan Perbelanjaan CIDB dan Kumpulan pada Tahun 2022  
Schedule II shows CIDB and the Group Expenditure for 2022

Jenis Perbelanjaan/ Expenditure Types		Perbelanjaan/ Expenditure (RM Juta/ Million)			
		Peringkat Kumpulan/ Group Level		Peringkat CIDB/ CIDB Level	
		2022	2021	2022	2021
Kos Pengeluaran Production Cost	a	11.3	11.4	-	-
Emolumen Emolument	b	103.4	103.0	77.3	77.0
Bekalan Perkhidmatan Service Supplies	c	2.6	3.6	2.1	3.1
Belanja Operasi Operational Expenditure	d	91.5	79.9	73.2	64.2
(A) Belanja Mengurus Management Expenditure	e=a+b+c+d	208.8	197.9	152.6	144.3
(B) Program Pembangunan Industri Industry Development Programmes		126.3	85.1	148.4	96.4
(C) Belanja Modal Capital Expenditure		79.2	47.2	61.4	41.6
<b>Jumlah/Total</b>	<b>A+B+C</b>	<b>414.3</b>	<b>330.2</b>	<b>362.4</b>	<b>282.3</b>

## KEUNTUNGAN TERKUMPUL

Keuntungan terkumpul bersih di peringkat CIBD meningkat sebanyak RM41.1 juta (5%) iaitu daripada RM821.9 juta pada tahun 2021 kepada RM863.0 juta pada tahun 2022.

Sementara itu kedudukan keuntungan terkumpul bersih di peringkat Kumpulan juga meningkat sebanyak RM40.4 juta (5%) daripada RM857.6 juta pada tahun 2021 kepada RM898.0 juta pada tahun 2022.

### ACCUMULATED PROFIT

The total accumulated income at CIBD level shows a RM41.1 million (5%) increased from RM821.9 million in 2021 to RM863.0 million in 2022.

At the Group level, total accumulated income also increased by RM40.4 million (5%) from RM857.6 million in 2021 to RM898.0 million in 2022.

Jadual III menunjukkan Keuntungan Terkumpul CIBD dan Kumpulan pada Tahun 2022  
Schedule III shows Accumulated Profit for CIBD and the Group for 2022

Jenis Pendapatan Types of Income		Pendapatan Income (RM juta/ million)			
		Peringkat Kumpulan Group Level		Peringkat CIBD CIBD Level	
		2022	2021	2022	2021
Lebih Pendapatan Sebelum Cukai <i>Surplus Income Before Tax</i>	a	48.2	27.8	48.1	31.8
Cukai Pendapatan <i>Income Tax</i>	b	7.5	(3.5)	6.8	(3.8)
Zakat <i>Zakat</i>	c	0.2	0.6	0.2	0.5
(A) Lebih Pendapatan Selepas Cukai <i>Surplus Income After Tax</i>	e=a-b-c	40.5	30.7	41.1	35.1
(B) Lebih Pendapatan Di Bawa Ke Hadapan <i>Surplus Income Brought Forward</i>		857.6	826.8	821.9	786.8
Keuntungan Penilaian Aktuari <i>Actuarial Valuation Gain</i>	f	-	0.1	-	-
Hapus Kira Penghutang Subsidiari <i>Subsidiary Receivables Written Off</i>	g	(0.1)	-	-	-
<b>Jumlah/Total</b>	<b>A+B+f+g</b>	<b>898.0</b>	<b>857.6</b>	<b>863.0</b>	<b>821.9</b>

# TINJAUAN PENGERUSI

*Chairman Overview*

**Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, Maha Penyayang.**

**Selaku Pengerusi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan CIDB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.**

*In the name of Allah, the Most Gracious, Most Merciful.*

*As Chairman of the Malaysian Construction Industry Development Board (CIDB), it is with great pleasure that I present the Annual Report and Financial Statements of CIDB for the financial year ended 31 December 2022.*

**YB. Ir. Hj. Yusuf Hj. Abd. Wahab**  
Pengerusi / Chairman



Mengimbas kembali tahun 2022, negara sekali lagi menyaksikan pertukaran kerajaan berikutan Pilihan Raya Umum Ke-15 pada November 2022. Kerajaan perpaduan telah dibentuk diketuai oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri baharu. Kementerian Kerja Raya mengalu-alukan Menteri baharu YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi dan Timbalan Menteri YB Dato' Sri Abdul Rahman Hj Mohamad untuk meneruskan usaha dalam memperkasakan pembangunan infrastruktur dan pengurusan aset yang komprehensif serta memperluaskan pendigitalan industri pembinaan.

Di peringkat global, kita masih berada di dalam pergolakan dunia yang dibawa oleh pandemik Covid-19, peperangan dan konflik. Kesan krisis Covid-19 yang berterusan dan konflik Rusia-Ukraine terhadap ekonomi, rantai nilai global, kesihatan dunia dan kestabilan sosial terus disaksikan. Permintaan berterusan telah menyokong aktiviti ekonomi dan perdagangan global apabila langkah pembendungan ditarik dan beralih ke arah endemisiti di kebanyakan negara.

### PERSEKITARAN EKONOMI

Pada awal 2022, ekonomi global masih terjejas oleh tindak balas dasar Covid-19 di tengah-tengah kemunculan varian baru yang membimbangkan. Negara-negara terpaksa mengambil langkah yang kukuh untuk membendung penularan penyakit itu, yang seterusnya membebankan aktiviti ekonomi. Bagaimanapun, menjelang separuh pertama 2022, pengurusan pandemik yang lebih berkesan telah membolehkan sesetengah ekonomi menarik sekatan dan membuka semula sempadan antarabangsa. Ini membawa kepada keadaan pasaran buruh yang bertambah baik dan pemulihan dalam aktiviti dan permintaan.

Di sebalik perkembangan positif ini, pemulihan global masih dihalang oleh beberapa faktor yang lain sepanjang tahun ini. Ini termasuk tekanan kos komoditi global yang semakin meningkat, konflik ketenteraan di Ukraine dan langkah-langkah pembendungan Covid-19 yang ketat di China. Khususnya, tekanan inflasi yang meningkat timbul sebagai kebimbangan yang ketara bagi kebanyakan ekonomi disebabkan peningkatan kos dan permintaan yang lebih kukuh berikutan pembukaan semula ekonomi. Ekonomi dunia telah menguncup kepada 3.1% berbanding 6% pada 2021.

*Looking back at the year 2022, the country once again saw a change of government following the 15th General Election in November 2022. A unity government was formed led by YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim as the new Prime Minister. The Ministry of Works welcomed a new Minister YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi and Deputy Minister YB Dato' Sri Abdul Rahman Hj Mohamad to continue its efforts in empowering infrastructure development and comprehensive asset management as well as expanding the digitalization of the construction industry.*

*On the global front, the turbulence of the world brought by pandemic diseases, war and conflicts has not eluded us. We continue to witness the impact of the on-going crises of Covid-19 and the Russian-Ukraine conflict on the economy, global value chain, world health and social stability. Pent-up demand had supported global economic and trade activities as many countries lifted containment measures and shifted towards endemicity.*

### ECONOMIC ENVIRONMENT

*In early 2022, the global economy was still heavily affected by Covid-19 policy responses amid the emergence of new variants of concern. Countries had to employ strong measures to curb the spread of the disease, which in turn weighed on economic activity. However, by the first half of 2022, more effective pandemic management enabled some economies to lift restrictions and reopen international borders. This led to improved labour market conditions and a rebound in economic activity and demand.*

*Not with standing these positive developments, the global recovery was hampered by several other factors during the year. These included rising global commodity cost pressures, the military conflict in Ukraine, and strict Covid-19 containment measures in China. In particular, rising inflationary pressures emerged as a significant concern for many economies due to increased costs and stronger demand following economic reopening. The world economy had contracted to 3.1% compared to 6% in 2021.*

Walaupun dalam menghadapi cabaran global, ekonomi Malaysia terus mencatatkan pemulihan yang kukuh dengan KDNK meningkat 8.7% pada 2022 (2021: 3.1%). Apabila sekatan Covid-19 ditarik, aktiviti ekonomi diteruskan. Keadaan pasaran buruh dan aktiviti pelaburan bertambah baik, seterusnya menyokong pertumbuhan dalam negeri. Pembukaan semula sempadan antarabangsa membantu memulihkan aktiviti pelancongan. Sokongan dasar yang berterusan, seperti kenaikan gaji minimum dan pemindahan tunai, memberikan peningkatan tambahan kepada ekonomi. Secara keseluruhan, pemulihan ekonomi Malaysia pada tahun 2022 sebahagian besarnya didorong oleh permintaan domestik yang lebih kukuh apabila aktiviti ekonomi kembali normal. Walau bagaimanapun, kadar pemulihan berbeza-beza merentasi pelbagai sektor ekonomi.

## TINJAUAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

Pertumbuhan dalam sektor pembinaan pulih untuk berkembang sebanyak 5.0% (2021: -5.2%), berikutan peningkatan menyeluruh dalam aktiviti merentas semua subsektor. Subsektor bukan kediaman melantun semula dengan kukuh daripada tahun sebelumnya, disebabkan kemajuan yang lebih pantas bagi projek hartanah komersial dan perindustrian yang besar. Begitu juga, subsektor perdagangan khas merekodkan pertumbuhan lebih tinggi disokong oleh kerja-kerja peringkat awal dan akhir seperti penyediaan tapak dan pemasangan, serta pelaksanaan berterusan projek berskala kecil. Kadar pemulihan dalam subsektor kejuruteraan awam dan kediaman adalah sedikit perlahan, sebahagiannya dihalang oleh kekurangan buruh yang berpanjangan dan kos bahan binaan yang tinggi.

Sehingga Disember 2022, sebanyak 11,158 projek bernilai RM128.2 bilion telah direkodkan berbanding 13,360 projek bernilai RM133.1 bilion pada tahun 2021. Projek-projek tersebut terdiri daripada 55% projek bukan kediaman, 21% projek kediaman, 20% projek infrastruktur dan 4% projek kemudahan sosial.

## PROSPEK MASA HADAPAN

Ekonomi global dijangka berkembang dengan kadar lebih perlahan antara 2.4% dan 2.9% pada 2023. Pertumbuhan global akan disokong oleh pasaran buruh yang berdaya tahan, pengurangan gangguan rantaian bekalan, pembukaan semula China dan pemulihan berterusan dalam aktiviti pelancongan global.

Ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang antara 4.0% dan 5.0% pada 2023, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh, terutamanya perbelanjaan sektor swasta. Ekonomi dijangka menghadapi cabaran daripada pertumbuhan global yang perlahan. Di samping itu, kebimbangan berterusan mengenai kos sara hidup dan kos input yang tinggi, serta kesannya terhadap cara perbelanjaan isi rumah dan perniagaan akan menambah cabaran ini. Namun begitu, peningkatan

*Even in the face of global challenges, Malaysia's economy continued to post a strong recovery. The GDP grew by 8.7% in 2022 (2021: 3.1%). As Covid-19 restrictions were lifted, economic activities resumed. Labour market conditions and investment activities improved, further supporting domestic growth. The reopening of international borders helped revive tourism activity. Continued policy support, such as the minimum wage increase and cash transfers, provided an additional lift to the economy. Overall, Malaysia's economic recovery in 2022 was largely driven by stronger domestic demand as economic activity normalised. However, the pace of recovery varied across different economic sectors.*

## MALAYSIAN CONSTRUCTION INDUSTRY OVERVIEW

*Growth in the construction sector recovered to expand by 5.0% (2021: -5.2%), following a broad-based pickup in activities across all subsectors. The non-residential subsector rebounded strongly from the previous year, on account of faster progress of large commercial real estate and industrial projects. Similarly, the special trade subsector recorded higher growth supported by early- and end-stage works such as site preparation and installation, as well as continued implementation of small-scale projects. The pace of recovery in the civil engineering and residential subsectors were marginally slower, partly hampered by prolonged labour shortages and elevated building material costs.*

*As of December 2022, a total of 11,158 projects worth RM128.2 billion was recorded compared to 13,360 projects worth RM133.1 billion in 2021. The projects comprised of 55% non-residential projects, 21% residential projects, 20% infrastructure projects and 4% social amenities projects.*

## FUTURE PROSPECTS

*The global economy is expected to grow at a slower pace of between 2.4% and 2.9% in 2023. Global growth will be supported by resilient labour markets, easing of supply chain disruptions, China's reopening and continued recovery in global tourism activity.*

*The Malaysian economy is projected to grow between 4.0% and 5.0% in 2023, supported by firm domestic demand, particularly private sector spending. The economy is expected to face challenges from slowing global growth. Additionally, continued concerns on the elevated cost of living and input costs, as well as their impact to households' and businesses' spending behaviour will add to these challenges. Nonetheless, further improvement in labour market conditions, continued implementation of multi-year investment projects and higher tourism activity, particularly with the resumption of China's outbound tourism are expected to support private consumption and investment growth.*

selanjutnya dalam kondisi pasaran buruh, pelaksanaan berterusan projek pelaburan berbilang tahun dan aktiviti pelancongan yang lebih tinggi, terutamanya dengan penyambungan semula pelancongan keluar China dijangka menyokong penggunaan swasta dan pertumbuhan pelaburan.

Sektor pembinaan dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh pada 2023, dirangsang terutamanya oleh peningkatan berterusan dalam aktiviti subsektor kejuruteraan awam dan kediaman. Kemajuan yang lebih pantas bagi projek-projek mega dalam pengangkutan dan utiliti sedia ada akan meningkatkan pertumbuhan dalam subsektor kejuruteraan awam. Sementara itu, pelancaran perumahan baharu yang lebih tinggi, sejajar dengan peningkatan permintaan yang dijangka berikutan prospek pendapatan dan pekerjaan yang lebih baik, akan memberikan sokongan kepada subsektor kediaman.

## PRESTASI CIDB TAHUN 2022

CIDB sebagai penjaga industri pembinaan mesti memainkan peranan dan fungsinya di bawah Akta 520 dalam mengemudi pembangunan dan pertumbuhannya. Selain itu, CIDB juga perlu menjalankan tanggungjawabnya sebagai penasihat yang memberikan cadangan kepada Kerajaan berkaitan industri pembinaan. Pencapaian objektif tersebut dipacu oleh empat Pelan Strategik utama di peringkat organisasi yang telah dibangunkan oleh CIDB iaitu:

- Pelan Strategik CIDB (CSP) 2021 - 2025;
- Pelan Strategik ICT (ISP) CIDB 2020 - 2025;
- Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) CIDB 2021 - 2025; dan
- Pelan Strategik Pembinaan 4.0 (C4.0) 2021 - 2025

CSP merupakan pelan strategik 5 tahun bagi tempoh 2021-2025 yang mensasarkan CIDB menjadi peneraju utama dalam membangunkan industri pembinaan yang prihatin dan bertanggungjawab terhadap masyarakat dan alam sekitar. Tahun 2022 merupakan tahun kedua pelaksanaan CSP yang telah menghasilkan beberapa kejayaan pantas secara dalaman dan luaran. Pencapaian keseluruhan KPI CSP bagi tahun 2022 adalah 99.3% berbanding sasaran 100% yang menunjukkan prestasi lebih baik daripada 2021 dengan peningkatan sebanyak 2.1%. 60 daripada 61 KPI telah berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan (hijau) manakala hanya satu KPI yang mencapai antara 60% - 85% (kuning).

ISP CIDB telah dibangunkan untuk tempoh pelaksanaan dari 2020 hingga 2025, dengan objektif agar CIDB menjadi *Insight-Driven Organization (IDO)* yang melangkaui penggunaan teknologi secara maksimum, serta bergerak ke arah organisasi yang menggalakkan penjaan idea dan penyelesaian secara inovatif. Tahun 2022 merupakan tahun ketiga pelaksanaan ISP yang telah berjaya mencapai kemajuan 94.6% berbanding sasaran 100%. Sebanyak 18 KPI telah berjaya dilaksanakan dengan pencapaian 15 KPI melebihi 85% (hijau) dan 3 KPI mencapai antara 60%-85% (kuning).

*The construction sector is expected to record a stronger growth in 2023, buoyed mainly by continued improvement in activities within the civil engineering and residential subsectors. Faster progress of existing large transportation and utility projects will lift growth in the civil engineering subsector. Meanwhile, higher new housing launches, in tandem with the expected expansion in demand following better income and employment prospects, will provide support to the residential subsector.*

## CIDB PERFORMANCE IN 2022

*CIDB being the custodian of the construction industry must play its role and function under the Act 520 in steering its development and growth. In addition, CIDB also has to carry out its responsibilities as an advisor who provides recommendations to the Government related to the construction industry. In guiding the achievement of these objectives, four main Strategic Plans at the organizational level had been developed by CIDB namely:*

- *CIDB Strategic Plan (CSP) 2021 - 2025;*
- *CIDB ICT Strategic Plan (ISP) 2020 - 2025;*
- *CIDB Organizational Anti-Corruption Plan (OACP) 2021 - 2025; and*
- *Construction 4.0 Strategic Plan (C4.0) 2021 - 2025*

*The CSP is a 5-year strategic plan for the period of 2021-2025 with the aim for CIDB to be the main leader in developing a caring and responsible construction industry towards society and the environment. The year 2022 is the second year of the CSP implementation which had generated some quick gains internally and externally. The overall achievement of the CSP KPI for the year 2022 is 99.3% against the target of 100% performing better than 2021 with an increase of 2.1%. 60 out of 61 KPIs have successfully achieved the set target (green) while only one KPI achieved between 60% - 85% (yellow).*

*CIDB's ISP had been developed for the implementation period from 2020 to 2025, with the objective of CIDB becoming an Insight-Driven Organization (IDO) that transcends maximum use of technology, as well as moving towards an organization that encourages the generation of ideas and innovative solutions. The year 2022 is the third year of ISP implementation which has successfully achieved 94.6% progress against the target of 100%. A total of 18 KPIs have been successfully implemented with the achievement of 15 KPIs exceeding 85% (green) and 3 KPIs achieving between 60%-85% (yellow).*

*The CIDB OACP 2021 - 2025 had been developed to support the National Anti-Corruption Plan (NACP) 2019-2023. The CIDB OACP comprises 4 Priority Areas, 4 Strategies and 74 Initiatives aimed at strengthening CIDB's transparency, credibility, effectiveness and efficiency in delivering its services. In 2022, CIDB's OACP achievement is 99% against the target of 100%. 70 out of 74 initiatives had successfully achieved over 90% (green) while 4 initiatives achieved between 70% - 89% (yellow).*

OACP CIDB 2021 - 2025 telah dibangunkan bagi menyokong Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023. OACP CIDB merangkumi 4 Bidang Keutamaan, 4 Strategi dan 74 Inisiatif yang menjurus kepada pengukuhan ketelusan, kredibiliti, keberkesanan dan kecekapan CIDB dalam menyampaikan perkhidmatannya. Pada 2022, pencapaian OACP CIDB adalah 99% berbanding sasaran 100%. 70 daripada 74 inisiatif telah berjaya mencapai lebih 90% (hijau) manakala 4 inisiatif mencapai antara 70% - 89% (kuning).

Selaras dengan dasar kerajaan yang menyokong Revolusi Perindustrian 4.0, Kementerian Kerja Raya telah melancarkan Pelan Strategik Pembinaan 4.0 (2021 – 2025) pada 17 November 2020. Pelan tersebut telah menetapkan aspirasi dan inisiatif utama berkaitan transformasi industri pembinaan Malaysia melalui pemerkasaan pembinaan pintar dan digitalisasi. Pada tahun 2022, 26 KPI telah berjaya dilaksanakan dengan pencapaian 98.3% berbanding sasaran 100%. 23 daripada 26 KPI mencapai lebih 85% (hijau), 1 KPI dicapai antara 60% - 85% (kuning) dan 2 KPI dicapai di bawah 60% (merah).

Selain daripada pelan-pelan di atas, CIDB turut menyumbang sebanyak 12 KPI yang telah ditetapkan di bawah Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya pada tahun 2022 dengan kesemua KPI mencapai 100%.

## PENGHARGAAN

Pada tahun 2022, CIDB menyambut tahun ke-28 ia beroperasi. Terdapat tahun-tahun gemilang dan mencabar yang membentuk CIDB hari ini. Pencapaian ini adalah hasil usaha gigih pasukan CIDB yang terdiri daripada Pengurusan Tertinggi, pegawai dan staf. Di belakang mereka adalah sokongan dan komitmen padu yang diberikan oleh Kementerian Kerja Raya, Anggota Lembaga Pengarah, Agensi Kerajaan yang lain dan yang paling penting pihak berkepentingan industri pembinaan daripada sektor awam dan swasta semuanya menyumbang ke arah pencapaian CIDB.

Bagi pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Datuk Zainal Abidin Bin Abu Hassan, Dato' Zamzuri Bin Abdul Aziz dan Datuk Seri Jamil Bin Rakon yang telah bersara daripada perkhidmatan awam. Perkhidmatan cemerlang mereka telah memudahkan urusan berkaitan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kewangan dan Kementerian Sumber Manusia. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada Dato' Ir. Soam Heng Choon dari REHDA, Tan Sri Sufri Bin Hj. Mhd Zin dari MBAM, Datuk Dr Roland Chia Ming Shen dari Droche Properties Sdn. Bhd. dan Tn. Hj. S. Zainal Abidin Bin S. Hassan dari Sabah Ports Sdn. Bhd. yang telah menamatkan tempoh perkhidmatan mereka. Sumbangan dan bimbingan yang

*In line with the government's policy supporting the Industrial Revolution 4.0, the Ministry of Works launched the Construction Strategic Plan 4.0 (2021 – 2025) on 17 November 2020. The plan has designated the aspirations and key initiatives related to the transformation of the Malaysian construction industry through empowering smart construction and digitalization. In 2022, 26 KPIs had been successfully implemented with an achievement of 98.3% against the target of 100%. 23 out of 26 KPIs achieved over 85% (green), 1 KPI achieved between 60% - 85% (yellow) and 2 KPIs achieved below 60% (red).*

*Apart from the above plans, CIDB also contributed a total of 12 KPIs that have been set under the Organizational Strategic Plan of the Ministry of Works in 2022 with all KPIs achieving 100%.*

## APPRECIATIONS

*In 2022, CIDB celebrated its 28th year in operation. There were glorious years and challenging ones that made what CIDB is today. These accomplishments were attributed to the sheer hard work of the CIDB team comprising of Top Management, officers and staff. Behind them were the unwavering support and commitment rendered by the Ministry of Works, Board Members, other Government Agencies and most of all construction industry stakeholders from both the public and private sectors all contributing towards the milestones achieved by CIDB.*

*On behalf of the Board and Management, I want to take this opportunity to express our deep and sincere gratitude to Datuk Zainal Abidin Bin Abu Hassan, Dato' Zamzuri Bin Abdul Aziz and Datuk Seri Jamil Bin Rakon who had since retired from the civil service. Their outstanding services accorded had facilitated matters concerning the Ministry of Local Government Development, Ministry of Finance and Ministry of Human Resources. Our heartfelt commendations also go to Dato' Ir. Soam Heng Choon from REHDA, Tan Sri Sufri Bin Hj. Mhd Zin from MBAM, Dr. Roland Chia Ming Shen of Droche Properties Sdn. Bhd. and Tn. Hj. S. Zainal Abidin Bin S. Hassan from Sabah Ports Sdn. Bhd. who had completed their term in office. Their invaluable contributions and guidance as members of the Board had been instrumental in formulating strategies to uplift the construction industry to greater heights. May all of you be blessed with a thriving and successful future full of health and prosperity.*

*We welcome the appointment of Dato' Wira Wan Ahmad Uzir Bin Hj Wan Sulaiman, the Secretary General of the Ministry of Works; Datuk M Noor Azman Bin Taib, the Secretary General of the Ministry of Local Government Development; Ab Rahim Bin Ab Rahman, the Under Secretary, Government Procurement Division in the Ministry of Finance; En. Oliver Wee Hiang Chyn, President of Master Builders Association Malaysia (MBAM) and Datuk N.K. Tong, President of Real*



tidak ternilai sebagai ahli Lembaga telah memainkan peranan penting dalam merangka strategi untuk meningkatkan industri pembinaan ke tahap yang lebih tinggi. Semoga dikurniakan masa depan yang maju dan cemerlang dengan penuh kesihatan dan kesejahteraan.

Kami mengalu-alukan pelantikan Dato' Wira Wan Ahmad Uzir Bin Hj Wan Sulaiman, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya; Datuk M Noor Azman Bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan; Ab Rahim Bin Ab Rahman, Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan di Kementerian Kewangan; En. Oliver Wee Hiang Chyn, Presiden *Master Builders Association Malaysia* (MBAM) dan Datuk N.K. Tong, Presiden *Real Estate And Housing Developers' Association Malaysia* (REHDA). Besarlah harapan kami agar barisan Anggota Lembaga baharu ini akan mengukuhkan lagi CIDB dengan pengetahuan, kepakaran dan pengalaman luas mereka dalam mengemudi CIDB mengharungi masa-masa yang mencabar ini.

Kita memulakan tahun dengan meninggalkan kesan-kesan buruk pandemik. Namun, di tengah-tengah jangkaan pemulihan dalam ekonomi global, dunia segera diingatkan tentang ketidakpastian di masa hadapan yang memberikan cabaran baharu untuk mengekalkan pemulihan tersebut. Ini adalah peringatan penting bahawa kita perlu merancang untuk kejutan dan bersedia untuk bertindak balas dengan sewajarnya. Industri pembinaan telah mengharungi pelbagai halangan pada masa lalu. Sejauh mana kita boleh menempuh rintangan masa hadapan akan bergantung pada tindakan yang kita ambil hari ini untuk mengukuhkan daya tahan dan membina semula penampungan yang telah dirobuhkan.

Izinkan saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua pihak berkepentingan, pasukan pengurusan yang berdedikasi dan Warga CIDB yang komited atas sokongan dan profesionalisme yang tidak berbelah bahagi dalam melaksanakan tugas secara berterusan pada standard tinggi yang diharapkan serta diamanahkan oleh orang ramai.

*Estate And Housing Developers' Association Malaysia (REHDA). It is with great hope that these new additions to the Board will further strengthen CIDB with their vast knowledge, expertise and experience in navigating CIDB through these challenging times.*

*We started the year with the worst of the pandemic behind us. However, amid expectations of a rebound in the global economy, the world was swiftly reminded of the uncertainties in the road ahead that present new challenges for sustaining the recovery. This is an important reminder that we need to plan for surprises and be ready to respond accordingly. The construction industry has weathered many storms in the past. How well we can weather future ones will depend on the actions we take today to strengthen our resilience and rebuild buffers that had been torn down.*

*Let me thank all our stakeholders, our dedicated management team and committed Warga CIDB once again for their unwavering support and professionalism in continuing to perform to the high standards expected of us, and uphold the trust that is placed upon us by the public.*

# ACARA UTAMA

Main Event

20 JANUARI /  
JANUARY  
2022

## CIDB PERKENAL LENCANA ANGGOTA PENGUATKUASA CIDB UNTUK ELAK PENYAMARAN

*CIDB INTRODUCES CIDB ENFORCEMENT OFFICERS  
BADGES TO AVOID FRAUDULENT IMPERSONATION*

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) memperkenalkan lencana anggota penguatkuasa CIDB bagi mensiapsiagakan keterampilan anggota penguatkuasa dan sebagai pengesahan anggota adalah pegawai penguatkuasa yang dilantik. Ia juga bertujuan mengawal selia anggota sedia ada dari pihak luar membuat penyamaran atau penipuan.

Ketua Eksekutif CIDB Malaysia, Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid telah menyerahkan lencana tersebut kepada anggota penguatkuasa CIDB pada Majlis Amanat Ketua Eksekutif Tahun 2022. Selain lencana, anggota penguatkuasa juga dibekalkan dengan Kad Kuasa CIDB yang dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan bagi memastikan kad kuasa tersebut tidak boleh dipalsukan atau dipindah milik. Hanya mereka yang boleh menunjukkan lencana dan Kad Kuasa CIDB sahaja boleh melaksanakan kerja-kerja penguatkuasaan di tapak pembinaan di bawah Akta 520.

*The Malaysian Construction Industry Development Board (CIDB) introduced the CIDB enforcement officers' badges to equip their skills and certify their appointment as enforcement officers. It also aims to regulate existing officers from outside parties doing impersonation or fraud.*

*Chief Executive of CIDB Malaysia, Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid handed over the badges to CIDB enforcement officers at the Chief Executive's 2022 New Year Message Ceremony. In addition to the badges, enforcement officers are also provided with CIDB Authorization Cards equipped with security features to avoid the cards from being forged or transferred. Only those who can produce badges and CIDB Authorization Cards can carry out enforcement work at construction sites under Act 520.*





**PORTAL KONTRAKTOR MALAYSIA DAN KAD LAPORAN KONTRAKTOR BAHARU MEMBOLEHKAN PENGGIAT INDUSTRI PEMBINAAN BERURUSAN DENGAN LEBIH MUDAH DAN TELUS**

*MALAYSIAN CONTRACTOR PORTAL AND NEW CONTRACTOR REPORT CARD ALLOW SIMPLER AND MORE TRANSPARENT TRANSACTIONS FOR CONSTRUCTION INDUSTRY PLAYERS*

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah memperkenalkan Portal Kontraktor Malaysia (MCP) dan Kad Laporan Kontraktor (CRC). Inisiatif MCP dan CRC yang dibangunkan oleh CIDB adalah untuk memacu penggunaan teknologi dalam industri pembinaan negara bagi memastikan kemampanan, kecekapan serta ketelusan.


*The Malaysian Construction Industry Development Board (CIDB) has introduced the Malaysian Contractor Portal (MCP) and the Contractor Report Card (CRC). The MCP and CRC initiatives developed by CIDB are to drive the use of technology in the national construction industry to ensure sustainability, efficiency and transparency.*

Majlis pelancaran diadakan di Pusat Konvensyen CIDB dan telah disempurnakan oleh Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia, mewakili Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Menteri Kanan Kerja Raya.

*The launching ceremony was held at the CIDB Convention Centre and was officiated by Datuk Arthur Joseph Kurup, Deputy Minister of Works, representing Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, the Senior Minister of Works.*

Selaras dengan objektif Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dan Dasar Pembinaan Negara 2030 (NCP 2030) yang bertemakan "Digitalisasi Sektor Pembinaan," CIDB telah bekerjasama dengan pelbagai agensi seperti Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk membangunkan MCP sebagai portal sehenti penggiat industri pembinaan untuk berurusan dan berinteraksi dengan pihak berkepentingan yang lain.

*In line with the objectives of the 12th Malaysia Plan (RMK-12) and the National Construction Policy 2030 (NCP 2030) with its theme, "Digitalization of The Construction Sector," CIDB has collaborated with various agencies such as the Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), the Energy Commission (ST) and the National Water Services Commission (SPAN) to develop the MCP as a one-stop portal for construction industry players to deal and interact with other stakeholders.*



24 MAC/  
MARCH  
2022

## MYDIGITAL KONTRAKTOR – LANGKAH PERTAMA KONTRAKTOR KE ERA DIGITAL

MYDIGITAL CONTRACTOR – THE CONTRACTOR'S FIRST  
STEP INTO THE DIGITAL ERA



CIDB E-Construct Services Sdn Bhd, sebuah anak syarikat CIDB Malaysia hari ini memperkenalkan Program myDigital Kontraktor yang merupakan sebuah perkhidmatan penyediaan laman web untuk kontraktor yang berdaftar dengan CIDB. Program ini memudahkan kontraktor untuk mempromosikan syarikat mereka serta meluaskan capaian dan carian maklumat mengenai syarikat mereka secara online.

Program myDigital Kontraktor ini telah dilancarkan oleh Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Menteri Kanan Kerja Raya, di MyBIM Centre CIDB di sini. Pada majlis tersebut, Fadillah turut menyaksikan upacara menandatangani perjanjian usahasama di antara CIDB E-Construct dan Maxwell Cloud Technology Sdn. Bhd. Turut hadir di majlis tersebut adalah Dato' Wira Wan Ahmad Uzir Bin Haji Wan Sulaiman, Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya, Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia, Ts. Rofizlan Ahmad, Ketua Eksekutif, CIDB E-Construct Services Sdn. Bhd. serta Ng Jiun Chiet, Ketua Eksekutif dari Maxwell Cloud Technology Sdn. Bhd.

*CIDB E-Construct Services Sdn Bhd, a subsidiary of CIDB Malaysia today introduced the myDigital Contractor Programme which is a website development service for contractors registered with CIDB. The programme makes it easier for contractors to promote their companies as well as expand the reach and search for information about their companies online.*

*The myDigital Contractor programme was launched by Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Senior Minister of Works, at CIDB's MyBIM Centre. At the event, Fadillah also witnessed the signing ceremony of the joint venture agreement between CIDB E-Construct and Maxwell Cloud Technology Sdn. Bhd. Also present at the ceremony was Dato' Wira Wan Ahmad Uzir Bin Haji Wan Sulaiman, Secretary General, Ministry of Works, Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid, Chief Executive of CIDB Malaysia, Ts. Rofizlan Ahmad, Chief Executive of CIDB E-Construct Services Sdn. Bhd. and Ng Jiun Chiet, Chief Executive from Maxwell Cloud Technology Sdn. Bhd.*

21 JUN/  
JUNE  
2022

## MOU CIBD DENGAN BADAN PROFESIONAL UK BANTU MENINGKATKAN PROFESIONALISME PERSONEL PEMBINAAN DI MALAYSIA

*CIBD MOU WITH UK PROFESSIONAL BODY IN ENHANCING THE PROFESSIONALISM OF CONSTRUCTION PERSONNEL IN MALAYSIA*

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIBD) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Chartered Institute of Building (CIOB), di Manufacturing Technology Centre, Ansty Park, United Kingdom. MoU tersebut merupakan sebahagian daripada usaha CIBD bagi mempertingkatkan amalan pengurusan projek dan pengurusan pembinaan di Malaysia.

Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid, Ketua Eksekutif CIBD, menandatangani MoU ini bagi pihak CIBD, manakala Caroline Gumble, Ketua Eksekutif CIOB, menandatangani bagi pihak CIOB. Hadir pada majlis tersebut ialah Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Kerja Raya dan Hj. Ir. Yusuf Abd. Wahab, Pengerusi CIBD. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Amy Gough, Pengarah Keahlian CIOB, yang juga menjadi saksi penandatanganan tersebut.

MoU ini menggariskan kerjasama antara CIBD dan CIOB untuk menggalakkan peningkatan pengurusan pembinaan dan pengurusan projek, teknologi pembinaan, dan kelestarian alam sekitar dalam industri pembinaan. Usaha ini akan dilaksanakan melalui pertukaran maklumat dan penyelidikan di antara kedua-dua pihak.

Kerjasama antara CIBD dan CIOB bertujuan untuk meningkatkan profil dan pengiktirafan pengurusan profesional dalam industri pembinaan melalui pengiktirafan yang lebih luas terhadap pensijilan dan pentauliahan bagi pengurus projek dan pengurus pembinaan di Malaysia. Pengiktirafan ini akan membantu mewujudkan ketersediaan tenaga kerja yang kompeten untuk masa hadapan.



*The Malaysian Construction Industry Development Board (CIBD) has signed a Memorandum of Understanding (MoU) with the Chartered Institute of Building (CIOB), at the Manufacturing Technology Centre, Ansty Park, United Kingdom. The MoU is part of CIBD's efforts to enhance project management and construction management practices in Malaysia.*

*Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid, Chief Executive of CIBD, signed the MoU on behalf of CIBD, while Caroline Gumble, Chief Executive of CIOB, signed on behalf of CIOB. Present at the ceremony were Datuk Arthur Joseph Kurup, Deputy Minister of Works and Hj. Ir. Yusuf Abd. Wahab, CIBD Chairman. Also present at the event was Amy Gough, CIOB Director of Membership, who also witnessed the signing.*

*This MoU outlines the collaboration between CIBD and CIOB to promote the enhancement of construction management and project management, construction technology, and environmental sustainability in the construction industry. This effort will be implemented through the exchange of information and research between the two parties.*

*The collaboration between CIBD and CIOB aims to raise the profile and recognition of professional management in the construction industry through wider recognition of certification and accreditation for project managers and construction managers in Malaysia. This recognition will help create the availability of competent workforce for the future.*



23 JUN/  
JUNE  
2022

## CIDB MELANCARKAN PERISIAN BAHARU UNTUK MENINGKATKAN PENGURUSAN KOS PEMBINAAN & FASILITI

CIDB LAUNCHES NEW SOFTWARE TO ENHANCE CONSTRUCTION & FACILITIES COST MANAGEMENT

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), dengan kerjasama MCM Value Sdn. Bhd., telah melancarkan aplikasi *Whole Life Cost Software* (LCCsoft) untuk industri pembinaan. Pra-pelancaran secara maya untuk LCCsoft telah dirasmikan oleh Datuk Ir. Ahmad Asri Abdul Hamid, Ketua Eksekutif CIDB.


*The Construction Industry Development Board Malaysia (CIDB), in collaboration with MCM Value Sdn. Bhd., had launched the Whole Life Cost Software (LCCsoft) application for the construction industry. The virtual soft launch for LCCsoft was officiated by Datuk Ir. Ahmad Asri Abdul Hamid, Chief Executive of CIDB.*

LCCsoft adalah aplikasi produk baharu yang boleh diakses melalui portal *National Construction Cost Centre* (N3C), sebuah bank data berpusat atas talian yang menyediakan maklumat kos pembinaan yang tepat dan jitu. Ini termasuk harga dan butiran terkini seperti harga bahan binaan, kadar upah buruh, kadar sewa jentera dan data-data lain. *Building Cost Information Services Malaysia* (BCISM) telah diamanahkan untuk mengendalikan portal N3C bagi pihak CIDB Malaysia.

*LCCsoft is a new product application that can be accessed through National Construction Cost Centre (N3C) portal, an online centralized data bank that provides accurate and precise construction cost information. These include up-to-date pricing and details such as building materials prices, labour wage rates, machinery hire rates and other data. Building Cost Information Services Malaysia (BCISM) is entrusted to operate N3C portal on behalf of CIDB Malaysia.*

Pengenalan LCCsoft akan memupuk kecekapan, produktiviti dan progresif yang lebih hebat di kalangan pemain industri Malaysia. CIDB akan terus bekerjasama dengan pemain industri untuk mempertingkatkan momentum transformasi berterusan industri pembinaan.

*The introduction of LCCsoft will foster an even greater efficiency, productivity and progressiveness among Malaysian industry players. CIDB will continue to work with industry players to gear up the momentum of the construction industry's continued transformation.*



16 OGOS/  
AUGUST  
2022

**SARAWAK ENERGY METERAI MOU DENGAN CIDB BAGI PEMBANGUNAN KAPASITI DAN KEUPAYAAN SERTA AMALAN TERBAIK PEMBINAAN UNTUK MEMBANGUNKAN TENAGA KERJA MAHIR DI SARAWAK**

*SARAWAK ENERGY AND CIDB INK MOU ON CAPACITY AND CAPABILITY BUILDING AND CONSTRUCTION BEST PRACTICES TO DEVELOP SKILLED WORKFORCE IN SARAWAK*

Sarawak Energy Berhad (Sarawak Energy) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) hari ini dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), menandakan hasrat kedua-dua pihak untuk bekerjasama dalam program pembangunan kapasiti untuk personel binaan mahir dan meningkatkan penggunaan amalan terbaik pembinaan di Sarawak.

Sebagai tanda sokongan akan pentingnya kerjasama ini, Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Haji Openg telah merasmikan majlis menandatangani MoU tersebut. Turut hadir adalah Dato Sri Profesor Dr Sim Kui Hian, Timbalan Premier Sarawak merangkap Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Datuk Haji Julaihi Haji Narawi Menteri Utiliti dan Telekomunikasi, Sarawak.

Sarawak Energy diwakili Ketua Eksekutif Kumpulannya, Datu Haji Sharbini Suhaili manakala CIDB diwakili Ketua Eksekutifnya, Datuk Ir. Ahmad Asri Abdul Hamid pada majlis menandatangani MoU tersebut. Naib Presiden Eksekutif Sarawak Energy bagi Penyampaian Projek, Ir. Pramod Kumar Karunakaran dan Timbalan Ketua Eksekutif I CIDB, Megat Kamil Azmi Megat Rus Kamarani telah menyaksikan majlis menandatangani MoU ini. Pengerusi CIDB Hj. Ir. Yusuf Abd Wahab, Timbalan Ketua Eksekutif II CIDB Sr. Zaid Zakaria, pasukan pengurusan kanan dan anggota pekerja Sarawak Energy dan CIDB turut hadir.

MoU itu merupakan kolaborasi utama ke arah membangunkan tenaga kerja dan kapasiti yang sangat diperlukan untuk industri pembinaan. Sebagai peringkat awal, skop kerjasama meliputi latihan, penilaian dan akreditasi 100 pengendali loji dan kren, 200 pemasang perancah dan 80 penyelia tapak pembinaan oleh CIDB bagi sejumlah 20 projek Sarawak Energy.

Pembinaan projek-projek infrastruktur tenaga mega Sarawak Energy memerlukan sejumlah besar pekerja mahir yang perlu didaftarkan, dilatih dan diakreditasi. Melalui kerjasama ini, CIDB akan dapat menganjurkan pendaftaran, latihan dan akreditasi yang akan dijalankan di tapak projek terpencil bagi mengurangkan gangguan projek, masa dan kos logistik.

Sarawak Energy, sebagai pemilik projek infrastruktur mega, telah bersetuju untuk menyediakan penempatan perantisan industri untuk 100 orang yang telah menamatkan latihan mereka dari akademi latihan milik CIDB, Akademi Binaan Malaysia (ABM).

*Sarawak Energy Berhad (Sarawak Energy) signed a Memorandum of Understanding (MoU) today with the Construction Industry Development Board (CIDB) Malaysia, signalling both parties' intention to collaborate in capacity building programmes for skilled construction personnel and enhance the adoption of construction best practices in Sarawak.*

*As testament to its importance, Sarawak Premier Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Haji Openg officiated at the signing ceremony. Also present were Dato Sri Professor Dr. Sim Kui Hian, Deputy Premier of Sarawak and Minister for Public Health, Housing and Local Government and Datuk Haji Julaihi Haji Narawi Minister for Utility and Telecommunication, Sarawak.*

*Sarawak Energy was represented by its Group Chief Executive, Datu Haji Sharbini Suhaili while CIDB was represented by its Chief Executive, Datuk Ir. Ahmad Asri Abdul Hamid at the signing ceremony. Sarawak Energy Executive Vice President for Project Delivery, Ir. Pramod Kumar Karunakaran and CIDB Deputy Chief Executive I, Megat Kamil Azmi Megat Rus Kamarani witnessed the MoU signing. CIDB Chairman Hj. Ir. Yusuf Abd Wahab, Deputy Chief Executive II of CIDB Sr. Zaid Zakaria, senior management team and staff from Sarawak Energy and CIDB were also in attendance.*

*The MoU is a key collaboration towards developing much-needed manpower and capacity for the construction industry. As an initial stage, the scope of collaboration covers the training, assessment and accreditation of 100 plant and crane operators, 200 scaffolders and 80 construction site supervisors by CIDB for a total of 20 Sarawak Energy projects.*

*Sarawak Energy's large-scale construction of energy infrastructure projects require a large number of skilled workers who need to be registered, trained and accredited. Through this collaboration, CIDB will be able to organise registration, training and accreditation to be conducted at remote project sites in order to minimise project disruption, time and logistic costs.*

*Sarawak Energy, as owner of large infrastructure projects, has agreed to provide industry apprenticeship placement for 100 people who have completed their training from CIDB-owned training academy, Akademi Binaan Malaysia (ABM).*

29 OGOS/  
AUGUST  
2022

## CIDB DAN MRTCORP BEKERJASAMA TINGKATKAN KUALITI DAN PRODUKTIVITI INDUSTRI PEMBINAAN

*CIDB AND MRTCORP COLLABORATE TO ENHANCE THE QUALITY AND PRODUCTIVITY OF THE CONSTRUCTION INDUSTRY*

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan *Mass Rapid Transit Corporation* (MRT Corp) pada hari ini ke arah meningkatkan kualiti dan produktiviti industri pembinaan. MoU ini merangkumi tiga aspek utama, iaitu Pembangunan Modal Insan, Kaedah & Teknologi Pembinaan, serta Sistem Penilaian Kualiti, Keselamatan dan Kemampanan.

*The Malaysian Construction Industry Development Board (CIDB) signed a Memorandum of Understanding (MoU) with the Mass Rapid Transit Corporation (MRT Corp) today to enhance the quality and productivity of the construction industry. This MoU covers three main aspects, namely Human Capital Development, Construction Methods & Technology, as well as Quality, Safety and Sustainability Assessment System.*

MoU ini ditandatangani oleh Ketua Eksekutif CIDB, Datuk Ir Ahmad 'Asri Abdul Hamid, mewakili CIDB, dan Ketua Eksekutif MRT Corp, Datuk Mohd Zarif Hashim, mewakili MRT Corp. Majlis menandatangani MoU tersebut disaksikan Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia.

*The MoU was signed by CIDB Chief Executive, Datuk Ir Ahmad 'Asri Abdul Hamid, representing CIDB, and MRT Corp Chief Executive, Datuk Mohd Zarif Hashim, representing MRT Corp. The MoU signing ceremony was witnessed by Datuk Arthur Joseph Kurup, Malaysia's Deputy Minister of Works.*

MoU ini menetapkan bidang kerjasama CIDB serta MRT Corp di dalam membangunkan modul latihan pembinaan infrastruktur untuk menghasilkan personel binaan kompeten yang akan memenuhi keperluan projek-projek MRT Corp serta industri pembinaan keseluruhannya.

*This MoU sets out the areas of collaboration between CIDB and MRT Corp in developing an infrastructure construction training module to produce competent construction personnel that will meet the needs of MRT Corp projects as well as the construction industry as a whole.*

Melalui kerjasama ini juga, MRT Corp berperanan untuk menyokong objektif pihak CIDB dan juga Institut Penyelidikan Pembinaan Malaysia (CREAM) dalam merealisasikan Pelan Strategik Pembinaan 4.0, yang akan menjadi asas bagi merangka program untuk meningkatkan keupayaan industri pembinaan dalam alaf industri 4.0.

*Through this collaboration as well, MRT Corp plays a role in supporting the objectives of the CIDB and also the Construction Research Institute of Malaysia (CREAM) in realizing the Construction Strategic Plan 4.0, which will be the basis for devising programmes to improve the capabilities of the construction industry in the 4.0-millennium industry.*

Sejak 2011, CIDB dan MRT Corp sering bekerjasama dalam melaksanakan pelbagai inisiatif dan aktiviti untuk pembangunan kompetensi serta penerapan amalan industri terbaik industri pembinaan.

*Since 2011, CIDB and MRT Corp have often collaborated in implementing various initiatives and activities for competency development as well as the application of best industry practices in the construction industry.*





15 SEPTEMBER/  
SEPTEMBER  
2022

## CIDB MENJADI TUAN RUMAH PAVILION MALAYSIA DI CONSTRUCTION INDONESIA 2022

*CIDB HOSTS MALAYSIA PAVILION AT CONSTRUCTION INDONESIA 2022*

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah menganjurkan Pavilion Malaysia di Construction Indonesia 2022 di Ekspo Antarabangsa Jakarta dari 14 hingga 17 September. Penyertaan di ekspo itu adalah sebahagian daripada usaha CIDB untuk menerajui promosi produk dan perkhidmatan berkaitan Pembinaan Malaysia ke Indonesia untuk meneroka peluang luas di negara ini.

Lapan syarikat berkaitan pembinaan menyertai pameran di bawah Pavilion Malaysia untuk mempromosikan perkhidmatan pembinaan dan kejuruteraan serta perkhidmatan pembinaan khusus dalam Sistem Binaan Berindustri (IBS) dan teknologi pembinaan lain. Syarikat tersebut ialah Dhaya Maju Infrastructure Asia, Mestron Engineering, Alpine-Huatdraco, RBM Building Machinery Trading, Mega Building System Sdn Bhd, CIDB IBS Sdn Bhd, CIDB Holdings Sdn Bhd dan Construction Research Institute (CREAM).

CIDB telah mengatur sesi jaringan perniagaan dengan agensi kerajaan strategik seperti Kementerian Pekerjaan Umum dan Perumahan Rakyat (PUPR), Kementerian Perencanaan Pembangunan Nasional (BAPPENAS) dan Badan Koordinasi Penanaman Modal Indonesia (BKPM). Delegasi itu juga telah bertemu persatuan pembinaan seperti Gabungan Pelaksana Konstruksi Nasional Indonesia (GAPENSI), Asosiasi Kontraktor Indonesia (AKI) dan Ikatan Nasional Konsultan Indonesia (INKIDO) bersama 35 syarikat pembinaan dan syarikat berkaitan pembinaan Indonesia semasa lawatan itu. Delegasi Malaysia juga telah menghadiri mesyuarat dengan CIMB Niaga yang telah menyediakan panduan komprehensif ke arah meraih projek di pasaran Indonesia.



*The Construction Industry Development Board Malaysia (CIDB) is hosting the Malaysia Pavilion at the Construction Indonesia 2022 at the Jakarta International Expo from 14 to 17 September. Participation at the expo is part of CIDB's effort to spearhead the promotion of Malaysian Construction-related products and services to Indonesia to explore the vast opportunities in the country.*

*Eight construction-related companies joined the exhibition under the Malaysian Pavilion to promote construction and engineering services as well as specialised construction services in the the Industrialised Building System (IBS) and other construction technologies. The companies are Dhaya Maju Infrastructure Asia, Mestron Engineering, Alpine-Huatdraco, RBM Building Machinery Trading, Mega Building System Sdn Bhd, CIDB IBS Sdn Bhd, CIDB Holdings Sdn Bhd and the Construction Research Institute (CREAM).*



*CIDB has arranged business networking sessions with strategic government agencies such as the Ministry of Public Works and Housing (PUPR), the Ministry of National Development Planning (BAPPENAS) and Indonesian Investment Coordinating Board (BKPM). The delegation also met construction associations such as the Indonesian National Construction Association (GAPENSI), Indonesia Contractor Association (AKI) and Indonesia National Consultant Association (INKIDO) along with 35 Indonesian construction and construction-related companies during the visit. The Malaysian Delegation also be attended a meeting with CIMB Niaga who gave a comprehensive guide towards winning projects in the Indonesian market.*

03 OKTOBER/  
OCTOBER  
2022

### KOLABORASI CIDB DAN HRDCORP TINGKATKAN KAPASITI PERSONEL PEMBINAAN KE ARAH CR4.0

*CIDB AND HRDCORP COLLABORATION ENHANCES THE CAPACITY OF CONSTRUCTION PERSONNEL TOWARDS CR4.0*

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) untuk membangunkan kapasiti di dalam industri pembinaan terutamanya yang berkaitan *Construction Revolution (CR) 4.0*.

Tiga aspek utama yang ditekankan di dalam MoU tersebut adalah peningkatan kapasiti dalam industri pembinaan, pembangunan program teknologi pembinaan, serta program promosi dan kesedaran mengenai inisiatif-inisiatif peningkatan kemahiran yang dianjurkan CIDB dan HRD Corp.

CIDB serta HRD Corp akan bekerjasama untuk melaksanakan pelbagai program latihan serta pentauliahan untuk membangunkan kompetensi kemahiran personel binaan serta kebolehan mengawalselia dan pengurusan projek pembinaan. Kedua-dua agensi akan bekerjasama melaksanakan program kecekapan pengurusan dan keusahawanan kontraktor dalam menjalankan perniagaan.

CIDB dan HRD Corp akan memberi fokus kepada pembangunan program teknologi pembinaan seperti Sistem Binaan Berindustri (IBS) dan program CR 4.0, serta program kesedaran dan promosi untuk menyokong usaha-usaha CIDB dan HRD Corp dalam memperkukuhkan industri pembinaan.

MoU tersebut ditandatangani oleh Ketua Eksekutif CIDB, Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid, mewakili CIDB, dan Ketua Eksekutif HRD Corp, Datuk Shahul Dawood, mewakili HRD Corp.

*The Malaysian Construction Industry Development Board (CIDB) today signed a Memorandum of Understanding (MoU) with the Human Resource Development Corporation (HRD Corp) to develop the capacity of the construction industry especially related to Construction Revolution (CR) 4.0.*

*The three main aspects emphasized in the MoU are capacity building in the construction industry, the development of construction technology programmes, as well as promotion and awareness programmes on skills enhancement initiatives organized by CIDB and HRD Corp.*

*CIDB and HRD Corp will collaborate in implementing various training and accreditation programmes to develop the competency of construction personnel skills as well as the ability to regulate and manage construction projects. The two agencies will work together to implement programmes in efficiency management and contractor's entrepreneurship in doing business.*

*CIDB and HRD Corp will focus on the development of construction technology programs such as the Industrial Building System (IBS) and the CR 4.0 program, as well as awareness and promotion programs to support the efforts of CIDB and HRD Corp in strengthening the construction industry.*

*The MoU was signed by the Chief Executive of CIDB, Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid, representing CIDB, and the Chief Executive of HRD Corp, Datuk Shahul Dawood, representing HRD Corp.*



**OKTOBER SEHINGGA DISEMBER**  
*1 OCTOBER TO DECEMBER*  
**2022**

**MAJLIS GRADUASI ABM DAN CIBD TECHNOLOGIES**

*ABM AND CIBD TECHNOLOGIES GRADUATION CEREMONY*

Majlis Graduasi ABM dan CIBD Technologies bagi tahun 2022 telah diadakan di empat (4) buah negeri iaitu Sarawak pada 4 Oktober 2022, Sabah pada 22 Oktober 2022, Johor pada 5 Disember 2022 dan Kedah pada 12 Disember 2022.

*The ABM and CIBD Technologies Graduation Ceremony for the year 2022 was held in four (4) states namely Sarawak on 4 October 2022, Sabah on 22 October 2022, Johor on 5 December 2022 and Kedah on 12 December 2022.*

Buat julung kalinya CIBD Malaysia telah memperbaharui kod pemakaian graduasi yang sebelum ini memakai jaket kepada jubah graduasi. Ini telah mempertingkatkan majlis graduasi TVET lebih berprestij.

*For the first time CIBD Malaysia has modified the graduation dress code from a jacket to a graduation gown, thus contributing to a more prestigious outlook to the TVET graduation ceremony.*

Sepanjang istiadat graduasi setiap negeri dilaksanakan, seramai 500 graduan telah diraikan. Mereka adalah pelatih-pelatih dalam latihan kompetensi kemahiran pembinaan (belia) daripada pelbagai bidang seperti bangunan, jentera berat, pendawaian elektrik dan kimpalan.

*During each state's graduation ceremony, a total of 500 graduates were celebrated. They were trainees in construction skills competency training (youth) from various fields such as building, heavy machinery, electrical wiring and welding.*

Bersempena majlis tersebut, CIBD Malaysia telah menobatkan seramai empat (4) alumni ABM sebagai Ikon TVET Pembinaan. Anugerah tersebut diberikan kepada alumni-alumni yang berjaya dan telah memulakan kerjaya dari Zero To Hero.

*In conjunction with the event, CIBD Malaysia has crowned four (4) ABM alumni as Construction TVET Icons. The award is given to successful alumni who have started their careers from Zero To Hero.*

Selain itu, lebih dari 30 organisasi dan agensi kerajaan menerima Sijil Penghargaan atas kerjasama kerana sentiasa menyokong CIBD Malaysia menerusi ABM dan CIBD Technologies dalam meningkatkan produktiviti dan kualiti tenaga mahir dalam industri pembinaan.

*In addition, more than 30 organizations and government agencies received Certificates of Appreciation for their cooperation in continually supporting CIBD Malaysia through ABM and CIBD Technologies in enhancing the productivity and quality of skilled workers in the construction industry.*



20 OKTOBER/  
OCTOBER  
2022

## HARI SAFETY & HEALTH, ENVIRONMENT AND QUALITY (SHEQ) 2022

SAFETY & HEALTH, ENVIRONMENT AND QUALITY (SHEQ) DAY 2022

Hari 'Safety and Health, Environment and Quality' atau lebih dikenali sebagai Hari SHEQ 2022 anjuran CIDB telah dirasmikan oleh Datuk Arthur Joseph Kurup selaku Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia di World Trade Centre, WTC Kuala Lumpur.

Turut hadir bersama dalam majlis ini ialah Sr. Amran bin Hj. Mohd Majid, TKPKR (Pakar), Dato' Ir. Hj Masri bin Baharuddin, Pengarah CDPK dan juga beberapa Pegawai Kanan JKR yang terlibat.

Hari SHEQ 2022 CIDB diadakan sebagai pengiktirafan kepada penggiat industri yang berjaya meraih pencapaian yang cemerlang dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan, kemampanan alam sekitar dan kualiti dalam sektor pembinaan di Malaysia. Bersempena majlis tersebut sebanyak 27 syarikat telah menerima anugerah QLASSIC, SHASSIC, MyCREST dan INFRASTAR.

Penganjuran majlis ini merupakan salah satu bentuk promosi yang penting bagi menggalakkan pemain industri untuk mengguna pakai kaedah penarafan (Rating Tools) QLASSIC, SHASSIC, MyCREST dan INFRASTAR sebagai penanda aras sesuatu projek.

*The 'Safety and Health, Environment and Quality' Day or more commonly known as SHEQ Day 2022 organized by CIDB was officiated by Datuk Arthur Joseph Kurup as Malaysia's Deputy Minister of Works at the World Trade Centre, WTC Kuala Lumpur.*

*Also present in this ceremony are Sr. Amran bin Hj. Mohd Majid, TKPKR (Expert), Dato' Ir. Hj Masri bin Baharuddin, Director of CDPK and also several Senior JKR Officers involved.*

*CIDB's SHEQ Day 2022 was held in recognition of industry players who have achieved outstanding achievements in safety and health management, environmental sustainability and quality in the construction sector in Malaysia. In conjunction with the event, 27 companies received their QLASSIC, SHASSIC, MyCREST and INFRASTAR awards.*

*The ceremony is organised to promote and encourage industry players in utilising QLASSIC, SHASSIC, MyCREST and INFRASTAR rating tools as benchmarks for a project.*



7-11 NOVEMBER/  
NOVEMBER  
2022

MINGGU PEMBINAAN ANTARABANGSA (ICW) 2022  
INTERNATIONAL CONSTRUCTION WEEK (ICW) 2022



CIDB Malaysia telah menganjurkan Minggu Pembinaan Antarabangsa (*International Construction Week*) 2022 yang telah diadakan dari 7 sehingga 11 November 2022. Semasa Majlis Perasmian Pembukaan ICW 2022 ini, CIDB telah melancarkan Buku *Manual for Resilience in Construction for Landslides and Flood* yang sangat relevan dengan keadaan sekarang ini.

Objektif utama manual ini adalah untuk menjadi panduan pembinaan infrastruktur kritikal di Malaysia dengan mengenalpasti ancaman dan langkah-langkah pencegahan. Sejak kebelakangan ini, ancaman seperti banjir dan tanah runtuh agak kerap berlaku dengan kesan kerosakan yang teruk.

Seramai 1160 pengunjung hadir ketika ICW 2022. ICW merupakan acara tahunan CIDB yang menyediakan beberapa komponen utama iaitu Majlis Perasmian Pembukaan ICW, seminar percuma iaitu *Tech Talk* dan pertandingan iaitu *MSSA – CIDB Open Ideas Competition*.

CIDB juga telah melancarkan pameran industri pembinaan iaitu *BuildXpo 2023* yang akan dianjurkan buat pertama kalinya pada 2023 bersempena dengan ICW 2023 pada 15-17 November 2023 di MITEC Kuala Lumpur. Program utama CIDB iaitu Minggu Pembinaan Antarabangsa bakal diadakan secara besar-besaran dengan pelbagai komponen utama seperti Pameran *BuildXpo* yang julung kali diadakan, *Persidangan Antarabangsa*, *Forum Tech Talk* dan pelbagai program.

*CIDB Malaysia had organized the International Construction Week 2022 which was held from 7 to 11 November 2022. During the Opening Ceremony of ICW 2022, CIDB launched the Manual for Resilience in Construction for Landslides and Floods which is very relevant to the current situation.*

*The main objective of the manual is to guide the building of critical infrastructure in Malaysia by recognizing the threats and mitigation measures. Recently, threats such as floods and landslides had occurred quite frequently with severe damaging effects.*

*A total of 1160 visitors attended ICW 2022. ICW is CIDB's annual event that provides several main components such as the Opening Ceremony of ICW, free seminars known such as Tech Talks and a competition called MSSA - CIDB Open Ideas Competition.*

*CIDB has also launched the construction industry exhibition BuildXpo 2023 which will be organized for the first time in 2023 together with ICW 2023 on 15-17 November 2023 at MITEC Kuala Lumpur. CIDB's main programme, the International Construction Week, will be held on a large scale with various key components such as the inaugural BuildXpo Exhibition, International Conference, Tech Talk Forum and various other programmes.*

# DIARI CIDB MALAYSIA 2022

*CIDB Malaysia 2022 Diary*



06

JAN / JAN  
2022

CIDB Menerima Anugerah "Public Sector Gold Award" untuk "COVID-19 Communications In Support of Public Health and Construction Industry Recovery"  
*CIDB Receives the "Public Sector Gold Award" for the COVID-19 Communications In Support of Public Health and Construction Industry Recovery*



20

JAN / JAN  
2022

Majlis Amanat Tahun Baru Ketua Eksekutif CIDB Malaysia 2022  
*CIDB Malaysia Chief Executive 2022 New Year Message Ceremony*

15

FEB / FEB 2022

Majlis Pelancaran Malaysia Contractor Portal (MCP) Dan Contractor Report Card (CRC)  
*Malaysia Contractor Portal (MCP) and Contractor Report Card (CRC) Launching Ceremony*



# 22

MAC / MAC 2022

Lawatan Teknikal C4.0 di Projek Platinum TNB Jalan Bangsar Kuala Lumpur  
*C4.0 Technical Visit on the Platinum Project TNB Jalan Bangsar Kuala Lumpur*



# 24

MAC / MAC 2022

Majlis Pelancaran myDigital Contractor  
*myDigital Contractor Launching Ceremony*



# 26

APR / APR 2022

Lawatan YB Menteri Kanan Kerja Raya Ke Tapak 3D Printing Machine Demo di Pusat Konvensyen CIDB, Kuala Lumpur  
*YB Senior Minister of Works Visit to the 3D Printing Machine Demo Site at CIDB Convention Centre (CCC), Kuala Lumpur*



# 28

MEI / MAY 2022

Majlis Makan Malam YB Menteri Kanan Kerja Raya Bersama Penggiat Industri Sempena FTROADPEDIA Sabah  
*YB Senior Minister of Works Dinner with Industry Players in conjunction with FTROADPEDIA Sabah*



# 29

MEI / MAY  
2022

Lawatan YB Timbalan Menteri Kerja Raya Ke Bangunan Sementara Akademi Binaan Malaysia (ABM) Sabah  
*YB Deputy Minister of Works Visit to the Akademi Binaan Malaysia (ABM) Sabah Temporary Building*



# 22

JUL/JUL  
2022

Lawatan Teknikal CIOB Malaysia ke Pejabat CIDB Malaysia  
*CIOB Malaysia Technical Visit to CIDB Malaysia Office*





**26**

**JUL / JUL**  
2022

Operasi Penguatkuasaan Khas Bil 4-2022,  
CIDB Wilayah Persekutuan di Pejabat IKEA, Cheras, Kuala Lumpur  
*Special Enforcement Operation No. 4-2022,  
Federal Territories CIDB at the IKEA Office, Cheras, Kuala Lumpur*



**02**

**OGOS / AUG 2022**

Seminar Penguatan Pematuhan Kontraktor & Anugerah Penilaian SCORE Wilayah Persekutuan  
*Contractor Compliance Enhancement Seminar & Federal Territories SCORE Assessment Award*

**06**

**OGOS / AUG 2022**

Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (Sarawak)  
*Aspirasi Keluarga Malaysia Tour (Sarawak)*



# 09

OGOS / AUG 2022

Sesi Lawatan Kunjungan  
Hormat SME Corporation Ke  
Pejabat CIDB Malaysia  
*SME Corporation Courtesy  
Visit To CIDB Malaysia  
Office*



# 16

OGOS / AUG  
2022

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Di Antara CIDB Malaysia  
Dan Sarawak Energy Berhad  
*Signing Ceremony for the Memorandum of Understanding (MoU) Between CIDB Malaysia  
and Sarawak Energy Berhad*



# 25

OGOS / AUG  
2022

Program Usahawan Binaan Generasi Baru Tajaan  
CIDB Malaysia  
*Accelerator Programme For Construction Entrepreneurs  
Sponsored By CIDB Malaysia*

# 29

**OGOS / AUG 2022**

Majlis Menandatangani MoU Di Antara CIDB Malaysia Dan MRT Corporation  
*Signing Ceremony for the Memorandum of Understanding (MoU) Between CIDB Malaysia and MRT Corporation*



# 05

**SEPT / SEPT 2022**

Kunjungan Hormat UiTM Ke Pejabat CIDB Malaysia  
*Courtesy Visit by UiTM to CIDB Malaysia Office*



**OKT-DIS**  
**/ OCT-DEC**  
**2022**

Majlis Graduasi Akademi Binaan Malaysia (ABM) & CIDB Technologies Tahun 2022 (Sarawak, Sabah, Selatan, dan Timur)  
*Akademi Binaan Malaysia (ABM) & CIDB Technologies 2022 Graduation Ceremony (Sarawak, Sabah, South and East)*



04

OKT / OCT  
2022

Lawatan Ke Rumah Contoh Menggunakan Teknologi 3D Printing Dan Perasmian MyBIM Studio Sarawak  
*Visit to the 3D Printing Technology Show House and the Opening of MyBIM Studio Sarawak*

OKT-DIS /  
OCT-DEC  
2022

Sesi Sembang Teh Tarik Staf Bersama Sr Mohd Zaid Zakaria, Timbalan Ketua Eksekutif II CIDB Malaysia  
*Teh Tarik Session with Sr Mohd Zaid Zakaria, CIDB Malaysia Deputy Chief Executive II*



12

OKT / OCT 2022

Sesi Sembang Teh Tarik Staf Bersama Datuk Ir. Ahmad 'Asri, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia  
*Teh Tarik Session with Datuk Ir. Ahmad 'Asri, CIDB Malaysia Chief Executive*



20

OKT / OCT  
2022

Majlis Penyerahan Buku Kod Etika Kontraktor  
*Contractor's Code of Ethics Book Handing Over Ceremony*



20

OKT / OCT  
2022

SHEQ Day 2022 , WTC Kuala Lumpur  
*Hari SHEQ 2022, WTC Kuala Lumpur*



22

OKT / OCT 2022

Sesi Sembang Teh Tarik  
Staf Bersama Megat Kamil  
Azmi Megat Rus Kamarani,  
Timbalan Ketua Eksekutif I  
CIDB Malaysia  
*Teh Tarik Session with  
Megat Kamil Azmi Megat  
Rus Kamarani, CIDB  
Malaysia Deputy Chief  
Executive I*



# 01

NOV / NOV  
2022

Kunjungan Hormat "Federation Internationale Des Administrateurs De Bien-Conselis Immobiliers" (International Real Estate Federation), Fiabci Malaysia Chapter  
"Federation Internationale Des Administrateurs De Bien-Conselis Immobiliers" (International Real Estate Federation), Fiabci Malaysia Chapter Courtesy Visit

# 02

NOV / NOV 2022

Seminar Pematuhan  
Kontraktor Wilayah  
Persekutuan Putrajaya  
Putrajaya Federal Territory  
Contractor Compliance  
Seminar



# 08

NOV / NOV 2022

Majlis Perasmian  
International Construction  
Week (ICW) 2022  
International Construction  
Week (ICW) 2022 Opening  
Ceremony



14

NOV / NOV  
2022

Kunjungan Hormat *Building Materials Distributors Association of Malaysia* ke Pejabat Eksekutif CIBD Malaysia  
*Building Materials Distributors Association of Malaysia Courtesy Visit to CIBD Malaysia Office*



12

DIS / DEC  
2022

Lawatan Menteri Kerja Raya Ke Pejabat CIBD Negeri Sarawak  
*Minister of Works Visit to CIBD Sarawak State Office*

28

DIS / DEC 2022

Lawatan Menteri Kerja Raya Ke CIBD Malaysia  
*Minister of Works Visit to CIBD Malaysia*



# STATISTIK UTAMA 2022

## Main Statistics 2022

### 01 BILANGAN PROJEK SEKTOR KERAJAAN DAN SWASTA Number of Public and Private Sector Projects

SEKTOR SECTOR	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Awam Public	1,971	1,800	1,902	3,265	2,378	1,937	3,318	3,733	5,047	3,451
Swasta Private	6,228	6,276	5,653	4,898	6,353	6,619	7,485	6,886	8,313	7,707
<b>JUMLAH TOTAL</b>	<b>8,199</b>	<b>8,076</b>	<b>7,555</b>	<b>8,163</b>	<b>8,731</b>	<b>8,556</b>	<b>10,803</b>	<b>10,619</b>	<b>13,360</b>	<b>11,158</b>

### 02 NILAI PROJEK SEKTOR KERAJAAN DAN SWASTA (RM BILION) Value of Public and Private Sector Projects (RM billion)

SEKTOR SECTOR	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Awam Public	23.1	23.6	24.7	50.6	38.5	36.7	31.4	27.5	44.2	36.0
Swasta Private	113.6	161.4	117.4	190.4	125.2	103	82.2	63.3	88.9	92.2
<b>JUMLAH TOTAL</b>	<b>136.7</b>	<b>185.0</b>	<b>142.1</b>	<b>241.0</b>	<b>163.7</b>	<b>139.7</b>	<b>113.6</b>	<b>90.8</b>	<b>133.1</b>	<b>128.2</b>

### 03 BILANGAN PROJEK MENGIKUT KATEGORI Number of Projects by Category

KATEGORI CATEGORY	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Kediaman Residential	2,365	2,321	2,096	2,122	2,252	2,215	2,526	2,325	2,613	1,959
Bukan Kediaman Non Residential	3,075	3,019	2,697	2,857	3,090	3,238	3,915	3,953	5,061	5,710
Kemudahan Sosial Social Amenities	731	702	727	898	973	779	945	970	1,038	563
Infrastruktur Infrastructure	2,028	2,034	2,035	2,286	2,416	2,324	3,417	3,371	4,648	2,926
<b>JUMLAH TOTAL</b>	<b>8,199</b>	<b>8,076</b>	<b>7,555</b>	<b>8,163</b>	<b>8,731</b>	<b>8,556</b>	<b>10,803</b>	<b>10,619</b>	<b>13,360</b>	<b>11,158</b>



NILAI PROJEK MENGIKUT KATEGORI (RM BILION)  
Value of Projects by Category (RM billion)

04

KATEGORI CATEGORY	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Kediaman <i>Residential</i>	38.3 28%	36.9 20%	53.8 38%	50.0 21%	49.6 30%	42.7 31%	34.9 31%	29.9 33%	31.3 24%	26.7 21%
Bukan Kediaman <i>Non Residential</i>	55.3 40%	95.9 52%	53.7 38%	55.6 23%	51.5 31%	41.0 29%	40.3 35%	28.2 31%	57.5 43%	70.3 55%
Kemudahan Sosial <i>Social Amenities</i>	9.9 7%	8.2 4%	5.5 4%	9.2 4%	13.0 8%	9.2 7%	6.4 6%	6.3 7%	9.8 7%	5.4 4%
Infrastruktur <i>Infrastructure</i>	33.2 24%	44.0 (24%)	29.1 20%	126.2 52%	49.6 30%	46.9 34%	32.0 28%	26.4 29%	34.5 26%	25.8 20%
<b>JUMLAH TOTAL</b>	<b>136.7</b>	<b>185.0</b>	<b>142.1</b>	<b>241.0</b>	<b>163.7</b>	<b>139.8</b>	<b>113.6</b>	<b>90.8</b>	<b>133.1</b>	<b>128.2</b>

05

BILANGAN KONTRAKTOR BERDAFTAR MENGIKUT GRED  
Number of Registered Contractors by Grade

GRED GRED	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
G1	33,744	35,149	35,347	36,604	42,173	56,866	65,540	63,518
G2	12,097	16,253	17,402	22,128	24,148	24,366	24,154	21,623
G3	9,246	10,628	12,510	15,415	16,406	17,206	18,539	16,313
G4	3,341	3,896	4,112	4,759	5,031	5,282	5,426	5,184
G5	4,656	5,101	5,455	6,073	6,220	6,370	6,713	6,597
G6	1,557	1,703	1,803	2,018	2,128	2,105	2,010	1,890
G7	6,066	7,084	7,402	9,000	8,752	8,841	8,739	8,890
<b>JUMLAH TOTAL</b>	<b>70,707</b>	<b>79,814</b>	<b>84,031</b>	<b>95,997</b>	<b>104,858</b>	<b>121,036</b>	<b>131,121</b>	<b>124,015</b>

**06** BILANGAN KONTRAKTOR BERDAFTAR MENGIKUT NEGERI  
Number of Registered Contractors by State

NEGERI / STATE	G1		G2		G3		G4		G5		G6		G7		JUMLAH / TOTAL	
	2021	2022	2021	2022	2021	2022	2021	2022	2021	2022	2021	2022	2021	2022	2021	2022
Johor	6,423	5,835	2,915	2,542	2,379	2,088	529	502	547	573	136	124	700	696	13,629	12,360
Kedah	5,379	5,975	1,249	1,118	547	493	176	169	189	185	68	66	227	224	7,835	8,230
Kelantan	4,818	4,417	1,484	1,239	401	371	155	144	108	102	55	53	151	144	7,172	6,470
Melaka	2,194	2,067	759	661	569	529	191	175	186	198	39	46	183	177	4,121	3,853
N. Sembilan	3,204	3,492	1,524	1,414	627	554	198	176	202	212	64	58	173	164	5,992	6,070
Pahang	4,780	4,987	1,380	1,302	549	542	258	232	165	161	58	53	160	167	7,350	7,444
Perak	6,019	5,587	1,456	1,246	940	851	240	213	273	262	99	90	258	269	9,285	8,518
Perlis	1,463	1,566	280	253	65	64	23	26	16	18	4	3	31	31	1,882	1,961
Pulau Pinang	2,706	2,720	1,182	1,020	1,325	1,127	329	333	415	432	122	118	553	590	6,632	6,340
Sabah	7,425	7,072	3,176	3,055	1,045	946	284	236	312	287	129	122	621	607	12,992	12,325
Sarawak	5,266	5,128	1,594	1,547	1,112	1,091	238	232	348	354	163	147	747	780	9,468	9,279
Selangor	7,702	7,298	4,493	3,812	5,048	4,385	1,537	1,509	1,982	1,932	522	498	2,314	2,355	23,598	21,789
Terengganu	4,777	4,284	1,135	1,090	453	421	181	163	184	183	83	73	219	223	7,032	6,437
Wil. Persekutuan K. Lumpur	2,947	2,635	1,386	1,195	3,407	2,786	1,071	1,055	1,775	1,686	459	430	2,378	2,437	13,423	12,224
Wil. Persekutuan Labuan	286	275	120	113	49	46	7	9	10	10	4	4	12	11	488	468
Wil. Persekutuan Putrajaya	151	180	21	16	23	19	9	10	1	2	5	5	12	15	222	247
<b>JUMLAH / TOTAL</b>	<b>65,540</b>	<b>63,518</b>	<b>24,154</b>	<b>21,623</b>	<b>18,539</b>	<b>16,313</b>	<b>5,426</b>	<b>5,184</b>	<b>6,713</b>	<b>6,597</b>	<b>2,010</b>	<b>1,890</b>	<b>8,739</b>	<b>8,890</b>	<b>131,121</b>	<b>124,015</b>

## 07 | STATUS PROJEK YANG DILAKSANAKAN KONTRAKTOR MALAYSIA DI LUAR NEGARA Statistics of Projects Undertaken by Malaysian Contractors Overseas

GRED GRED	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Nilai Projek Projects Value	RM3.6 b	RM4.7 b	RM6.0 b	RM7.3 b	RM14.1 b	RM23.1 b	RM20.1 b
Bilangan Negara Number of Countries	16	16	16	18	11	9	6
Bilangan Projek Number of Projects	59	44	32	48	26	17	9
Bilangan Syarikat Number of Company	15	16	11	15	12	8	4

## BILANGAN DAN NILAI PROJEK YANG DILAKSANAKAN KONTRAKTOR MALAYSIA MENGIKUT RANTAU Number and Value of Projects Undertaken by Malaysian Contractors by Region

08

RANTAU/ Region.	2016		2017		2018		2019		2020		2021		2022	
	Bil.	Nilai (RM m)	Bil.	Nilai (RM m)	Bil.	Nilai (RM m)	Bil.	Nilai (RM m)	Bil.	Nilai (RM m)	Bil.	Nilai (RM m)	Bil.	Nilai (RM m)
	No.	Value (RM m)	No.	Value (RM m)	No.	Value (RM m)	No.	Value (RM m)	No.	Value (RM m)	No.	Value (RM m)	No.	Value (RM m)
Asia Selatan South Asia	16	1,445	11	1,947	1	71	1	47	-	-	-	-	-	-
Kawasan Teluk Gulf Region	14	1,000	8	1,043	10	760	11	597	2	9,180	-	-	-	-
ASEAN	27	640	20	1,278	14	1,399	24	4,591	16	2,313	6	214	1	1,450
Asia	1	510	1	104	2	24	5	1,633	8	2,588	8	498	3	3,994
Timur Tengah & Afrika Utara Middle East & North Africa	1	-	1	-	1	-	4	378	-	-	1	339	-	-
Afrika Africa	-	-	1	295	0	-	1	19	-	-	-	-	1	956
Australia dan Oceania	-	-	1	3	3	1,866	-	-	-	-	-	-	3	13,730
Eropah Europe	-	-	1	-	1	1,900	1	26	-	-	-	-	-	-
Amerika Selatan/ Latin South America/ Latin	-	-	-	-	-	-	1	26	-	-	2	22,005	1	580
Jumlah/ Total	59	3,595	44	4,670	32	6,020	48	7,317	26	14,081	17	23,056	9	20,710

09

**10 NEGARA TERTINGGI PELAKSANAAN PROJEK OLEH KONTRAKTOR MALAYSIA**  
*Top 10 Countries for Projects Undertaken by Malaysian Contractors*

RANTAU / Region	2016 - 2021		2022	
	Bil.	Nilai (RM b)	Bil.	Nilai (RM b)
	No.	Value (RM b)	No.	Value (RM b)
Brazil	1	21.8	1	0.6
United Arab Emirates	23	10.8	-	-
Indonesia	25	3.6	-	-
India	26	3.4	2	1.9
Singapore	37	2.2	1	1.5
Cambodia	10	2.1	-	-
Qatar	16	2.0	-	-
United Kingdom	2	1.9	-	-
Australia	3	1.8	3	13.7
Taiwan	2	1.5	1	2.1

**BILANGAN PERSONEL BINAAN YANG AKTIF MENGIKUT KATEGORI**  
*Number of Construction Personnel Active by Category*

10

KATEGORI / Category	TEMPATAN / Local		ASING / Foreign		JUMLAH / Total	
	2021	2022	2021	2022	2021	2022
Pekerja Binaan Am <i>General Construction Workers</i>	306,784	333,550	106,976	158,424	413,760	491,974
Pekerja Binaan Mahir <i>Skilled Construction Workers</i>	81,700	80,126	9,529	7,468	91,229	87,594
Penyelia Tapak Binaan <i>Construction Site Supervisors</i>	6,776	6,616	65	52	6,841	6,668
Pengurus Projek Binaan <i>Construction Project Managers</i>	105,903	104,848	814	1,107	106,717	105,955
Personel Pentadbiran <i>Personnel Administration</i>	133,158	134,426	1,410	2,375	134,568	136,801
Pelatih Binaan <i>Construction Trainee</i>	16,236	14,454	0	0	16,236	14,454
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b> <i>OVERALL TOTAL</i>	<b>650,557</b>	<b>674,020</b>	<b>118,794</b>	<b>169,426</b>	<b>769,351</b>	<b>843,446</b>

# STATISTIK SEPINTAS LALU 2022

Statistics at a Glance 2022

## LATIHAN

## TRAINING

Peningkatan Prestasi dan Kecekapan dalam Industri Pembinaan Malaysia: Analisis Data Latihan dan Peningkatan Kemahiran oleh CIDB

Enhancing Performance and Efficiency in the Malaysian Construction Industry: Analysis of Training Data and Skill Improvement by CIDB

382

PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT



1

Bilangan kontraktor  
Pengurusan Fasilitas yang dilatih  
Number of Facility  
Management contractors  
trained



216

PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT

2

Bilangan personel menjalani latihan dan penilaian  
kepada personel FM  
Number of personnel trained and assessed to be FM  
personnel

3

Bilangan penyertaan yang diterima untuk Program  
Latihan CCD bagi Pembangunan Kontraktor  
Number of entries received for the Continuous  
Contractor Development (CCD) Training Programme



49,820

PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT

4

Bilangan personel binaan yang  
dilatih dan ditauliah di bawah  
program Penyeliaan dan  
Pengurusan  
Number of construction  
personnel trained and certified  
under the Supervision and  
Management programme



2,111

PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT

5

Bilangan personel binaan yang dilatih dalam bidang  
Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (Safety  
Health Officer-SHO) dan Pegawai Keselamatan  
Tapak (Site Safety Supervisor-SSS) oleh Pusat  
Latihan yang ditauliahkan oleh DOSH.  
Number of construction personnel trained in the  
field of Safety Health Officer (SHO) and  
Site Safety Supervisor Officer (SSS)  
from the Training Center certified by  
DOSH.



543 PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT

6

Bilangan profesional yang  
dilatih dalam Pemodelan  
Maklumat Bangunan (Building  
Information Modelling - BIM)  
Number of professionals  
trained in Building Information  
Modelling (BIM)



412

PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT

## LATIHAN

### TRAINING

Sambungan..  
Continue...

**39**  
PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT



7

Bilangan dokumen untuk Latihan Kompetensi Personel Binaan (Standard, Modul dan Soalan Penilaian) yang dibangunkan

*Number of documents (Standards, Modules and Assessment Questions) developed*

**824**

PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT

8



Bilangan personel binaan BIM yang dilatih dalam pelbagai modul latihan BIM

*Number of BIM construction personnel trained in various BIM training modules*

9 Bilangan belia yang menjalani latihan kompetensi  
*Number of youths undergoing competency training*



**3,742**  
PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT

10

Bilangan personel binaan menjalani latihan, penilaian dan pentauliahian kemahiran  
*Number of construction personnel undergoing skills training, assessment and certification*



**22,198**  
PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT

11 Bilangan pekerja mahir diakredit melalui 10 tred berimpak tinggi  
*Number of skilled workers accredited through 10 high-impact trades*



**12,293**  
PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT

12

Bilangan pegawai CIDB dilatih dalam kemahiran teknikal berkaitan bahan binaan  
*Number of CIDB officers trained in technical skills related to building materials*



**120**  
PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT

## PENSIJILAN

### CERTIFICATION

Pensijilan CIDB untuk Projek Pembinaan di Malaysia  
CIDB's Certification for Construction Project in Malaysia

1

Bilangan kontraktor yang dibimbing untuk penilaian MSCORE/SCORE  
*Number of contractors coached for MSCORE/SCORE assessment*



**1,971**  
PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT

2

Bilangan projek yang menjalani penilaian QCLASSIC™  
*Number of projects assessed with QCLASSIC™*



**248**  
PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT

3

Bilangan bangunan Kerajaan yang menjalani penilaian QCLASSIC™  
*Number of Government buildings assessed with QCLASSIC™*



**27**  
PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT

4

Bilangan projek yang menjalani penilaian SHASSIC™  
*Number of projects assessed with SHASSIC™*

**107**  
PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT



**10**

PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT

5

Bilangan projek yang dinilai menggunakan skim penarafan kemampuan dalam pembinaan  
*Number of projects assessed using the sustainability in construction rating scheme*



6

Bilangan syarikat yang mendapat keputusan Tahap 3 untuk MSCORE  
*Number of companies with Level 3 results for MSCORE*



**115**  
PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT

**17**

PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT

7

Bilangan syarikat yang mendapat penarafan SCORE 5 bintang  
*Number of companies with a 5-star SCORE rating*





**PEMATUHAN**

**COMPLIANCE**

Pengawasan dan Operasi Pematuhan Komprehensif dalam Industri Pembinaan oleh CIDB

*Comprehensive Supervision and Compliance Operations in the Construction Industry by CIDB*



**1**

Bilangan pemeriksaan tapak bina di seluruh negara  
*Number of construction site inspections throughout the country*

**3,977**  
PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT

**2**

Bilangan pemeriksaan bahan binaan  
*Number of building materials inspections*

**4,566**  
PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT



**3**

Bilangan audit Contractor Compliance Assurance (CCA) dijalankan  
*Number of Contractor Compliance Assurance (CCA) audits conducted*



**4,083**  
PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT

**4**

Bilangan Operasi Bersepadu (OPB) dan Operasi Khas (OPK)  
*Number of Operasi Bersepadu and Operasi Khas*

**34**  
PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT  
(OPB)

**257**  
PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT  
(OPK)




## PENJENAMAAN

### BRANDING

Pencapaian dan Penjenamaan di Media Sosial  
*Achievements and Branding on Social Media*

1

Nilai PR yang dicapai  
*The PR value achieved*



**RM270**  
JUTA/MILLION

PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT

**8.23**  
JUTA/MILLION

PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT

2

Bilangan capaian  
penggunaan Media Sosial  
*Number of Social Media  
usage reach*



## KEWANGAN

### FINANCIAL


Pencapaian Analisis Levi dan Kewangan oleh CIDB  
*Levy and Financial Analysis Achievements by CIDB*

1

Jumlah pengenaan levi  
*Amount of levy imposed*

**RM216.3**  
JUTA/MILLION

PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT



2

Peratus pengenaan levi dikutip dalam tempoh liabiliti  
*Percentage of levy imposed collected during the  
liability period*

**95%**  
PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT



**95%**  
PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT

3

Peratus kes levi tertunggak  
yang dikurangkan  
*Percentage of outstanding levy  
cases reduced*



4

Jumlah hasil yang diterima  
*Amount of revenue received*


**RM349.1**  
JUTA/MILLION

PENCAPAIAN  
ACHIEVEMENT



**KEWANGAN**  
*FINANCIAL*

Sambungan..  
*Continued..*



**5**  
Jumlah perbelanjaan  
*Total expenditure*

**RM362.4**  
JUTA/MILLION

**PENCAPAIAN**  
*ACHIEVEMENT*

**RM13.3**  
JUTA/MILLION

**PENCAPAIAN**  
*ACHIEVEMENT*

**6**  
Jumlah defisit  
*Total deficit*



**DAYA SAING**  
*COMPETITIVENESS*

Perkembangan Penggunaan IBSWare dan Program Peningkatan Daya Saing Industri  
*Development of IBSWare Usage and International Industry Competitiveness Enhancement Programs*



**1**  
Bilangan pengguna IBSWare  
didaftarkan  
*Number of IBSWare users  
registered*

**202**  
**PENCAPAIAN**  
*ACHIEVEMENT*

**2**  
Bilangan program meningkatkan daya saing  
penggiat industri ke peringkat antarabangsa  
*Number of programmes to enhance the  
competitiveness of industry players at the  
international level*



**7**  
**PENCAPAIAN**  
*ACHIEVEMENT*



02

# LAPORAN PRESTASI

*PERFORMANCE REPORT*



# INTISARI PELAN-PELAN STRATEGIK CIDB MALAYSIA

## *CIDB Malaysia Strategic Plans Overview*

### LATARBELAKANG

Pembangunan dan perkembangan industri pembinaan di Malaysia diterajui oleh CIDB sesuai dengan peranan dan fungsinya di bawah Akta 520. CIDB perlu memastikan setiap program dan inisiatif yang dijalankan perlu memberikan impak yang positif kepada industri pembinaan. Justeru itu, beberapa pelan strategik telah dibangunkan oleh CIDB dalam memandu pelaksanaan peranan dan fungsinya dengan berkesan. CIDB juga perlu menjalankan tanggungjawabnya sebagai penasihat yang menyediakan pengesyoran kepada Kerajaan berkaitan dengan industri pembinaan.

Pelaksanaan program-program CIDB dipacu oleh empat Pelan Strategik utama di peringkat organisasi iaitu :

- Pelan Strategik CIDB (CSP) 2021 - 2025;
- Pelan Strategik ICT (ISP) CIDB 2020 - 2025;
- Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) CIDB 2021 - 2025; dan
- Pelan Strategik Pembinaan 4.0 (C4.0) 2021 - 2025

Selain daripada pelan-pelan di atas, CIDB juga menyumbang beberapa KPI yang telah ditetapkan di bawah Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya.

### BACKGROUND

*The development and growth of the construction industry in Malaysia is steered by CIDB in accordance with its role and function under Act 520. CIDB needs to ensure that every programme and initiative executed must generate a positive impact on the construction industry. Therefore, a number of strategic plans have been developed by CIDB in guiding the implementation of its roles and functions effectively. CIDB also has to carry out its responsibilities as an advisor who provides recommendations to the Government related to the construction industry.*

*The implementation of CIDB programmes is driven by four main Strategic Plans at the organizational level, namely:*


- *CIDB Strategic Plan (CSP) 2021-2025;*
- *CIDB ICT Strategic Plan (ISP) 2020-2025;*
- *CIDB Organizational Anti-Corruption Plan (OACP) 2021 - 2025; and*
- *Construction 4.0 Strategic Plan (C4.0) 2021 - 2025*

*Apart from the above plans, CIDB also contributed a number of KPIs that have been set under the Organizational Strategic Plan of the Ministry of Works.*

## PENCAPAIAN PELAN-PELAN STRATEGIK

### a) Pelan Strategik CIDB (CSP) 2021 - 2025

CSP merupakan pelan strategik 5 tahun bagi tempoh 2021-2025 yang mensasarkan CIDB menjadi peneraju utama dalam membangunkan industri pembinaan yang prihatin dan bertanggungjawab terhadap masyarakat dan alam sekitar. Tahun 2022 merupakan tahun kedua pelaksanaan CSP yang telah menghasilkan beberapa kejayaan pantas secara dalaman dan luaran. Pencapaian keseluruhan KPI CSP bagi tahun 2022 adalah 99.3% berbanding sasaran 100% yang menunjukkan prestasi lebih baik daripada 2021 dengan peningkatan sebanyak 2.1%. 60 daripada 61 KPI telah berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan (hijau) manakala hanya satu KPI yang mencapai antara 60% - 85% (kuning).



## ACHIEVEMENT OF STRATEGIC PLANS

### a) CIDB Strategic Plan (CSP) 2021 - 2025

The CSP is a 5-year strategic plan for the period of 2021-2025 with the aim for CIDB to be the main leader in developing a caring and responsible construction industry towards society and the environment. The year 2022 is the second year of the CSP implementation which had generated some quick gains internally and externally. The overall achievement of the CSP KPI for the year 2022 is 99.3% performing better than 2021 with an increase of 2.1%. 60 out of 61 KPIs have successfully achieved the set target (green) while only one KPI achieved between 60% - 85% (yellow).




### b) Pelan Strategik ICT CIDB (ISP) 2020 - 2025

ISP CIDB telah dibangunkan untuk tempoh pelaksanaan dari 2020 hingga 2025, dengan objektif agar CIDB menjadi Insight-Driven Organization (IDO) yang melangkaui penggunaan teknologi secara maksimum, serta bergerak ke arah organisasi yang menggalakkan penjaan idea dan penyelesaian secara inovatif. Tahun 2022 merupakan tahun ketiga pelaksanaan ISP yang telah berjaya mencapai kemajuan 94.6% berbanding sasaran 100%. Sebanyak 18 KPI telah berjaya dilaksanakan dengan pencapaian 15 KPI melebihi 85% (hijau) dan 3 KPI mencapai antara 60%-85% (kuning).

### b) CIDB ICT Strategic Plan (ISP) 2020 - 2025

CIDB's ISP had been developed for the implementation period from 2020 to 2025, with the objective of CIDB becoming an Insight-Driven Organization (IDO) that transcends maximum use of technology, as well as moving towards an organization that encourages the generation of ideas and innovative solutions. The year 2022 is the third year of ISP implementation which has successfully achieved 94.6% progress against the target of 100%. A total of 18 KPIs have been successfully implemented with the achievement of 15 KPIs exceeding 85% (green) and 3 KPIs achieving between 60%-85% (yellow).




**c) Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) CIDB 2021 - 2025**

OACP CIDB 2021 - 2025 telah dibangunkan bagi menyokong Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023. OACP CIDB merangkumi 4 Bidang Keutamaan, 4 Strategi dan 74 Inisiatif yang menjurus kepada pengukuhan ketelusan, kredibiliti, keberkesanan dan kecekapan CIDB dalam menyampaikan perkhidmatannya. Pada 2022, pencapaian OACP CIDB adalah 99% berbanding sasaran 100%. 70 daripada 74 inisiatif telah berjaya mencapai lebih 90% (hijau) manakala 4 inisiatif mencapai antara 70% - 89% (kuning).

**c) CIDB Organizational Anti-Corruption Plan (OACP) 2021 - 2025**

The CIDB OACP 2021 - 2025 had been developed to support the National Anti-Corruption Plan (NACP) 2019-2023. The OACP comprises of 4 Priority Areas, 4 Strategies and 74 Initiatives aimed at strengthening CIDB's transparency, credibility, effectiveness and efficiency in delivering its services. In 2022, CIDB's OACP achievement is 99% against the target of 100%. 70 out of 74 initiatives had successfully achieved over 90% (green) while 4 initiatives achieved between 70% - 89% (yellow).



Pencapaian

**99%**

bagi **4 Strategi** dan **74 Inisiatif** dilaksanakan pada tahun 2022

**d) Pelan Strategik Pembinaan 4.0 (C4.0) 2021 - 2025**


Selaras dengan dasar kerajaan yang menyokong Revolusi Perindustrian 4.0, Kementerian Kerja Raya telah melancarkan Pelan Strategik Pembinaan (C4.0 2021 - 2025) pada 17 November 2020. Pelan tersebut telah menetapkan aspirasi dan inisiatif utama berkaitan transformasi industri pembinaan Malaysia melalui pemeraksanaan pembinaan pintar dan digitalisasi. Pada tahun 2022, 26 KPI telah berjaya dilaksanakan dengan pencapaian 98.3% berbanding sasaran 100%. 23 daripada 26 KPI mencapai lebih 85% (hijau), 1 KPI dicapai antara 60% - 85% (kuning) dan 2 KPI dicapai di bawah 60% (merah).

**d) Construction 4.0 Strategic Plan (C4.0) 2021 - 2025**

In line with the government's policy supporting the Industrial Revolution 4.0, the Ministry of Works launched the Construction Strategic Plan (C4.0 2021 - 2025) on 17 November 2020. The plan has designated the aspirations and key initiatives related to the transformation of the Malaysian construction industry through empowering smart construction and digitalization. In 2022, 26 KPIs had been successfully implemented with an achievement of 98.3% against the target of 100%. 23 out of 26 KPIs achieved over 85% (green), 1 KPI achieved between 60% - 85% (yellow) and 2 KPIs achieved below 60% (red).



bagi **23 KPI** dilaksanakan pada tahun 2022




Selain daripada pelan-pelan di atas, CIDB turut menyumbang sebanyak 21 KPI yang telah ditetapkan di bawah Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya pada tahun 2022 dengan kesemua KPI mencapai 100%.

Butiran pencapaian akan dilaporkan di bawah pelbagai Pelan Strategik di atas.

*Apart from the above plans, CIDB also contributed a total of 21 KPIs that have been set under the Organizational Strategic Plan of the Ministry of Works in 2022 with all KPIs achieving 100%.*

*Details of achievements will be reported under the various Strategic Plans above.*





# PELAN STRATEGIK CIDB (CSP) 2021 - 2025

*CIDB Strategic Plan (CSP) 2021 - 2025*

## PENGENALAN

Pelan Strategik CIDB (CSP) 2021 - 2025 telah dibangunkan sebagai usaha untuk menangani cabaran baharu dan keperluan yang semakin meningkat dari pelbagai pihak. CSP membolehkan CIDB melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya secara holistik dan cemerlang di mana CIDB perlu membuat satu anjakan paradigma agar dapat memberikan perkhidmatan yang berimpak tinggi kepada pihak berkepentingan.

CSP merupakan satu manual yang menggariskan halatuju dan inisiatif-inisiatif yang perlu dilaksanakan oleh CIDB agar menjadi peneraju yang berkesan dalam 5 tahun akan datang. CSP menggunakan kaedah Peta Strategi seperti di bawah untuk melakarkan Objektif Strategik bagi tempoh 5 tahun. Ia menerangkan hubungkait, sebab dan akibat antara objektif-objektif strategik yang merangkumi empat perspektif.

Pada tahun 2022, CSP mensasarkan pencapaian utama yang meliputi penyiapan perkara-perkara berikut:

- Model Kompetensi Kepimpinan CIDB
- Pakatan strategik dengan rakan teknologi
- Kolaborasi penyelidikan berimpak tinggi

Perancangan program-program CIDB yang dipilih menjadi KPI CSP untuk tahun 2022 telah dibentangkan dan dimuktamadkan di dalam mesyuarat CSC Bil. 1/2022 bertarikh 19 Januari 2022 melibatkan 64 KPI yang menyokong 17 Objektif Strategik CSP.

## INTRODUCTION



*The CIDB Strategic Plan (CSP) 2021 - 2025 has been developed as an effort to address new challenges and growing needs from various parties. CSP enables CIDB to carry out its roles and responsibilities in a holistic and excellent manner where CIDB needs to make a paradigm shift in order to provide high-impact services to stakeholders.*

*CSP is a manual that outlines the direction and initiatives that need to be implemented by CIDB in order to be an effective leader in the next 5 years. CSP adopts the Strategy Map method below to outline the Strategic Objectives for a period of 5 years. It explains the relationship, cause and effect between strategic objectives that include four perspectives.*

*In 2022, the CSP had targeted key milestones that include the completion of the following:*

- *CIDB Leadership Competency Model*
- *Strategic alliances with technology partners*
- *High-impact research collaborations*

*The planning of CIDB programmes selected as CSP KPI for 2022 was presented and finalized in the CSC meeting No. 1/2022 dated 19 January 2022 involving 64 KPIs that support 17 CSP Strategic Objectives.*



Rajah : Peta Strategik CSP  
Figure : CSP Strategic Map

## PENCAPAIAN CSP 2021 - 2025

Tahun 2022 merupakan tahun kedua pelaksanaan CSP yang telah menghasilkan beberapa kejayaan pantas secara dalaman dan luaran. Daripada 64 KPI yang dimuktamadkan, 3 KPI telah digugurkan dengan baki 61 KPI dilaksanakan di peringkat ibu pejabat dan sebahagian dijalankan bersama anak syarikat CIDB. Pencapaian keseluruhan KPI CSP bagi tahun 2022 adalah 99.3% menyaksikan prestasi yang lebih baik dari 2021 dengan peningkatan sebanyak 2.1%. 60 dari 61 KPI telah berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan (hijau) manakala hanya satu KPI yang memperoleh pencapaian di antara 60% - 85% (kuning).

Butiran pencapaian KPI dilaporkan di bawah perspektif yang dinyatakan dalam Peta Strategi CSP merangkumi berikut:

- Perspektif Pelanggan (C1-C4);
- Perspektif Proses Dalaman (P1-P8) dan
- Perspektif Kapasiti Organisasi (OC1-OC5)

## CSP 2021 - 2025 ACHIEVEMENTS

*The year 2022 is the second year of the CSP implementation which had generated some quick gains internally and externally. Out of the 64 KPIs that were finalized, 3 KPIs were dropped with the remaining 61 KPIs implemented at the head office level and some carried out together with CIDB subsidiaries. The overall achievement of the CSP KPI for the year 2022 is 99.3% performing better than 2021 with an increase of 2.1%. 60 out of 61 KPIs have successfully achieved the set target (green) while only one SI has achieved between 60% - 85% (yellow).*

*Details of the KPIs achievements are reported under the perspectives set out in the CSP Strategy Map which are:*

- Customer Perspective (C1-C4);
- Internal Process Perspective (P1-P8) and
- Organizational Capacity Perspective (OC1-OC5)

## PERSPEKTIF PELANGGAN

Perspektif Pelanggan merumuskan nilai yang dapat disampaikan kepada pelanggan untuk merealisasikan impak yang dihasratkan dalam Perspektif Pihak Berkepentingan. Ia disokong oleh empat SO sepertimana Rajah (mukasurat 91) di atas.

Perspektif Pelanggan mempunyai 15 KPI di bawah empat SO di atas di mana kesemua KPI mencapai melebihi 85% (hijau). Pencapaian setiap KPI di bawah Perspektif Pelanggan adalah seperti berikut:

## CUSTOMER PERSPECTIVE

*The Customer Perspective formulates the value that can be delivered to the customer to realize the impact envisioned in the Stakeholder Perspective. It is supported by four SOs as shown in Figure (page 91) above.*

*The Customer Perspective has 15 KPIs under the four SOs above where all KPIs achieved over 85% (green). The achievements of each KPI under the Customer Perspective are as follows:*

NO/ NO	KOD/ CODE	PENCAPAIAN / ACHIEVEMENT
1.	C1.1.1	Pangkalan data projek pembinaan diawad kepada kontraktor dan pengilang Malaysia di pasaran global telah dikemaskini secara berkala dengan 8 projek bernilai RM33.3 billion melibatkan 5 syarikat dan 6 negara. <i>The database of construction projects awarded to Malaysian contractors and manufacturers in the global market has been updated periodically with 8 projects worth RM33.3 billion involving 5 companies and 6 countries.</i>
2.	C1.3.1	Penetapan penilaian QLASSIC sebagai syarat pendaftaran kontraktor telah diluluskan pada Q2 2022. Sebanyak 248 projek bangunan telah dinilai dengan QLASSIC. <i>The setting of the QLASSIC assessment as a condition for contractor registration was approved in Q2 2022. A total of 248 building projects were assessed with QLASSIC.</i>
3.	C1.3.2	10 projek pembinaan telah dinilai menggunakan skim penarafan kemampuan dalam pembinaan berbanding sasaran 15 projek. <i>10 construction projects were assessed using the sustainability in construction rating scheme against a target of 15 projects.</i>
4.	C1.5.1	Modul pemantauan projek telah dibangunkan. <i>A project monitoring module had been developed.</i>
5.	C2.1.1	Dokumen panduan pelaksanaan Pelan Strategik Pembinaan 4.0 (C4.0) untuk tempoh 2023 - 2025 telah siap dibangunkan <i>The guidelines for the implementation of the Construction Strategic Plan 4.0 (C4.0) for the period 2023-2025 had been developed</i>

NO/ NO	KOD/ CODE	PENCAPAIAN / ACHIEVEMENT
6.	C2.2.1	Sistem Pengurusan Kualiti Kontraktor (CQMS) untuk pengurusan kualiti dan pensijilan telah dibangunkan dan 4 kursus CQMS telah dijalankan. <i>The Contractor Quality Management System (CQMS) for quality management and certification had been developed and 4 CQMS courses had been conducted.</i>
7.	C2.3.1	4 modul baharu telah siap dibangunkan dan 6 modul sedia ada ditambahbaik dalam E-Learning untuk Kursus Pengurusan Kontraktor <i>4 new modules had been developed and 6 current modules had been improved in the E-Learning for the Contractor Management Course</i>
8.	C3.1.1	Seramai 824 personel binaan BIM telah dilatih dalam pelbagai modul latihan BIM berbanding sasaran 800. <i>A total of 824 BIM construction personnel were trained in various BIM training modules against the target of 800.</i>
9.	C3.2.1	Sebanyak 10 standard (6 tred), 8 modul (6 tred) dan 75 set soalan penilaian (11 tred) telah dibangun, disemak dan ditambahbaik. <i>A total of 10 standards (6 trades), 8 modules (6 trades) and 75 sets of evaluation questions (11 trades) have been developed, revised and enhanced.</i>
10.	C3.3.1	Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) telah ditambah nilai melalui Persijilan ISO 17024:2012 bagi tred <i>Welding, Non Destructive Testing (NDT) dan Blasting &amp; Painting</i> . <i>The Construction Skills Competency Certificate (SKKP) was value-added via the ISO 17024:2012 certification for Welding, Non Destructive Testing (NDT) and Blasting &amp; Painting trades.</i>
11.	C3.4.1	Seramai 20,087 Belia dan Personel Binaan telah menjalani latihan dan penilaian berbanding sasaran 18,000. <i>A total of 20,087 Youth and Construction Personnel were trained and assessed against the target of 18,000.</i>
12.	C3.5.1	Seramai 216 personel telah menjalani latihan dan penilaian kepada personel FM berbanding sasaran 170. <i>A total of 216 personnel were trained and assessed to be FM personnel against the target of 170.</i>
13.	C3.6.1	<i>Tracer Study</i> untuk mengesan kadar serapan graduan ABM dan Pusat Latihan Bertauliah ke dalam industri menunjukkan kadar kebolehpasaran graduan adalah 71%. <i>Tracer Study to ascertain the absorption rate of ABM and Certified Training Centre graduates into the industry shows a 71% employability rate.</i>
14.	C3.7.1	Seramai 12,293 pekerja mahir telah diakredit melalui 10 tred berimpak tinggi berbanding sasaran 5,000. <i>A total of 12,293 skilled workers were accredited through 10 high-impact trades against the target of 5,000.</i>
15.	C4.1.1	Sebanyak 107 projek telah dinilai SHASSIC berbanding sasaran 60 dengan 50.47% projek mencapai penarafan skor 5 bintang. <i>A total of 107 construction projects had undergone SHASSIC assessment against the target of 60 projects with 50.47% of projects achieving a 5-star score rating.</i>

## PERSPEKTIF PROSES DALAMAN

Perspektif Proses Dalaman menerangkan keutamaan aktiviti operasi dalam menyampaikan penyelesaian bermanfaat kepada pelanggan seperti yang dinyatakan dalam Perspektif Pelanggan. Ia disokong oleh lapan SO yang dikategorikan mengikut 5 Tema sepertimana Rajah (mukasurat 91) di atas.

Perspektif Proses Dalaman mempunyai KPI terbanyak berjumlah 32 di bawah lapan SO di atas di mana kesemua KPI mencapai melebihi 85% (hijau). Pencapaian setiap KPI di bawah Perspektif Proses Dalaman adalah seperti berikut:

## INTERNAL PROCESS PERSPECTIVE

*The Internal Process Perspective describes the priorities within the operational activities to deliver CIDB's value propositions to the customers stated in the Customer Perspective. It is supported by eight SOs categorized according to 5 Themes as shown in Figure (page 91) above.*

*The Internal Process Perspective has the highest number of KPIs totalling 32 under the eight SOs above where all KPIs achieved over 85% (green). The achievements of each KPI under the Internal Process Perspective are as follows:*

NO/ NO	KOD/ CODE	PENCAPAIAN / ACHIEVEMENT
		<p>Sebanyak 4 projek menjurus kepada penyampaian penyelesaian telah dilaksanakan seperti berikut :</p> <p><i>A total of 4 projects towards solutioning have been implemented as follows:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>The Development of Trade - Level Productivity Measuring Tool to Measure the Productivity of Building Projects</i></li> </ul>
1.	P2.1.1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kajian Pembangunan Garis Panduan Mewajibkan Penggunaan CIS 30:2021 dalam projek Kerajaan Bernilai RM10 Juta ke Atas <i>Study on the Development of Guidelines Mandating the Use of CIS 30:2021 in Government Projects Worth RM10 Million and Above</i></li> <li>Laporan BIM 2021 / <i>BIM Report 2021</i></li> <li>Laporan IBS 2021 / <i>IBS Report 2021</i></li> </ul>
2.	P3.1.1	<p>Penyediaan soalan beserta jawapan bagi 4 modul latihan atas talian telah siap 100%. <i>The preparation of questions with answers for 4 online training modules was 100% complete.</i></p>
3.	P3.2.1	<p>Program Audit 2022 yang diluluskan telah dilaksanakan dan Pelan Audit Tahun 2023 telah disediakan untuk kelulusan Jawatankuasa Audit. <i>The approved 2022 Audit Programme had been implemented and the 2023 Audit Plan had been prepared for the approval of the Audit Committee.</i></p>
4.	P3.3.1	<p>Unit Pengurusan Risiko telah berjaya menjalankan 10 aktiviti-aktiviti serta program seperti yang dirancang. <i>The Risk Management Unit had successfully carried out 10 activities and programmes as planned.</i></p>
5.	P3.4.1	<p><i>International Construction Week (ICW) 2022 dengan tema Constructing a New Future telah diadakan dengan kehadiran 1160 pengunjung. ICW telah menyediakan beberapa komponen utama termasuk seminar percuma (Tech Talk) dan pertandingan MSSA – CIDB Open Ideas Competition.</i> <i>The International Construction Week (ICW) 2022 with the theme of Constructing a New Future was held with the presence of 1160 visitors. ICW had provided several key components including free seminars (Tech Talk) and the MSSA – CIDB Open Ideas Competition.</i></p>
6.	P3.4.2	<p><i>Platform Digital News Portal yang dikenali sebagai Heights berjaya dibangunkan dan dimuatnaik melalui laman web CIDB Malaysia di pautan <a href="https://www.cidb.gov.my/berita/">https://www.cidb.gov.my/berita/</a>.</i> <i>The Digital News Portal platform known as Heights was successfully developed and uploaded through the CIDB Malaysia website at the link <a href="https://www.cidb.gov.my/berita/">https://www.cidb.gov.my/berita/</a>.</i></p>
7.	P3.4.3	<p>Nilai PR mencapai melebihi RM270 juta berbanding sasaran RM80 juta. <i>The PR value achieved more than RM270 million against the target of RM80 million.</i></p>
8.	P3.4.4	<p>Penggunaan Media Sosial telah mencapai lebih daripada 8.23 juta berbanding sasaran 8 juta. <i>Social Media usage had reached more than 8.23 million against the target of 8 million.</i></p>
9.	P3.5.1	<p>Kajian kepuasan pelanggan untuk 2022 terbahagi kepada 2 kategori iaitu: <i>The customer satisfaction study for 2022 was divided into 2 categories namely:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>ISO 9001:2015 yang terdiri daripada 2 segmen iaitu Kontraktor dan Personel Binaan, mendapat skor 86%.</i> <i>ISO 9001:2015 which consists of 2 segments namely Contractors and Construction Personnel, had scored 86%.</i></li> <li><i>4 segmen yang terdiri daripada Kontraktor, Personel Binaan, Bahan Binaan Import dan Bahan Binaan Tempatan, telah mendapat skor sebanyak 85%.</i> <i>4 segments consisting of Contractors, Construction Personnel, Imported Construction Materials and Local Construction Materials, had scored 85%.</i></li> </ul>
10.	P3.6.1	<p>Data geospasial tambahan telah dikemaskini ke CGIS. <i>Additional geospatial data had been updated to CGIS.</i></p>
11.	P3.7.1	<p>Pengkalan data kos hayat keseluruhan (WLC) projek pembinaan telah dilengkapkan melibatkan 69 projek pembinaan dan 10 projek penyelenggaraan. <i>The whole life cost (WLC) database of construction projects had been completed involving 69 construction projects and 10 maintenance projects.</i></p>

NO/ NO	KOD/ CODE	PENCAPAIAN / ACHIEVEMENT
12.	P3.8.1	<p>Portal Bersepadu Teknologi (SMART) di pautan <a href="https://smart.cidb.gov.my/">https://smart.cidb.gov.my/</a> telah siap sepenuhnya. <i>The Technology Integrated Portal (SMART) at the link <a href="https://smart.cidb.gov.my/">https://smart.cidb.gov.my/</a> had been fully completed.</i></p>
13.	P3.9.1 (BSBB)	<p>Program-program pematuhan terhadap Jadual Keempat di bawah Akta 520 telah dijalankan seperti di bawah: <i>Compliance to the Fourth Schedule under Act 520 programmes had been carried out as below:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 4566 pemeriksaan bahan binaan berbanding sasaran 3476 <i>4566 inspections of building materials against the target of 3476</i></li> <li>• 5 Operasi Penguatkuasaan Bersepadu (OPB) <i>5 Integrated Enforcement Operations (OPB)</i></li> <li>• 4 Operasi Penguatkuasaan Khas (OPK) <i>4 Special Enforcement Operations (OPK)</i></li> </ul>
14.	P3.9.1 (BPfK)	<p>Sebanyak 4,083 audit <i>Contractor Compliance Assurance</i> (CCA) telah dijalankan di mana 3,146 kes telah patuh dan 937 kes tidak patuh. <i>A total of 4,083 Contractor Compliance Assurance (CCA) audits were conducted in which 3,146 cases were compliant and 937 cases were non-compliant.</i></p>
15.	P3.10.1	<p>Kaedah pengumpulan dan pengupayaan maklumat individu, institusi latihan dan program yang diakredit selaras dengan CSQF telah dikukuhkan. <i>The methodology of collecting and enabling information on individuals, training institutions and accredited programs in line with CSQF had been strengthened.</i></p>
16.	P3.11.1	<p>Sebanyak 824,900 Perakuan Pendaftaran Personel Binaan dengan kod QR bagi semua personel binaan aktif telah dijana. <i>A total of 824,900 Construction Personnel Registration Certificates with QR codes for all active construction personnel had been generated.</i></p>
17.	P3.12.1	<p>Sebanyak 22 KPI ISP berjaya dipantau dan dilaporkan bagi tahun 2022 dengan pencapaian keseluruhan 94.6%. <i>A total of 22 ISP KPIs had been successfully monitored and reported for 2022 with an overall achievement of 94.6%.</i></p>
18.	P3.13.1	<p>Kemudahan laptop bagi staf yang Bekerja Dari Rumah (BDR) serta sistem persidangan video telah dibekalkan untuk CIDB Ibu Pejabat dan CIDB Negeri/Cawangan. <i>Laptop facilities for staff who work from home, as well as video conferencing system had been provided for CIDB Head Office and CIDB States/Branches.</i></p>
19.	P3.13.2	<p>Kemajuan pembangunan rekabentuk bagi ruang dalaman The MET telah mencapai 97%. <i>Design development progress for the interior of The MET had achieved 97%.</i></p>
20.	P3.14.1	<p>Tindakan penguatkuasaan menerusi sistem penguatkuasaan CIDB telah dikenalpasti seperti Tindakan Sekatan (EP2B), <i>Whitelist</i>, Pengenaan caj pembukaan sekatan, gugur atau penarikan pengkhususan. <i>Enforcements through the CIDB enforcement system had been identified such as restrictions (EP2B), Whitelist, Imposition of charges to remove restrictions, cancellation or withdrawal of specialization.</i></p>
21.	P3.14.2	<p>Latihan berkala menggunakan sistem E-Penguatkuasaan kepada anggota penguatkuasa bagi memantapkan operasi penguatkuasaan sedang dibangunkan melalui e-Book &amp; Aplikasi mudahalihan (<i>Mobile Apps</i>). <i>Periodical training using the E-Enforcement system for enforcement personnel to strengthen enforcement operations is being developed through e-Books &amp; Mobile Apps.</i></p>
22.	P3.14.4	<p>Sebanyak 16 sesi latihan berkala telah diberikan kepada anggota penguatkuasa berkaitan penambahbaikan Manual Prosedur Kerja terbaharu yang perlu dipraktikkan. <i>A total of 16 periodical training sessions had been given to enforcement personnel related to the enhancement of the latest Work Procedures Manual that needs to be put into practice.</i></p>
23.	P3.14.5	<p>Keperluan dan kelengkapan anggota penguatkuasa terdiri daripada lencana &amp; kad kuasa, set pakaian taktikal dan kasut keselamatan telah diserahkan pada semua pejabat CIDB Negeri &amp; Cawangan dalam mensiapsiagakan keterampilan anggota. <i>The requirements and equipment of enforcement personnel consisting of badges &amp; authorization cards, sets of tactical attires and safety shoes had been handed over to all CIDB States &amp; Branch offices in equipping personnels' skills.</i></p>

NO/ NO	KOD/ CODE	PENCAPAIAN / ACHIEVEMENT
24.	P3.14.6	<p>Sebanyak 8 aktiviti kolaborasi bersama bahagian dan anak syarikat CIDB telah dijalankan dalam mengukuh dan meningkatkan kefahaman peranan antara bahagian dari sudut penguatkuasaan. <i>A total of 8 collaborative activities with CIDB divisions and subsidiaries were carried out to strengthen and enhance the understanding of roles between divisions from an enforcement perspective.</i></p>
25.	P3.15.1	<p>Sebanyak 13 Seminar Penguatan Pematuhan Kontraktor telah dilaksanakan di setiap negeri dengan kerjasama Inter-Agensi di dalam memberikan pendedahan kepada pemegang taruh terhadap peraturan dan peruntukan undang-undang industri pembinaan. <i>A total of 13 Seminars to Strengthen Contractor Compliance were implemented in each state with Inter-Agency cooperation in providing exposure to stakeholders on the rules and provisions of the construction industry law.</i></p>
26.	P3.16.1	<p>Seramai 2,693 personel binaan mahir baharu telah didaftarkan melalui CIMS. <i>A total of 2,693 new skilled construction personnel were registered through CIMS.</i></p>
27.	P5.1.1	<p>3 projek penyelidikan berimpak tinggi telah dijalankan bersama industri seperti berikut : <i>3 high-impact research projects have been carried out with the industry as follows:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>The Development of Trade - Level Productivity Measuring Tool to Measure the Productivity of Building Projects</i></li> <li>• <i>Kajian Baseline terhadap Tahap Penggunaan Teknologi Dalam Amalan Profesional Industri Pembinaan ke Arah Peningkatan Tahap Produktiviti. Baseline Study on the Level of Technology Use in the Construction Industry Professional Practice towards Productivity Level Enhancement.</i></li> <li>• <i>Kajian Pembangunan Garis Panduan Mewajibkan Penggunaan CIS 30:2021 dalam rojek Kerajaan Bernilai RM10 Juta ke Atas Study on the Development of Guidelines Mandating the Use of CIS 30:2021 in Government Projects Worth RM10 Million and Above</i></li> </ul>
28.	P7.1.1	<p>Sebanyak 4 program kemampanan dalam pembinaan bersama institusi pendidikan dan organisasi luar telah dijalankan bersama pihak UTM, UIAM, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan Yayasan Amal Malaysia. <i>A total of 4 sustainability programmes in construction with educational institutions and external organizations had been carried out with UTM, UIAM, Department of Polytechnic Education and Community College and Yayasan Amal Malaysia</i></p>
29.	P7.2.1	<p>11 program kolaborasi bersama penggiat industri ke arah penyediaan penyampaian penyelesaian telah dilaksanakan <i>11 collaborative programmes with industry players towards solutioning formulation had been implemented</i></p>
30.	P8.1.1	<p>Pelaksanaan CSP telah dipantau mengikut garis masa projek terperinci yang telah diluluskan <i>The implementation of the CSP was monitored according to the approved detailed project timeline</i></p>
31.	P8.1.2	<p>Pelaksanaan OACP 2021 - 2025 telah diurus mengikut perancangan dan prestasinya telah dilaporkan. <i>The implementation of the OACP 2021 - 2025 had been managed according to the plan and its performance had been reported</i></p>
32.	P8.1.3	<p>Kemajuan CSP, ISP dan C4.0 telah dilaporkan dalam mesyuarat yang berkaitan secara suku tahunan. <i>The progress of CSP, ISP and C4.0 was reported in the relevant meetings on a quarterly basis</i></p>



## PERSPEKTIF KAPASITI ORGANISASI

Perspektif Kapasiti Organisasi menjelaskan pemboleh-pemboleh kritikal terutama warga CIDB, budaya, ICT dan objektif strategik berkaitan kewangan adalah penting untuk memastikan kejayaan pelaksanaan objektif dalam Perspektif Proses Dalaman. Ia disokong oleh lima SO di bawah tiga Bahagian sepertimana Rajah (mukasurat 91).

Perspektif Kapasiti Organisasi mempunyai 14 KPI di bawah lima SO di atas di mana 13 KPI mencapai melebihi 85% (hijau) dan satu KPI mencapai antara 60% - 85% (kuning). Pencapaian setiap KPI di bawah Perspektif Kapasiti Organisasi adalah seperti berikut:


## ORGANIZATIONAL CAPACITY PERSPECTIVE


*The Organizational Capacity Perspective describes critical enablers especially CIDB's staff, culture, ICT and financial-related strategic objectives that are key to ensure the successful execution of the objectives in the Internal Process Perspective. It is supported by five SOs under three Divisions as shown in Figure (page 91).*

*The Organizational Capacity Perspective has 14 KPIs below the five SOs above where 13 KPIs achieved over 85% (green) and 1 KPI achieved between 60% - 85% (yellow). The achievements of each KPI under the Organizational Capacity Perspective are as follows:*

NO/ NO	KOD/ CODE	PENCAPAIAN / ACHIEVEMENT
1.	OC1.1.1	Program kompetensi secara berstruktur telah dilaksanakan melibatkan program kepimpinan dan pengiktirafan badan-badan professional untuk 21 orang staf CIDB. <i>A structured competency programme had been implemented involving leadership programmes and recognition by professional bodies for 21 CIDB staff.</i>
2.	OC2.1.1	Seramai 120 pegawai telah dilatih dalam kemahiran teknikal berkaitan bahan binaan berbanding sasaran 80 pegawai. <i>A total of 120 officers were trained in technical skills related to building materials against the target of 80 officers.</i>
3.	OC2.2.1	Program kompetensi Generik & Teknikal berdasarkan bidang yang telah dikenalpasti telah dilaksanakan dan keberkesanan latihan suku tahun ke 4 tahun 2021 telah dianalisa dengan pencapaian 81%. <i>The Generic &amp; Technical competency programmes based on identified fields had been implemented and the effectiveness of the training in the 4th quarter of 2021 had been analysed with an achievement of 81%.</i>
4.	OC3.1.1	9 aktiviti <i>Quick Wins</i> dan 6 program jangka panjang telah dilaksanakan sebagai pengurusan perubahan budaya yang mendukung visi dan misi CSP dan CIDB. <i>9 Quick Wins activities and 6 long-term programmes had been implemented to manage culture change that supports the vision and mission of CSP and CIDB.</i>
5.	OC4.2.1	Pendigitalan dokumen levi telah siap dan modul dijangka <i>go live</i> pada Q1 2023. <i>Digitization of levy documents had been completed and the module is scheduled to go live in Q1 2023.</i>
6.	OC4.2.2	Sebanyak 88,070 pengisytiharan telah disemak dalam tempoh 5 hari dari tarikh pengisytiharan semasa melaksanakan pra-analisis maklumat pendaftaran kontraktor dan projek pembinaan. <i>A total of 88,070 declarations were reviewed within 5 days from the date of declaration during the pre-analysis of contractor registration information and construction projects.</i>
7.	OC4.2.3	Penambahbaikan sistem (CIMS) bagi proses kerja pemantauan kes projek tidak diisytiharkan untuk tindakan penguatkuasaan telah siap 100%. <i>CIMS enhancement for the monitoring work process of project cases not declared for enforcement action has been completed 100%.</i>
8.	OC4.3.1	Penyediaan dan pengurusan data sumber manusia telah dimantapkan melalui 7 aktiviti yang telah dijalankan. <i>The preparation and management of human resource data had been strengthened through 7 activities that had been carried out.</i>
9.	OC4.3.2	Sistem E-Learning bagi modul perolehan untuk kegunaan latihan dalaman staf telah dilaksanakan. <i>The E-Learning system on procurement modules for internal staff training had been implemented.</i>

NO/ NO	KOD/ CODE	PENCAPAIAN / ACHIEVEMENT
10.	OC4.4.1	<p>Ruang dalaman The MET yang dilengkapi dan diintegrasikan dengan keperluan <i>Audio Visual (AV)</i> dan IT sedang dibina dan dijangka siap pada Februari 2023. <i>The interior space of The MET which is equipped and integrated with Audio Visual (AV) and IT needs are being constructed and scheduled for completion in February 2023.</i></p>
11.	OC5.1.1	<p>Bajet CIDB 2023 telah disediakan dan diluluskan dalam masa yang ditetapkan. <i>The CIDB 2023 budget was prepared and approved within the stipulated time.</i></p>
12.	OC5.2.1	<p>Modul pembayaran online bagi perkhidmatan analisis data dari portal CONVINCENCE telah siap 100%. <i>The online payment module for data analysis services from the CONVINCENCE portal is 100% completed.</i></p>
13.	OC5.3.1	<p>Penerbitan CIDB seperti <i>CIDB Construction Law Report (CCLR)</i> dan set <i>Malaysian Civil Engineering Standard Method of Measurement (MyCESMM)</i> telah dijual secara e-Penerbitan melalui Portal CONVINCENCE dengan pungutan hasil berjumlah RM2,400. <i>CIDB publications such as the CIDB Construction Law Report (CCLR) and the Malaysian Civil Engineering Standard Method of Measurement (MyCESMM) set were sold as e-Publishing through the CONVINCENCE Portal with a total revenue of RM2,400.</i></p>
14.	OC5.3.2	<p>Pengurangan belanja fotostat dengan menghadkan penggunaan fotostat berwarna hanya mencapai 34.9% berbanding sasaran 50%. <i>The reduction in photocopy expenses by limiting the use of colour photocopies only achieved 34.9% against the target of 50%.</i></p>





# PELAN STRATEGIK ICT (ISP) CIDB 2020-2025

*CIDB ICT Strategic Plan (ISP) 2021-2025*

## PENGENALAN

CIDB perlu mengukuhkan kuasa ICTnya dalam usaha memastikan kesediaannya menyokong kemajuan mantap transformasi digital industri pembinaan. Justeru, Pelan Strategik ICT (ISP) CIDB 2020 - 2025 (*ICT Strategic Plan (ISP)*) telah dibangunkan untuk mewujudkan hala tuju ICT yang akan menyokong peningkatan kemahiran ICT, proses, teknologi, data dan keupayaan strategik CIDB.

Enam (6) Teras Strategik yang terangkum dalam dokumen ini adalah utama dalam memacu CIDB ke arah *Insight-Driven Organization (IDO)* yang melangkaui penggunaan teknologi secara optimum, serta bergerak ke arah organisasi yang menggalakkan penjana idea dan penyelesaian yang inovatif. Teras Strategik (ST) ini didukung oleh lapan (8) Strategi Utama seperti di bawah yang akan dilaksanakan melalui 46 program yang dimiliki oleh pelbagai Sektor, Bahagian dan Unit di seluruh CIDB:

## INTRODUCTION

*CIDB needs to strengthen its ICT forces in an effort to ensure its readiness to support the robust advancement of the construction industry's digital transformation. Hence the development of the CIDB ICT Strategic Plan (ISP) 2020 - 2025 aimed at establishing an ICT direction that will support CIDB's enhancement of its ICT skills, processes, technology, data and strategic capabilities.*

*Six (6) Strategic Thrusts laid within this document are core in propelling CIDB towards an Insight-Driven Organization (IDO) that transcends optimum use of technology, as well as moving towards an organization that encourages the generation of ideas and innovative solutions. These Strategic Thrusts (ST) are mapped against eight (8) Main Strategies as below to be implemented through 46 programmes owned by various Sectors, Divisions and Units throughout CIDB:*



## 6 | TERAS STRATEGIK Strategies Thrust



Enam (6) ST di atas didukung oleh lapan (8) Strategi Utama yang akan dilaksanakan melalui 46 program oleh pelbagai Sektor, Bahagian dan Unit di seluruh CIDB. Strategi Utama tersebut adalah :

*The six (6) STs above are supported by eight (8) Main Strategies that will be implement through 46 programmes by various Sectors, Divisions and Units throughout CIDB. The main strategies are:*



## PENCAPAIAN ISP 2020 - 2025

Tahun 2022 merupakan tahun ketiga pelaksanaan ISP yang berjaya mencapai kemajuan 94.6% berbanding sasaran 100%. Merujuk jadual di bawah, sebanyak 18 KPI telah berjaya dilaksanakan dengan pencapaian 15 KPI melebihi 85% (hijau) dan 3 KPI mencapai antara 60%-85% (kuning). Berikut adalah ringkasan status KPI ISP beserta pencapaiannya.

## ISP 2020 - 2025 ACHIEVEMENTS

The year 2022 is the third year of ISP implementation which has successfully achieved 94.6% progress against the target of 100%. Referring to the table below, a total of 18 KPIs have been successfully implemented with the achievement of 15 KPIs exceeding 85% (green) and 3 KPIs achieving between 60%-85% (yellow). The following is a summary of ISP KPI status and its achievements.

NO	KETERANGAN / DESCRIPTION	2021	2022
1.	KPI Aktif / <i>Active KPIs</i>	14	18
2.	Siap / <i>Completed</i>	10	9
3.	Gabung / <i>Merged</i>	10	10
4.	Gugur atau dipindahkan / <i>Dropped or moved</i>	1	3
5.	Mula kemudian / <i>Commence later</i>	11	8
	<b>JUMLAH / TOTAL</b>	<b>46</b>	<b>48</b>

ST  
01



ST  
02



### PROGRAM

### PENCAPAIAN

1.1	Menaik Taraf Portal Korporat CIDB <i>Enhance CIDB's Corporate Portal</i>	Siap pada 2021 <i>Completed in 2021</i>
1.2	Membangunkan Portal Staf CIDB <i>Develop CIDB's Staff Portal</i>	Digabungkan bawah ST5.9 <i>Merged under ST5.9</i>

### PROGRAM

### PENCAPAIAN

2.1	Membangun, Mengemaskini, Komunikasi, Menyelenggara dan Menguatkuasakan Dasar ICT <i>Develop, Update, Communicate, Maintain and Enforce ICT Policies</i>	Program telah dicapai dan pelaksanaannya diteruskan <i>The programme was achieved and its implementation continues</i>
2.2	Membangunkan Rangka Kerja <i>Enterprise Architecture</i> CIDB <i>Develop a CIDB Enterprise Architecture Framework</i>	Bermula pada tahun 2023 <i>Commencing in 2023</i>
2.3	Pelaksanaan ISP secara berterusan <i>Continuous implementation of ISP</i>	Program telah dicapai dan pelaksanaannya diteruskan <i>The programme was achieved and its implementation continues</i>

ST  
03



	PROGRAM	PENCAPAIAN
3.1	Struktur baharu BPM <i>BPM new structure</i>	Staf baharu BPM telah dilantik <i>BPM new staff had been appointed.</i>
3.2	Meningkatkan Pengurusan Aset ICT <i>Enhance ICT Asset Management</i>	Digabungkan bawah ST2.1 <i>Merged under ST2.1</i>
3.3	Membangunkan dan melaksanakan proses keselamatan ICT dan SOP untuk mencegah, mengurangkan dan memperbetulkan Isu keselamatan <i>Develop and formalise ICT Security Processes and SOPs to prevent, mitigate and rectify security issues</i>	Digabungkan bawah ST3.2 <i>Merged under ST3.2</i>
3.4	Pelaksanaan ISMS <i>Implementation of ISMS</i>	Bermula pada tahun 2023 <i>Commencing in 2023</i>
3.5	Mendapatkan Pensijilan ITIL <i>Obtain ITIL Certification</i>	Tiga (3) orang staf telah menghadiri kursus ITIL Foundation V4.0 <i>Three (3) staff have attended the ITIL Foundation V4.0 course</i>
3.6	Menyediakan Kemudahan Fasiliti ICT di Ibu Pejabat CIDB yang baru <i>Installation of ICT facilities for CIDB's new HQ</i>	Penyediaan fasiliti ICT telah tertangguh kerana tapak bina belum siap sepenuhnya <i>The installation of ICT facilities had been delayed due to the incomplete construction site</i>
3.7	Membangun dan Menyenggara Pelan Pengurusan Rangkaian <i>Develop and maintain the Network Management Plan</i>	Program telah dicapai dan pelaksanaannya diteruskan <i>The programme was achieved and its implementation continues</i>
3.8	Mengoptimumkan Infrastruktur ICT CIDB <i>Optimise CIDB's ICT Infrastructure</i>	Program akan dilaksanakan setelah CIDB berpindah ke The Met <i>The programme will be implemented after CIDB moves to The Met</i>
3.9	Meningkatkan Pengurusan Hubungan dengan Pembekal <i>Enhance Supplier Relationship Management</i>	Digabungkan di bawah ST5.13 <i>Merged under ST5.13</i>

ST  
04



	PROGRAM	PENCAPAIAN
4.1	Penambahbaikan dan Pelaksanaan Portal Kontraktor Malaysia (MCP) <i>Enhancement and Implementation of Malaysia Contractor's Portal (MCP)</i>	Siap pada 2022 <i>Completed in 2022</i>
4.2	Menyediakan platform <i>Marketplace</i> CIDB <i>Set up an online CIDB Marketplace</i>	Digabungkan di bawah ST4.12 <i>Merged under ST4.12</i>
4.3	Meningkatkan Pengurusan Media Sosial untuk Pengurusan Pihak Berkepentingan dan Kempen Atas Talian <i>Enhancing Social Media Management for Stakeholder Management and Online Campaigns</i>	Digabungkan di bawah ST4.12 <i>Merged under ST4.12</i>
4.4	Pengukuhan Fungsi Atas Talian BIM <i>Strengthening BIM Online Functions</i>	Program telah dicapai dan pelaksanaannya diteruskan <i>The programme was achieved and its implementation continues</i>
4.5	Penambahbaikan Portal SHASSIC <i>Enhancement of SHASSIC Portal</i>	Siap pada 2020 <i>Completed in 2020</i>
4.6	Membangunkan Portal Pembinaan Mampan <i>Development of a Sustainable Construction Portal</i>	Dipindahkan kepada Program C4.0 <i>Moved to the C4.0 Programme</i>
4.7	Penambahbaikan CCPM (termasuk Proses Pelaporan Tatatertib) <i>Enhancement of CCPM (including The Disciplinary Reporting Process)</i>	Siap pada 2021 <i>Completed in 2021</i>
4.8	Membangunkan Modul Online untuk TPIB & FTTR dalam CCPM <i>Develop Online Module for TPIB &amp; FTTR in CCPM</i>	Bermula pada tahun 2023 <i>Commencing in 2023</i>
4.9	Meningkatkan Aplikasi E-Learning <i>Enhance E-Learning Application</i>	Bermula pada tahun 2023 <i>Commencing in 2023</i>
4.10	Penambahbaikan Portal Pekerjaan CIDB <i>Enhance CIDB's Job Portal</i>	Digugurkan <i>Dropped</i>
4.11	Penambahbaikan E-Iklan untuk Pemakluman Tender <i>Enhancement of E-Iklan for Tender Notifications</i>	Digugurkan <i>Dropped</i>
4.12	Meningkatkan Aplikasi Convince untuk tambahan Fungsi GIS <i>Enhance Convince Application for added GIS functionalities</i>	Program telah dicapai dan pelaksanaannya diteruskan <i>The programme was achieved and its implementation continues</i>
4.13	Penambahbaikan CIMS <i>Enhancement of CIMS</i>	Program telah dicapai dan pelaksanaannya diteruskan <i>The programme was achieved and its implementation continues</i>
4.14	Penambahbaikan QLASSIC <i>Enhancement of QLASSIC</i>	Siap pada 2021 <i>Completed in 2021</i>
4.15	Peningkatan dan Penyelenggaraan National Construction Cost Centre (N3C) / <i>Enhancement &amp; Maintenance of National Construction Cost Centre (N3C)</i>	Program telah dicapai dan pelaksanaannya diteruskan <i>The programme was achieved and its implementation continues</i>
4.16	Pembangunan Modul Baharu Pemeriksaan Bahan Binaan / <i>Development of a New Module for the Inspection of Building Materials</i>	Digabungkan di bawah ST4.13 <i>Merged under ST4.13</i>



ST  
05



	PROGRAM	PENCAPAIAN
5.1	Kajian Semula Aplikasi VDI <i>VDI Application Review</i>	Siap pada 2020 <i>Completed in 2020</i>
5.2	Penambahbaikan MyProjexis <i>Enhancement of MyProjexis</i>	Siap pada 2020 <i>Completed in 2020</i>
5.3	Pelaksanaan Pengurusan Identiti & Pengurusan Akses Pengguna <i>Implementation of an Identity Management &amp; User Access Management</i>	Penyediaan sistem kad identiti staf telah tertangguh kerana tapak bina belum siap sepenuhnya <i>Installation of the staff identity card system had been delayed due to the incomplete construction site</i>
5.4	Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kenderaan <i>Implementation of a Vehicle Management System</i>	Bermula pada tahun 2023 <i>Commencing in 2023</i>
5.5	Penambahbaikan Sistem Audit Kendiri dan Pemeriksaan Mengejut <i>Enhancement of Self Audit &amp; Surprise Inspection Application</i>	Siap pada 2022 <i>Completed in 2022</i>
5.6	Penubuhan Pangkalan Data Teknikal Bersepadu <i>Establishment of Integrated Technical Database</i>	Gabungkan di bawah ST2.2 <i>Merged under ST2.2</i>
5.7	Pendigitalan Dokumen <i>Digitisation of Documents</i>	Digabungkan di bawah ST5.16 <i>Merged under ST5.16</i>
5.8	Mengautomasikan Proses Pendaftaran IBS Manufacturer & Product Assessment & Certification (IMPACT) <i>Automating the IMPACT Registration Process</i>	Siap pada 2021 <i>Completed in 2021</i>
5.9	Transformasi Digital Proses Bahagian Pengurusan Sumber Manusia <i>Digital Transformation of Human Resource Department Processes</i>	Program telah dicapai dan pelaksanaannya diteruskan <i>The programme was achieved and its implementation continues</i>
5.10	Penyatuan Proses Penyelesaian Kewangan <i>Consolidation of Finance Reconciliation Process</i>	Siap pada 2020 <i>Completed in 2020</i>
5.11	Pelaksanaan Sistem Tanpa Tunai CIDB <i>Implementation of CIDB Cashless System</i>	Program telah dicapai dan pelaksanaannya diteruskan <i>The programme was achieved and its implementation continues</i>
5.12	Pelaksanaan Sistem Pengurusan ISO Untuk ISO 9001, ISO 31001, 37001, 45000 <i>Implementation of an ISO Management System for ISO 9001, ISO 31001, 37001, 45000</i>	Bermula pada tahun 2023 <i>Commencing in 2023</i>
5.13	Sistem Maklumat Perolehan <i>Procurement Information System</i>	Program telah dicapai dan pelaksanaannya diteruskan <i>The programme was achieved and its implementation continues</i>

ST  
05



PROGRAM

PENCAPAIAN

5.14	Membangunkan Perisian <i>Audit Command Language</i> (ACL) dan Program Latihan Berkaitan untuk Memperbaiki Aktiviti Audit <i>Develop an Audit Command Language (ACL) Software and related Training programs to improve audit activities</i>	Bermula pada tahun 2023 <i>Commencing in 2023</i>
5.15	Melaksanakan Sistem Pemantauan Geran Daripada Pembayaran Sehingga Selesai <i>Implement a Grant Monitoring System from disbursement to completion</i>	Digabungkan di bawah ST5.13 <i>Merged under ST5.13</i>
5.16	Melaksanakan Sistem Pengurusan Dokumen Digital <i>Implement a Digital Document Management</i>	Program telah dicapai dan pelaksanaannya diteruskan <i>The programme was achieved and its implementation continues</i>

ST  
06



PROGRAM

PENCAPAIAN

6.1	Program Peningkatan ICT untuk CIDB <i>ICT Upscaling Programme for CIDB</i>	Program telah dicapai dan pelaksanaannya diteruskan <i>The programme was achieved and its implementation continues</i>
6.2	Pelaksanaan Analitis Data Raya ke Arah IDO <i>Implementation of Big Data Analytics towards an Insight-Driven Organisation</i>	Ditangguhkan 2023 <i>Postponed 2023</i>



# PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI CIDB (OACP) 2021 - 2025

*CIDB Organisational Anti Corruption Plan (OACP) 2021 - 2025*



## PENGENALAN

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) CIDB 2021 - 2025 telah dibangunkan seiring dengan komitmen kerajaan ke atas Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 bagi mencapai aspirasi negara bagi memantapkan integriti secara menyeluruh. OACP ini akan bertindak sebagai satu pelan strategik yang holistik dalam memandu segala langkah dan usaha bagi membendung dan menangani rasuah secara berterusan.

OACP ini telah menggariskan bidang-bidang keutamaan, strategi-strategi, objektif-objektif strategik dan Inisiatif-inisiatif yang perlu dilaksanakan dalam tempoh lima tahun seperti berikut :

## INTRODUCTION

*CIDB Organizational Anti-Corruption Plan (OACP) 2021 - 2025 was developed in line with the government's commitment to the National Anti-Corruption Plan (NACP) 2019-2023 in achieving the country's aspirations to strengthen integrity as a whole. The OACP will act as a holistic strategic plan in guiding all measures and efforts to curb and deal with corruption continuously.*

*The OACP has outlined priority areas, strategies, strategic objectives and initiatives that need to be implemented within five years as follows:*

## Bidang Keutamaan 1 Priority Area 1

### Penguatkuasaan Akta & Pematuhan Industri / *Enforcement of the Act & Industry Compliance*

# 24

Inisiatif  
Initiatives

#### Strategi / Strategy

Memperkuh Kredibiliti Penguatkuasaan Akta & Pematuhan Industri.  
*Strengthening the Credibility of Act Enforcement & Industry Monitoring.*



#### Objektif Strategik / Strategic Objectives

- Menambahbaik keberkesanan pelaksanaan penguatkuasaan di lapangan.  
*Improve the effectiveness of enforcement in the field.*
- Meningkatkan profesionalisme, akauntabiliti, dan integriti staf dalam penguatkuasaan undang-undang dan Akta 520.  
*Increase the professionalism, accountability, and integrity of staff in enforcing the law and Act 520.*
- Memantapkan kecekapan dan akauntabiliti staf dalam pengurusan pentauliahan dan pemantauan pusat Latihan.  
*Strengthen staff efficiency and accountability in the commissioning and monitoring management of Training centres.*
- Mempertingkatkan kecekapan dan akauntabiliti staf dalam pelaksanaan proses di CIDB.  
*Improve the efficiency and accountability of staff in the implementation of processes at CIDB.*

## Bidang Keutamaan 2 Priority Area 2

### Sistem Penyampaian & Prosedur / *Delivery System & Procedures*

# 23

Inisiatif  
Initiatives

#### Strategi / Strategy

Memantapkan Kecekapan & Keberkesanan Sistem Penyampaian dan Prosedur.  
*Strengthening the Efficiency & Effectiveness of Delivery Systems and Procedures.*



#### Objektif Strategik / Strategic Objectives

- Menambahbaik sistem dan prosedur bisnes teras di CIDB.  
*Improve core business systems and procedures at CIDB.*
- Memantapkan kecekapan dan akauntabiliti staf dalam pendaftaran personel binaan, pendaftaran kontraktor, pengisytiharan projek, pengurusan pentauliahan, akreditasi dan permohonan pekerja asing/ekspatriat.  
*Strengthen staff efficiency and accountability in construction personnel registration, contractor registration, project declaration, commissioning management, accreditation and application of foreign/expatriate workers.*

## Bidang Keutamaan 3 Priority Area 3

### Perolehan & Kewangan / Procurement & Finance

# 14

Inisiatif  
Initiatives

#### Strategi / Strategy

Meningkatkan Keberkesanan & Ketelusan dalam Pengurusan Perolehan & Kewangan CIDB.

*Enhancing Efficiency & Transparency in CIDB's Procurement & Financial Management.*



#### Objektif Strategik / Strategic Objectives

1.	1.1	Video E-Learning untuk modul latihan Pengurusan IBS dengan penerapan ke arah CR4.0 bagi tred-tred Pratuang, System Formwork, Steel Framing, Blockwork dan Timber Framing telah dibangunkan <i>E-Learning Videos for IBS Management training modules with application towards CR4.0 for Precast, System Formwork, Steel Framing, Blockwork and Timber Framing trades have been developed</i>
2.	1.2	Program Pemindahan Teknologi bagi 12 Teknologi Muncul telah dilaksanakan melalui mengadakan 6 lawatan teknikal seperti berikut : <i>The Technology Transfer Program for 12 Emerging Technologies has been carried out through 6 technical visits as follows:</i> 1. Topcon Malaysia (17 Februari 2022) 2. TNB Platinum (22 Mac 2022) 3. MOSTI (14 Mac 2022) 4. Penyertaan Pameran dan Persidangan ASIA TECH X Singapore (Jun 2022) <i>Participation in the ASIA TECH X Singapore Exhibition and Conference</i> 5. Norway (Sept. 2022) 6. UK Construction Week 2022 (Okt. 2023)
3.	1.3	Sebanyak 6 sesi Jelajah Pendigitalan Pembinaan 2022 iaitu di Zon Tengah, Utara, Selatan, Sabah, Sarawak dan Timur telah dianjurkan. <i>A total of 6 sessions for the 2022 Construction Digitization Awareness Tour in the Central, Northern, Southern, Sabah, Sarawak and Eastern Zones had been organized.</i>
4.	1.4	Seramai 824 orang peserta telah dilatih dalam pelbagai modul Latihan BIM berbanding sasaran 500 peserta. <i>A total of 824 participants were trained in various BIM Training modules against the target of 500 participants.</i>

NO	KPI	PENCAPAIAN / ACHIEVEMENT
5.	1.5	Seramai 250 orang peserta daripada agensi kerajaan telah dilatih dalam program Latihan BIM sebagaimana sasaran. <i>A total of 250 participants from government agencies were trained in the BIM Training programme as targeted.</i>
6.	1.6	Seramai 26 orang tenaga pengajar telah dilatih dalam program Latihan BIM berbanding sasaran 25 orang. <i>A total of 26 instructors were trained in the BIM Training programmes against the target of 25.</i>
7.	1.7	Pembangunan Kontraktor Fasiliti di bawah program SMART CITY (Penambahan Pakej Pembelajaran kepada Modul SKP Fasiliti sedia ada) telah berpindah pemilik dan akan dilaksanakan pada tahun 2023. <i>Facility Contractor Development under the SMART CITY programme (Additional Learning Package to the current Facility SKP Module) had changed owners and will be implemented in 2023</i>

## TERAS STRATEGIK 2 (TS2)

TS2 memberi tumpuan kepada pelaksanaan program strategik untuk inovasi dengan tujuan untuk menyokong aktiviti Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersialan dan Keusahawanan (RICE). Menyedari kepentingan RICE dalam Pembinaan 4.0, program RICE yang holistik merangkumi semua kekurangan dalam penyelidikan akan memastikan potensi dan faedah yang signifikan dalam transformasi industri pembinaan. Usaha penyelidikan secara kolaboratif antara industri, akademik dan kerajaan akan menghasilkan portfolio penyelidikan yang memberi impak dan berpotensi untuk bergerak ke arah pendekatan yang diaplikasikan. ST2 mempunyai 4 KPI kesemuanya mencapai lebih 85% (hijau). Pencapaian setiap KPI di bawah TS2 adalah seperti berikut:

## STRATEGIC THRUST 2 (ST2)

ST2 focuses on implementing a strategic programme for innovation with the aim to support Research, Innovation, Commercialisation and Entrepreneurship (RICE) activities. Recognising the importance of RICE in Construction 4.0, a holistic RICE programme that covers all research deficiencies will ensure significant potential and benefits in transforming the construction industry. A collaborative research effort between industry, academia and the government will produce an impactful research portfolio with the potential to move towards an applied approach. ST2 has 4 KPIs all achieving over 85% (green). The achievements of each KPI under ST2 are as follows:

NO	KPI	PENCAPAIAN / ACHIEVEMENT
1.	2.1	Kajian Tahap kesediaan kontraktor terhadap adaptasi penggunaan teknologi Pembinaan 4.0 (C4.0) telah siap sepenuhnya pada Okt. 2022 dengan kerjasama bersama pihak USM. <i>The study on the contractor's level of readiness for the adaptation of Construction 4.0 technology (C4.0) utilisation was fully completed in Oct. 2022 in collaboration with USM.</i>
2.	2.2	Kajian <i>baseline</i> pengukuran tahap produktiviti profesional sektor pembinaan telah siap pada Oktober 2022 dengan Kerjasama Lembaga Arkitek Malaysia, Lembaga Jurutera Malaysia, Lembaga Juruukur Bahan Malaysia dan Lembaga Perancang Bandar Malaysia. <i>The baseline study of measuring the level of professional productivity in the construction sector was completed in October 2022 with the cooperation of the Board of Architects Malaysia, the Board of Engineers Malaysia, the Board of Quantity Surveyors Malaysia and the Board of Town Planners Malaysia.</i>
3.	2.3	Kajian keberkesanan pelaksanaan CR4.0 <i>CR4.0 implementation effectiveness study</i> a) Pembangunan Fasa 2 Pelan Strategik C4.0 (2023 - 2025) telah siap pada Disember 2022 <i>Phase 2 of Strategic Plan C4.0 development (2023 - 2025) was completed in December 2022</i>
4.	2.4	Pengkomersialan R&D CREAM IPR telah siap pada Q3 2022. <i>R&amp;D CREAM IPR commercialization was completed in Q3 2022.</i>

### TERAS STRATEGIK 3 (TS3)

TS3 bertujuan untuk mengintegrasikan teknologi ke dalam satu platform yang sama beriringan dengan keseluruhan kitaran hayat projek. Pembinaan 4.0 sedang mengubah cara tradisional untuk mereka bentuk, membina dan menyelenggara bangunan, yang pada masa lalu telah dijalankan secara bersendirian tanpa merujuk kepada pelbagai pihak berkepentingan. Penggunaan teknologi digital baharu memungkinkan pengumpulan dan analisis data merentas pasukan reka bentuk dan rantaian bekalan - membolehkan proses yang lebih pantas, lebih fleksibel dan lebih efisien untuk menghasilkan bangunan atau infrastruktur yang lebih berkualiti pada kos yang lebih rendah. Perubahan ini pasti memerlukan alat yang kompleks, rangkaian infrastruktur yang berkuasa tinggi dan rangkaian sekuriti yang terjamin. ST3 mempunyai 15 KPI dengan 13 mencapai lebih 85% (hijau), 1 KPI mencapai antara 60%-85% (kuning) dan 1 KPI mencapai di bawah 60% (merah). Pencapaian setiap KPI di bawah TS3 adalah seperti berikut:

### STRATEGIC THRUST 3 (ST3)

ST3 is aimed at integrating technologies into a common platform along with the project's whole life cycle. Construction 4.0 is changing the traditional way of designing, constructing and maintaining buildings, which in the past had been carried out independently without reference to the multiple stakeholders. The use of new digital technologies makes it possible to gather and analyse data across the design team and supply chains - enabling faster, more flexible, and more efficient processes to produce higher-quality buildings or infrastructures at reduced costs. This change would be highly dependent on complex tools, powerful infrastructure networks and reliable security networks. ST3 has 15 KPIs with 13 achieving over 85% (green), 1 KPI achieving between 60%-85% (yellow) and 1 KPI achieving below 60% (red). The achievements of each KPI under ST3 are as follows:

NO	KPI	PENCAPAIAN / ACHIEVEMENT
1.	3.1	Sesi pengkomersialan National BIM e-Submission (NBeS) telah dilaksanakan di 3 buah PBT iaitu PPJ (Perbadanan Putrajaya), MPPD (Majlis Perbandaran Port Dickson) dan MDT (Majlis Daerah Tampin) <i>The National BIM e-Submission (NBeS) commercialization session was carried out in 3 PBTs namely PPJ (Putrajaya Corporation), MPPD (Port Dickson Municipal Council) and MDT (Tampin District Council)</i>
2.	3.2	Mekanisme Pemantauan Pelaksanaan Polisi IBS bagi Projek Swasta telah dibangunkan. <i>IBS Policy Implementation Monitoring Mechanism for Private Projects had been developed.</i>
3.	3.3	Beberapa projek BIM dan Pembinaan 4.0 telah dikenalpasti bagi <i>Technology Transfer (Benchmarking)</i> berkaitan IBS dan BIM di mana lawatan di bawah telah dilaksanakan: <i>Several BIM and Construction 4.0 projects had been identified for Technology Transfer (Benchmarking) related to IBS and BIM where the visits below had been carried out:</i> 1. Projek Platinum TNB pada Mac 2022 <i>TNB Platinum Project in March 2022</i> 2. Kilang IJM IBS Bestari Jaya pada Sept. 2022 <i>IJM IBS Bestari Jaya factory on Sept. 2022</i> 3. Projek Hospital Pasir Gudang pada Nov. 2022 <i>Pasir Gudang Hospital Project in Nov. 2022</i>
4.	3.4	Seramai 200 pengguna telah berdaftar dalam platform Marketplace IBSWare dan CIDB IBS Virtual Platform dalam memperkasakan proses pendigitalan. <i>A total of 200 users had registered in the IBSWare Marketplace and CIDB IBS Virtual Platform to empower the digitization process.</i>
5.	3.5	Program memperkasakan Pusat Rujukan Setempat berasaskan teknologi telah dibangunkan di mana 5 unit rumah contoh menggunakan standard rekabentuk Rumah Mampu Milik (RMM) telah siap pada Dis 2022 dengan menggunakan kaedah IBS yang terletak di Jalan Chan Sow Lin. <i>The program to empower a technology-based Local Reference Centre had been developed where 5 units of show houses using the Affordable Housing Design standard (RMM) were completed in Dec 2022 using the IBS method located on Jalan Chan Sow Lin.</i>
6.	3.6	Kajian Kebolehlaksanaan AR VR dalam industri pembinaan telah siap pada Ogos 2022 dan dokumen ini telah dijadikan panduan pelaksanaan inisiatif AR VR pada tahun 2023. <i>The AR VR Feasibility Study in the construction industry was completed in August 2022 and this document was used as a guide for the implementation of the AR VR initiative in 2023.</i>
7.	3.7	Portal Bersepadu Teknologi - Fasa 2 (Pembangunan portal bersepadu) telah siap pada Dis 2022. <i>Technology Integrated Portal - Phase 2 (Integrated portal development) was completed in Dec 2022.</i>

NO	KPI	PENCAPAIAN / ACHIEVEMENT
8.	3.8	<p>Kolaborasi antara CIDB-RISM bagi Pengoperasian N3C portal (BCISM) 2018-2023 telah dijalankan dengan mengemaskini data modul bagi <i>Building Material Price, Labour Wage Rates</i> dan <i>Machinery Hire Rates</i>.</p> <p><i>The collaboration between CIDB-RISM for the Operation of the N3C portal (BCISM) 2018-2023 had been carried out by updating the module data for Building Material Prices, Labor Wage Rates and Machinery Hire Rates.</i></p>
9.	3.9	<p>Pemetaan maklumat tambahan dalam CGIS telah siap 100% untuk bahan binaan, firma pembinaan, projek diawad, prospektif projek, kontraktor dan IBS.</p> <p><i>Additional information mapping in CGIS had been 100% completed for construction materials, construction firms, awarded projects, prospective projects, contractors and IBS.</i></p>
10.	3.10	<p>MCP telah dilancarkan pada 15 Februari 2022. Integrasi dilaksanakan dengan 3 agensi iaitu Suruhanjaya Tenaga, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara &amp; Pusat Khidmat Kontraktor.</p> <p><i>The MCP was launched on 15 February 2022. Integration was carried out with 3 agencies namely the Energy Commission, the Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara &amp; the Pusat Khidmat Kontraktor</i></p>
11.	3.11	<p>Penghasilan e-book bagi Garis panduan SCORE dan Keperluan Prosedur Pendaftaran telah dimuatnaik kedalam website CIDB pada September 2022.</p> <p><i>The production of the e-book for the SCORE Guidelines and Registration Procedure Requirements was uploaded to the CIDB website in September 2022.</i></p>
12.	3.12	<p>Penambahbaikan CIMS Premier Lane/ Green Lane telah digugurkan daripada KPI berdasarkan keputusan Mesyuarat JPT. Sepanjang tahun 2022, sebanyak 14 sub-modul pendaftaran dan 3 sub-modul CCA telah “go live” sepertimana yang disasarkan.</p> <p><i>The CIMS Premier Lane/ Green Lane enhancements had been dropped from the KPI based on the JPT Meeting decision. Throughout the year 2022, a total of 14 registration sub-modules and 3 CCA sub-modules had “gone live” as targeted.</i></p>
13.	3.13	<p>a) Buku panduan pegawai verifikasi mengenai bahan binaan telah dikemaskini dan e-Book dijangka siap pada Jan 2023.</p> <p><i>The verification officer’s handbook on building materials had been updated and the e-Book is expected to be ready in Jan 2023.</i></p> <p>b) Buku Tatacara Permohonan Perakuan Pematuhan Standard (PPS) Bahan Binaan Tempatan Versi 1 telah dikemaskini dan e-Book dijangka siap pada Jan 2023.</p> <p><i>The Local Building Material PPS Application Procedure Handbook Version 1 had been updated and the e-Book is expected to be ready in Jan 2023.</i></p> <p>c) Penyenaraian Daftar Bahan Binaan (Senarai Daftar Bahan Binaan Tempatan &amp; Import Yang Diperakukan oleh CIDB 2021) telah siap dibangunkan dan e-Book dijangka siap pada Jan 2023</p> <p><i>The List of Building Materials Register (List of Local &amp; Imported Building Materials Certified by CIDB 2021) had been developed and the e-Book is expected to be ready in Jan 2023</i></p>
14.	3.14	<p>Pemantapan penilaian QLASSIC dengan penggunaan perisian teknologi mobile Apps untuk penilaian yang lancar, pengumpulan data dan kerja kerja penyelenggaraan/penambahbaikan yang berkaitan telah terlewat dari jadual asal dan dijangka siap pada Q1 2023.</p> <p><i>The strengthening of QLASSIC assessment with the use of mobile Apps technology software for smooth assessment, data collection and related maintenancelimprovement work had been delayed from the original schedule and is expected to be completed in Q1 2023.</i></p>
15.	3.15	<p>Pemantapan penilaian SHASSIC dengan penggunaan perisian teknologi mobile Apps untuk penilaian yang lancar, pengumpulan data dan kerja-kerja penyelenggaraan/penambahbaikan yang berkaitan telah ditangguhkan pelaksanaannya berikutan portal sedia ada masih boleh digunakan tanpa perlu penambahbaikan.</p> <p><i>The strengthening of SHASSIC assessment with the use of mobile Apps technology software for smooth assessment, data collection and related maintenancelimprovement work had been postponed as the current portal is still usable without the need for enhancements.</i></p>

#### TERAS STRATEGIK 4 (TS4)

TS4 menasarkan untuk mempertingkatkan persekitaran bisnes bagi membolehkan organisasi pembinaan mewujudkan hubungan yang kukuh dengan bisnes-bisnes yang berpotensi dan menjana pendapatan. Ini boleh dilakukan oleh mana-mana organisasi (kecil, sederhana atau besar) melalui mengenal pasti pelanggan simbiotik dan perkongsian, membina hubungan dan membangunkan penyelesaian yang boleh direalisasikan dalam terma-terma yang benar-benar saksama. Pada tahun 2022, KPI dalam TS4 masih belum bermula.

#### STRATEGIC THRUST 4 (ST4)

*ST4 targets to enhance business environments to allow construction organisations to create strong relationships with potential businesses and generate revenue. This can be done by any organisation (small, medium or large) through identifying symbiotic customers and partnerships, building relationships and developing solutions that could be realised in truly equitable terms. In 2022, the KPIs in ST4 has yet to commence.*



# PELAN STRATEGIK ORGANISASI (PSO) KEMENTERIAN KERJA RAYA 2021 - 2025

*Ministry of Works Organizational Strategic Plan (PSO) 2021 - 2025*

## PENGENALAN


Pelan Strategik Organisasi (PSO) Kementerian Kerja Raya 2021 - 2025 telah dirangka berdasarkan polisi semasa kerajaan seperti Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Rancangan Malaysia Ke-12, Revolusi Industri 4.0 serta polisi KKR merangkumi Dasar Pembinaan Negara 2030 dan Dasar Pembangunan Jalan Raya dan Lebuhraya (DPJL). Ia adalah dokumen penting untuk menunjukkan komitmen KKR serta agensi-agensinya dalam memacu industri pembinaan ke arah merangsang ekonomi negara.

Berdasarkan kerangka PSO KKR ini mendukung visi, misi dan moto KKR dalam memandu kementerian dan agensi-agensi di bawahnya melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan ke arah kesejahteraan rakyat.

## INTRODUCTION

*The Ministry of Works Organizational Strategic Plan (PSO) 2021 - 2025 has been drawn up based on the government's current policies such as the Shared Prosperity Vision 2030, the Twelfth Malaysia Plan (12MP), the Industrial Revolution 4.0 as well as the KKR policies comprising of the 2030 Nation Construction Policy and the Road and Highway Development Policy (DPJL). It is an important document to show the commitment of KKR and its agencies in steering the construction industry towards stimulating the national economy.*

*Based on the KKR PSO framework supports the vision, mission and motto of KKR in guiding the ministry and its agencies to carry out the responsibilities that have been entrusted towards the well-being of the people.*





**MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KETERANGKUMAN WILAYAH**

**STRENGTHENING INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT AND REGIONAL INCLUSION**

STRATEGI / STRATEGY

- 1 Mempertingkatkan Keberhasilan dan Penyampaian Perkhidmatan dan Pelaksanaan Projek Infrastruktur.  
*Enhancing the Success of Service Delivery and Implementation of Infrastructure Projects.*
- 2 Mempertingkatkan Penggunaan Inovasi, Teknologi dan Penyelidikan dalam Mengoptimumkan Impak Positif Projek Kerajaan Terhadap Kemakmuran Rakyat.  
*Enhancing the Use of Innovation, Technology and Research in Optimizing the Positive Impact of Government Projects on People's Prosperity.*
- 3 Mempertingkatkan Penggunaan Teknologi Hijau dalam Industri Pembinaan.  
*Enhancing the Use of Green Technology in the Construction Industry.*
- 4 Memperluas Jajaran dan Rangkaian Jalan Raya serta Lebuhraya Secara Bersepadu.  
*Expanding the Route and Network of Roads and Highways in an Integrated Way.*

Pelan Tindakan  
Action Plan

- 7
- 4
- 3
- 1

STRATEGI / STRATEGY


**MEMPERLUAS PENGGUNAAN TEKNOLOGI, INOVASI DAN DIGITAL DALAM PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR**

**EXPANDING THE USE OF TECHNOLOGY, INNOVATION AND DIGITAL IN THE DEVELOPMENT AND MAINTENANCE OF INFRASTRUCTURE**

Pelan Tindakan  
Action Plan

- 1 Membangunkan dan Memperkasakan Dasar Garis Panduan Infrastruktur.  
*Develop and Strengthen Infrastructure Policies and Guidelines.*
- 2 Membina dan Memperhebat Sistem serta Teknologi Infrastruktur.  
*Building and Enhancing Infrastructure Systems and Technologies.*
- 3 Mempertingkatkan Pemantauan dan Kawalan Infrastruktur.  
*Enhancing Infrastructure Monitoring and Control.*
- 4 Mempertingkatkan Keselamatan dan Keselesaan Infrastruktur.  
*Enhancing Infrastructure Security and Comfort.*

- 1
- 8
- 1
- 3



**MEMPERKASAKAN KAPASITI, KEBOLEHAN DAN DAYA SAING INDUSTRI PERMBINAAN**

**ENHANCING THE CAPACITY, CAPABILITIES AND COMPETITIVENESS OF THE CONSTRUCTION INDUSTRY**

STRATEGI / STRATEGY

- 1 Mempertingkatkan Pembangunan Kontraktor dan Usahawan Binaan.  
*Enhancing Contractor Development and Construction Entrepreneur.*
- 2 Mempertingkatkan Kompetensi Tenaga Kerja dan Profesionalis dalam Industri Pembinaan.  
*Enhancing Workforce and Professionals Competency in the Construction Industry.*
- 3 Mempertingkatkan Daya Saing Industri Pembinaan pada Peringkat Antarabangsa.  
*Enhancing the Competitiveness of the Construction Industry on the International level.*
- 4 Memperkasakan Kapasiti Dana Raya dan Daya saing Sektor Pembinaan.  
*Empowering Big Data Capacity and Competitiveness of the Construction Sector.*

Pelan Tindakan  
Action Plan

- 3
- 8
- 3
- 3

STRATEGI / STRATEGY

**MEMANTAPKAN TADBIR URUS ORGANISASI UNTUK MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN**

**STRENGTHENING ORGANIZATIONAL GOVERNANCE TO IMPROVE SERVICE DELIVERY EFFICIENCY**

Pelan Tindakan  
Action Plan

- 1 Mempertingkatkan Kecekapan Pengurusan, Kompetensi Modal Insan dan Profesionalisme.  
*Enhancing Management Efficiency, Human Capital Competency and Professionalism.*
- 2 Memantapkan Penyampaian Perkhidmatan melalui Teknologi.  
*Strengthen Service Delivery through Technology.*
- 3 Memantapkan Pengurusan Akaun, Audit, Kewangan dan Perolehan.  
*Strengthen Account Management, Audit, Finance and Procurement.*
- 4 Mempertingkatkan Imej Korporat dan Memperkasakan Jaringan Komunikasi Strategik.  
*Enhancing Corporate Image and Empowering Strategic Communication Network.*

- 6
- 3
- 3
- 5

## PENCAPAIAN PSO KKR 2021 – 2025

CIDB, sebagai salah satu daripada agensi di bawah KKR turut menyumbang sebanyak 21 KPI pada tahun 2022 bagi menjayakan PSO ini di mana kesemua KPI tersebut telah mencapai 100%. Sebahagian KPI-KPI ini juga telah dipilih sebagai KPI Menteri, KPI Ketua Setiausaha (KSU) dan KPI Timbalan KSU (TKSU). Semasa pelaksanaan PSO ini, pihak KKR telah menggugurkan pilihan KPI-KPI di bawah KPI KSU. Berikut adalah butiran pencapaian KPI di bawah PSO KKR 2021 - 2025:

## PSO KKR 2021 – 2025 ACHIEVEMENTS

CIDB, as one of the agencies under KKR also contributed 21 KPIs in 2022 for the success of the PSO whereby all the KPIs have achieved 100%. Some of these KPIs have also been selected as Ministerial KPIs, Secretary General (KSU) KPIs and Deputy KSU (TKSU) KPIs. During the implementation of this PSO, KKR had dropped the selection of KPIs under the KSU KPI. The following are details of the KPI achievements under the PSO KKR 2021 - 2025:

NOTS / ST NO	KPI & PENCAPAIAN / KPI & ACHIEVEMENTS	PSO KKR	KPI MENTERI	KPI KSU	KPI TKSU (DP)
1. TS 1 Strategi 1 Program No. 8	Satu Mekanisme bagi menetapkan minimum 70 skor Sistem Binaan Berindustri (IBS) telah dihasilkan sebagai syarat wajib permohonan Pelan Bangunan dalam Manual OSC 3.0 Plus bagi penggunaan IBS dalam projek swasta yang bernilai lebih RM50 juta mulai tahun 2023. <i>A Mechanism to set a minimum of 70 Industrial Building System (IBS) scores has been produced as a mandatory requirement for Building Plan applications in the OSC 3.0 Plus Manual for the use of IBS in private projects worth more than RM50 million from 2023 onwards.</i>	√			
2. TS 2 Strategi 2 Program 9	202 pengguna IBSWare telah didaftarkan berbanding sasaran 150 pengguna dalam memperluaskan penggunaan 'digitalised marketing & Procurement platform' untuk bahan binaan. <i>202 IBSWare users have been registered against the target of 150 users in expanding the use of the 'digitalised marketing &amp; procurement platform' for building materials.</i>	√			
3. TS 3 Strategi 1 Program 1	Sebanyak 432 kontraktor Pengurusan Fasiliti telah dilatih berbanding sasaran 150 kontraktor. <i>A total of 432 Facility Management contractors were trained against the target of 150 contractors.</i>	√			√
4. TS 3 Strategi 1 Program 2	Sebanyak 49,820 penyertaan telah diterima untuk Program Latihan CCD bagi Pembangunan Kontraktor berbanding sasaran 7,500 peserta. <i>A total of 49,820 entries were received for the Continuous Contractor Development (CCD) Training Programme against the target of 7,500 participants.</i>	√		√*	
5. TS 3 Strategi 1 Program 3	Sebanyak 1,971 kontraktor telah dibimbing untuk penilaian MCORE/SCORE berbanding sasaran 200 kontraktor. <i>A total of 1,971 contractors were coached for MCORE/SCORE evaluation against the target of 200 contractors.</i>	√			
6. TS 3 Strategi 2 Program 1	Seramai 2,111 personel binaan telah dilatih dan ditauliah melalui program Penyeliaan dan Pengurusan berbanding sasaran 1,500 personel binaan. <i>A total of 2,111 construction personnel had been trained and certified through the Supervision and Management program against the target of 1,500 construction personnel.</i>	√			√
7. TS 3 Strategi 2 Program 2	Seramai 22,198 personel binaan telah menjalani latihan, penilaian dan pentauliah kemahiran berbanding sasaran 18,000 personel binaan. <i>A total of 22,198 construction personnel had undergone skills training, assessment and certification against the target of 18,000 construction personnel.</i>	√			

NOTS / ST NO	KPI & PENCAPAIAN / KPI & ACHIEVEMENTS	PSO KKR	KPI MENTERI	KPI KSU	KPI TKSU (DP)
8. TS 3 Strategi 2 Program 3	Seramai 543 personel binaan yang dilatih untuk Pegawai Keselamatan dan Kesihatan ( <i>Safety Health Officer – SHO - 117</i> ) dan Pegawai Keselamatan Tapak ( <i>Site Safety Supervisor – SSS-426</i> ) berbanding sasaran 400 personel binaan. <i>A total of 543 construction personnel trained for Safety and Health Officers (SHO-117) and Site Safety Supervisors (SSS-426) against the target of 400 construction personnel.</i>	√		√*	
9. TS 3 Strategi 2 Program 4	Seramai 412 profesional telah dilatih dalam Pemodelan Maklumat Bangunan ( <i>Building Information Modelling - BIM</i> ) berbanding sasaran 200 profesional. <i>A total of 412 professionals were trained in Building Information Modelling (BIM) against the target of 200 professionals.</i>	√	√	√*	
10. TS 3 Strategi 3 Program 1	Sebanyak 2 profil negara (Qatar dan UAE) telah diterbitkan bagi mengenal pasti daya tarikan sesebuah negara (bagi tujuan peluang pembinaan) sebagaimana sasaran. <i>A total of 2 country profiles (Qatar and UAE) had been published to identify the merits of a country (to pursue construction opportunities) as targeted.</i>	√		√*	
11. TS 3 Strategi 3 Program 2	Sebanyak tujuh program meningkatkan daya saing penggiat industri ke peringkat antarabangsa melalui peningkatan kerjasama antarabangsa dalam industri pembinaan telah dijalankan berbanding sasaran empat program melibatkan kolaborasi program eksport, sindikasi bersama tiga negara, promosi peluang projek di Sembilan negara, lawatan-lawatan kerja, pameran antarabangsa dan padanan bisnes. <i>A total of seven programmes to enhance the competitiveness of industry players at the international level through enhanced international cooperation in the construction industry had been carried out against the target of four programmes involving export programmes collaboration, syndications with three countries, promotion of project opportunities in nine countries, working visits, international exhibitions and business matchings.</i>	√			
12. TS 3 Strategi 3 Program 3	Satu Direktori syarikat pembinaan Malaysia yang beroperasi di luar negara dan diiktiraf pada peringkat antarabangsa telah diterbitkan sebagaimana sasaran. <i>A Directory of Malaysian construction companies that operate overseas and are internationally recognized had been published as targeted.</i>	√			
13.	Sebanyak <b>107</b> projek pembinaan telah menjalani penilaian SHASSIC berbanding sasaran 60 projek. <i>A total of 107 construction projects had undergone SHASSIC assessment against the target of 60 projects.</i>			√*	
14.	Sebanyak <b>27</b> bangunan Kerajaan telah menjalani penilaian QLASSIC berbanding sasaran 20 bangunan. <i>A total of 27 Government buildings had undergone QLASSIC assessment against the target of 20 buildings.</i>			√*	
<b>JUMLAH / TOTAL</b>		<b>12</b>	<b>1</b>	<b>6*</b>	<b>2</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN / OVERALL TOTAL</b>			<b>21</b>		

\* KPI telah digugurkan oleh KKR / KPI dropped by KKR

# LAPORAN KE ATAS PEMBIAYAAN KERAJAAN

## Report on Government Funding

### LAPORAN BAGI PEMBANGUNAN FASILITI PENGUJIAN BAHAN DAN PRODUK DALAM PEMBINAAN DI BAWAH PERUNTUKKAN RANCANGAN MALAYSIA KE-12

Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) telah memperuntukkan dana berjumlah RM95.83 juta untuk tempoh lima (5) tahun bagi enam (6) projek penyediaan infrastruktur dan pembelian peralatan pengujian bahan binaan di Sabah, Sarawak dan Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, pada Julai 2021, projek penyediaan infrastruktur dan pembelian peralatan pengujian bagi *Rail System* di Kuala Lumpur telah ditunda atas sebab ketiadaan lokasi yang bersesuaian. Dengan itu, jumlah siling bagi peruntukan dana untuk baki lima (5) projek tersebut adalah RM65.03 juta. Bagi tahun 2022, RM8.85 juta telah disalurkan bagi Rancangan Penggal Ke-2 dengan butiran kemajuan seperti berikut :

NO	PROJEK	KEMAJUAN
1.	Penyediaan infrastruktur dan pembelian peralatan pengujian bahan binaan di Sabah bagi produk simen, <i>Ready Mix Concrete</i> (RMC) dan <i>Precast Concrete</i>	Keseluruhan pelaksanaan kedua-dua projek bagi tahun 2022 telah mencapai 100% di mana : a) Makmal bagi pengujian bahan simen dan RMC telah siap dibangunkan dan mula beroperasi pada 1 November 2022. b) Makmal bagi pengujian <i>Precast Concrete</i> - kerja-kerja ukur tanah, penyiasatan tanah serta merekabentuk makmal telah siap dilaksanakan. Peralatan <i>Universal Testing Machine</i> dan <i>Corrosion Test Chamber</i> bagi pengujian untuk <i>Precast Concrete</i> dan juga logam bertujuan untuk memeriksa rintangan kakisan bahan dan salutan permukaan juga telah dibekalkan pada Disember 2022 dan ditempatkan sementara di makmal sedia ada.
2.	Penyediaan infrastruktur dan pembelian peralatan pengujian bahan binaan di Sarawak bagi produk simen, <i>Ready Mix Concrete</i> (RMC) dan <i>Precast Concrete</i>	
3.	Penyediaan infrastruktur dan pembelian peralatan pengujian produk besi dan keluli di Makmal Kerja Raya, Kuala Lumpur.	Projek ini telah siap sepenuhnya dengan kos projek sebanyak RM0.95 juta yang melibatkan pengubahsuaian makmal besi dan keluli serta penyediaan peralatan seperti <i>Oxygen Nitrogen Hydrogen Analyser</i> dan peralatan pengukuran seperti <i>Rebar Measurement System</i> dan <i>Epsilon Axial Extensometer</i> .
4.	Penyediaan infrastruktur dan pembelian peralatan pengujian komponen IBS di Makmal Kerja Raya, Kuala Lumpur.	Projek ini telah siap dilaksanakan 100% dengan penyediaan infrastruktur dan peralatan pengujian seperti 1000KN <i>Loading Frame</i> , 1000KN <i>Servo Hydraulic Actuator System</i> dan peralatan pengujian sokongan lain.
5.	Penyediaan infrastruktur dan pembelian peralatan pengujian <i>Insulated Glass Unit</i> (IGU) dan <i>Wired Glass</i> di Kuala Lumpur.	Projek ini telah siap sepenuhnya dengan kos projek sebanyak RM3.7 juta yang melibatkan penyediaan infrastruktur antaranya <i>Sound Insulation Room/Chamber</i> , <i>Accelerated Weathering Chamber Test Unit</i> dan peralatan pengujian antaranya <i>Spark Emission Spectroscope</i> dan <i>Frost/Dew Point of Sealed Insulating Glass</i> .

## REPORT ON THE DEVELOPMENT OF MATERIAL AND PRODUCT TESTING FACILITIES IN CONSTRUCTION UNDER THE 12TH MALAYSIA PLAN ALLOCATION

The government under the 12th Malaysia Plan (12MP) had allocated funds amounting to RM95.83 million for a period of five (5) years for six (6) projects to provide infrastructure and procure construction material testing equipment in Sabah, Sarawak and Kuala Lumpur. However, in July 2021, the provision of infrastructure and procurement of testing equipment for the Rail System in Kuala Lumpur had been postponed due to the lack of a suitable location. As such, the total ceiling for the allocation of funds for the remaining five (5) projects is RM65.03 million. For the year 2022, RM8.85 million had been channelled for the 2nd Rolling Plan with progress details as follows:



NO	PROJECT	PROGRESS
1.	Provision of infrastructure and procurement of construction material testing equipment in Sabah for cement products, ready mix concrete (RMC) and Precast Concrete	The overall implementation for both projects for the year 2022 had achieved 100% where: a) The laboratory for testing cement and RMC materials has been fully completed and commenced operation on 1 November 2022. b) The laboratory for testing Precast Concrete – land survey works, soil investigations and design works had been completed.
2.	Provision of infrastructure and procurement of construction material testing equipment in Sarawak for cement products, ready mix concrete (RMC) and Precast Concrete	The Universal Testing Machine and Corrosion Test Chamber equipment for testing of Precast Concrete and metals aimed at checking the corrosion resistance and surface coatings of materials have also been supplied in December 2022 and temporarily placed in the existing laboratory.
3.	Provision of infrastructure and procurement of testing equipment for iron & steel products at the Makmal Kerja Raya, Kuala Lumpur.	This project had been fully completed with a project cost of RM0.95 million which involves the renovation of the iron and steel laboratory as well as the provision of equipment such as the Oxygen Nitrogen Hydrogen Analyser and measurement equipment such as Rebar Measurement System and Epsilon Axial Extensometer.
4.	Provision of infrastructure and procurement of IBS Component testing equipment at the Makmal Kerja Raya, Kuala Lumpur.	This project is 100% completed with the provision of infrastructure and testing equipment such as 1000KN Loading Frame, 1000KN Servo Hydraulic Actuator System and other supporting testing equipment.
5.	Provision of infrastructure and procurement of Insulated Glass Unit (IGU) and Wired Glass testing equipment in Kuala Lumpur.	This project had been fully completed with a project cost of RM3.7 million which involves the provision of infrastructure including Sound Insulation Room/Chamber, Accelerated Weathering Chamber Test Unit and testing equipment including Spark Emission Spectroscope and Frost/Dew Point of Sealed Insulating Glass.



03

# PENYATA KEWANGAN

*CORPORATE INFORMATION*





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Amaun Bajet dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 73.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 [Akta 520].

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.



### *Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Anggota Lembaga, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Anggota Lembaga Terhadap Penyata Kewangan**

Anggota Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 [Akta 520]. Anggota Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan, Anggota Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu

atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Lembaga;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan

- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Anggota Lembaga telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

#### Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 [Akta 520], saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 8 dalam penyata kewangan.

#### Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Anggota Lembaga, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia berdasarkan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 [Akta 520] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

  
(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA


PUTRAJAYA  
30 OGOS 2023



**PENYATA PENERUSI DAN SEORANG ANGGOTA LEMBAGA  
LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA DAN KUMPULAN**

Kami Ir Hj. Yusuf bin Hj. Abd. Wahab dan Oliver Wee Hiang Chyn yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Lembaga, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Amaun Bajet dan Amaun Sebenar Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2022 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



.....

**IR HJ. YUSUF BIN HJ. ABD. WAHAB**  
Pengerusi  
Lembaga Pembangunan  
Industri Pembinaan Malaysia

Tarikh: 17 APRIL 2023  
Kuala Lumpur, Malaysia

Bagi pihak Lembaga,



.....


**OLIVER WEE HIANG CHYN**  
Anggota Lembaga  
Lembaga Pembangunan  
Industri Pembinaan Malaysia

Tarikh: 17 APRIL 2023  
Kuala Lumpur, Malaysia

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB  
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

Saya, Datuk Ir Ahmad 'Asri bin Abdul Hamid, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Amaun Bajet dan Amaun Sebenar Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas di )  
Kuala Lumpur pada **17 APR 2023** )

  
.....

Di hadapan saya,  
  
.....  
PESURUHJAYA SUMPAAH  
MALAYSIA  
NO. 86, JALAN PUTRA,  
50350 KUALA LUMPUR

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2022**

	Nota	Kumpulan		Lembaga	
		2022 RM	2021 RM Seperti dinyatakan semula	2022 RM	2021 RM Seperti dinyatakan semula
<b>ASET</b>					
<b>Aset bukan semasa</b>					
Hartanah, loji dan peralatan	4	230,093,733	231,706,337	197,150,989	200,516,969
Aset tidak ketara	5	15,899,109	18,555,751	15,038,442	18,405,542
Kerja dalam pembangunan	6	205,369,970	150,280,955	202,881,853	149,915,270
Pelaburan hartanah	7	10,080,000	10,080,000	-	-
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	8	-	-	23,510,842	23,510,842
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	9	153,674	156,623	-	-
Aset kewangan sedia untuk dijual	10	11,646,858	11,644,120	-	-
<b>Jumlah aset bukan semasa</b>		<b>473,243,344</b>	<b>422,423,786</b>	<b>438,582,126</b>	<b>392,348,623</b>
<b>Aset semasa</b>					
Inventori	11	679,835	811,496	45,965	61,919
Belum terima urus niaga bukan pertukaran	12	15,103,445	14,610,185	15,103,445	14,610,185
Belum terima urus niaga pertukaran	13	15,879,038	15,706,584	9,472,101	7,442,801
Belum terima lain	14	17,107,056	17,538,004	14,476,998	14,412,495
Amaun terhutang oleh syarikat subsidiari	15	-	-	38,967	58,583
Amaun terhutang oleh syarikat sub-subsidiari	16	-	-	68,036	90,022
Amaun terhutang oleh syarikat berkaitan	17	114,877	37,974	-	-
Pendahuluan oleh syarikat subsidiari	18	-	-	-	13,337,369
Pendahuluan oleh syarikat sub-subsidiari	19	-	-	-	5,518,051
Cukai baikpulih		6,510,804	11,078,302	4,818,435	9,733,852
Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan	20	22,708,651	25,322,954	-	-
Deposit jangka pendek	21	501,903,287	379,905,259	458,285,188	358,210,000
Tunai dan baki di bank		41,560,607	118,900,934	24,627,302	88,415,437
<b>Jumlah aset semasa</b>		<b>621,567,600</b>	<b>583,911,692</b>	<b>526,936,437</b>	<b>511,890,714</b>
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>1,094,810,944</b>	<b>1,006,335,478</b>	<b>965,518,563</b>	<b>904,239,337</b>

Nota-nota di muka surat 13 hingga 73 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

	Nota	Kumpulan		Lembaga	
		2022 RM	2021 RM Seperti dinyatakan semula	2022 RM	2021 RM Seperti dinyatakan semula
<b>ASET BERSIH DAN LIABILITI</b>					
<b>ASET BERSIH</b>					
Lebihan Berkumpul		893,578,494	853,097,204	858,435,737	817,378,237
Kumpulan wang pinjaman kenderaan	22	2,000,000	2,000,000	2,000,000	2,000,000
Kumpulan wang pinjaman pelajaran	23	1,500,000	1,500,000	1,500,000	1,500,000
Kumpulan wang pinjaman komputer	24	1,000,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000
<b>Jumlah kumpulan wang</b>		<b>898,078,494</b>	<b>857,597,204</b>	<b>862,935,737</b>	<b>821,878,237</b>
Kepentingan bukan kawalan		(23,370)	(31,184)	-	-
<b>Jumlah aset bersih</b>		<b>898,055,124</b>	<b>857,566,020</b>	<b>862,935,737</b>	<b>821,878,237</b>
<b>LIABILITI</b>					
<b>Liabiliti bukan semasa</b>					
Pinjaman bank	25	1,314,674	1,432,569	-	-
Geran tertunda	26	33,373,037	26,842,266	9,509,687	6,596,591
Liabiliti cukai tertunda	27	10,590,801	7,554,168	10,146,840	7,083,692
Manfaat kakitangan jangka panjang	28	51,802,635	48,556,317	35,628,144	33,363,685
<b>Jumlah liabiliti bukan semasa</b>		<b>97,081,147</b>	<b>84,385,320</b>	<b>55,284,671</b>	<b>47,043,968</b>
<b>Liabiliti semasa</b>					
Belum bayar urus niaga pertukaran	29	34,233,568	18,208,049	27,780,027	11,483,195
Belum bayar lain	30	56,367,156	39,624,274	13,818,602	17,157,886
Amaun terhutang kepada syarikat subsidiari	15	-	-	2,275,819	3,933,281
Amaun terhutang kepada syarikat sub-subsidiari	16	-	-	1,866,055	1,943,298
Amaun terhutang kepada syarikat berkaitan	17	-	7,730	-	-
Pinjaman bank	25	502,654	640,755	-	-
Geran tertunda	26	6,786,646	4,824,131	-	-
Peruntukan cukai		797,660	263,755	681,158	-
Manfaat kakitangan jangka pendek	28	986,989	815,444	876,494	799,472
<b>Jumlah liabiliti semasa</b>		<b>99,674,673</b>	<b>64,384,138</b>	<b>47,298,155</b>	<b>35,317,132</b>
<b>Jumlah liabiliti</b>		<b>196,755,820</b>	<b>148,769,458</b>	<b>102,582,826</b>	<b>82,361,100</b>
<b>JUMLAH ASET BERSIH DAN LIABILITI</b>		<b>1,094,810,944</b>	<b>1,006,335,478</b>	<b>965,518,563</b>	<b>904,239,337</b>

Nota-nota di muka surat 13 hingga 73 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)**

**2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**(k) Instrumen kewangan (sambungan)**

Liabiliti Kewangan (sambungan)

(ii) Pengukuran berikutnya

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kekurangan dan pinjaman belum bayar. Kumpulan mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan Kaedah Faedah Berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kekurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukkan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

(iii) Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat. Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kekurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

**(l) Tunai dan kesetaraan tunai**

Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta deposit jangka pendek yang mempunyai kecairan yang tinggi dalam tempoh kematangan tidak melebihi dua belas bulan dari tarikh mula pegangan dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

**(m) Pajakan kewangan**

Pajakan hartanah, loji dan peralatan di mana Kumpulan mempunyai sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan. Pajakan kewangan dipermodalkan pada permulaan pajakan pada nilai terendah antara nilai saksama hartanah yang dipajak dan nilai semasa bayaran pajakan minimum.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)**

**2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**(m) Pajakan kewangan (sambungan)**

Setiap bayaran pajakan diperuntukkan di antara liabiliti dan caj kewangan untuk mencapai kadar faedah yang tetap ke atas baki liabiliti. Obligasi sewa berkaitan, selepas ditolak caj kewangan, dimasukkan dalam pemiutang jangka panjang lain. Elemen faedah daripada kos kewangan dicajkan kepada Penyata Prestasi Kewangan sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah berkala yang tetap atas baki tanggungan untuk setiap tempoh. Hartanah, loji dan peralatan yang dibeli menggunakan pajakan kewangan akan disusut nilai pada jangka hayat aset yang lebih pendek dan tempoh pajakan.

Kos langsung awal yang ditanggung oleh Kumpulan dalam rundingan dan penyusunan pajakan kewangan akan ditambah kepada nilai aset pajakan yang dibawa dan akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan sepanjang tempoh pajakan pada asas yang sama sebagai perbelanjaan pajakan.

**(n) Peruntukan liabiliti**

Peruntukan tanggungan diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai kewajipan kini hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan tersebut dan anggaran yang munasabah boleh dibuat bagi jumlah tersebut. Peruntukan akan dikaji semula pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah ketara, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka perlu untuk menjelaskan kewajipan tersebut.

**(o) Geran tertunda**

Geran tertunda diiktiraf seperti berikut:

- (i) Geran yang tidak mengenakan syarat-syarat prestasi masa hadapan yang tertentu kepada penerima diiktiraf dalam hasil apabila hasil geran akan diterima.
- (ii) Geran yang mengenakan syarat prestasi masa depan yang tertentu kepada penerima diiktiraf dalam hasil hanya apabila syarat prestasi dipenuhi.
- (iii) Bantuan yang diterima sebelum kriteria pengiktirafan hasil terjadi diiktiraf sebagai liabiliti.

Geran tertunda diukur pada nilai saksama aset yang diterima atau boleh diterima.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)**

**2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**(p) Cukai**

Perbelanjaan cukai pendapatan bagi tempoh semasa merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Cukai semasa adalah cukai yang perlu dibayar yang dijangka atau boleh diterima ke atas pendapatan atau kerugian cukai bagi tahun semasa, dengan menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada akhir tempoh laporan, dan sebarang pelarasan kepada cukai yang perlu dibayar bagi tahun-tahun kewangan sebelumnya.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang timbul antara amaun aset dan liabiliti untuk tujuan cukai dan nilai dibawa dalam penyata kewangan. Walau bagaimanapun, cukai tertunda tidak diambil kira jika ia timbul daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urus niaga selain daripada kombinasi perniagaan dan pada masa yang sama urus niaga tersebut tidak menjejaskan keuntungan perakaunan atau keuntungan atau kerugian boleh cukai. Cukai tertunda ditentukan menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada akhir tempoh pelaporan dan dijangka akan digunakan apabila aset cukai tertunda yang berkaitan direalisasikan atau liabiliti cukai tertunda diselesaikan.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh dikenakan cukai akan tersedia terhadap untuk perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai yang tidak digunakan atau kredit cukai belum digunakan.

Cukai tertunda, aset cukai pendapatan dan liabiliti akan diimbangi apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa dan apabila aset dan liabiliti cukai pendapatan tertunda berkait dengan cukai yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama di antara kedua-dua entiti boleh cukai atau entiti berbeza boleh cukai di mana terdapat tujuan untuk menyelesaikan baki pada asas bersih.

**(q) Manfaat kakitangan**

**(i) Manfaat jangka pendek**

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana khidmat berkaitan diberi oleh kakitangan Kumpulan. Ketidakhadiran berganjaran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar adalah diambilkira apabila khidmat yang diberi oleh kakitangan meningkatkan kelayakan mereka kepada ketidakhadiran berganjaran akan datang. Ketidakhadiran berganjaran yang tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit, adalah diambilkira apabila ketidakhadiran tersebut terjadi.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(q) Manfaat kakitangan (sambungan)

(ii) Pelan caruman wajib

Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, Kerajaan/syarikat di Malaysia membuat caruman kepada skim pencen negara, iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan di dalam tempoh masa yang berkaitan dengannya. Bagi kakitangan Kerajaan yang dipinjamkan kepada Kumpulan dan Lembaga, pelan caruman wajib adalah di bawah Skim Pencen Kumpulan Wang Amanah Persaraan.

(iii) Manfaat selepas persaraan

Manfaat selepas persaraan lain Kumpulan termasuk manfaat kesihatan selepas persaraan kepada pesara dan tanggungan yang berkelayakan dan pembayaran saguhati tamat perkhidmatan kepada anggota Kumpulan.

Kelayakan untuk manfaat ini biasanya bersyarat ke atas pekerja yang masih dalam perkhidmatan sehingga umur persaraan dan memenuhi tempoh perkhidmatan minimum. Anggaran kos bagi manfaat ini diakrukan sepanjang tempoh pekerjaan menggunakan kaedah perakaunan yang sama seperti yang digunakan untuk pelan manfaat persaraan ditentukan. Keuntungan dan kerugian aktuari yang terbit daripada pelarasan pengalaman dan perubahan dalam andaian aktuari adalah diiktiraf dalam aset bersih dalam tempoh di mana ia terbit.

Obligasi ini adalah dinilai secara tahunan oleh aktuari bebas yang bertauliah. Andaian utama yang digunakan dalam pengiraan kaedah aktuari ini adalah:

- Kadar inflasi kos perubatan sebanyak 10% setahun; dan
- Kadar diskaun sebanyak 3.19% - 4.07% setahun

Bagi nilai manfaat kakitangan berkaitan dengan pembayaran saguhati tamat perkhidmatan adalah berdasarkan kelayakan manfaat kepada kakitangan tetap yang ditentukan dengan mengambil kira tempoh perkhidmatan dengan Kumpulan, gred perkhidmatan dan gaji akhir.

(iv) Gantian cuti rehat (GCR)

Bagi kakitangan tetap Kumpulan yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan; sama ada memilih skim berpencen mahupun KWSP, akan mendapat ganjaran cuti rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini adalah berdasarkan tempoh perkhidmatan dengan Kumpulan, umur dan gaji akhir.

Pengiraan peruntukan manfaat selepas persaraan dan gantian cuti rehat adalah berdasarkan kaedah penilaian aktuari yang dijalankan pada setiap (3) tahun. Keuntungan atau kerugian atas penilaian aktuari diiktiraf dalam Penyata Perubahan Aset Bersih dalam tempoh kewangan di mana ia berlaku sepenuhnya.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(r) Kos kewangan

Kos kewangan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh di mana kos kewangan tersebut ditanggung.

(s) Pengiktirafan hasil

(i) Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Levi kontrak

Levi kontrak merupakan levi yang dikenakan kepada kontraktor yang mempunyai projek baru. Kadar yang dikenakan adalah sebanyak 0.125% daripada jumlah kontrak pembinaan yang dianugerahkan kepada kontraktor tersebut.

Nilai levi akan dilaraskan sekiranya:

- 1) Berlaku perubahan kepada harga kontrak (perubahan skop kerja, perubahan harga barang dan sebagainya)
- 2) Penamatan kontraktor dan lantikan kontraktor baru
- 3) Klien tidak meneruskan projek
- 4) Pelarasan bagi kerja konsesi (bagi kerja penyelenggaraan jangka panjang)

Pendaftaran

Pendaftaran kontraktor dan personel binaan merupakan yuran pendaftaran yang dikenakan kepada kontraktor dan personel binaan yang perlu berdaftar. Yuran pendaftaran diiktiraf di Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh perakaunan apabila hak penerimaan dapat dipastikan atau ditentukan.

Kompaun dan penalti

Kompaun dan penalti merupakan bayaran denda dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi kompaun dan penalti diiktiraf setelah bayaran diterima kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman dan hak penerimaan dapat dipastikan atau ditentukan.

Geran Kerajaan

Geran pemberian Kerajaan berkaitan aset terbit bila mana kerajaan memberi anugerah bantuan geran bagi membolehkan Lembaga memperoleh, memiliki atau membina sesuatu aset jangka panjang.



LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(s) Pengiktirafan hasil (sambungan)

(i) Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (sambungan)

Geran Kerajaan (sambungan)

Hasil daripada geran pemberian Kerajaan adalah diukur pada nilai saksama dan diiktiraf apabila memperolehi kawalan ke atas sesuatu aset (tunai) yang bebas daripada syarat-syarat dan terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir kepada Lembaga dan boleh diukur dengan pasti.

(ii) Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil faedah atas deposit tetap

Hasil faedah atas deposit tetap dari institusi kewangan berlesen dan diakrakan dengan menggunakan kaedah hasil efektif. Hasil efektif ini mendiskaunkan anggaran terimaan tunai masa hadapan di sepanjang jangkaan usia aset kewangan sehingga amaun yang dibawa bersih aset terbabit. Kaedah ini diaplikasikan kepada baki prinsipal untuk menentukan hasil faedah bagi setiap tempoh.

Yuran kursus

Yuran kursus merupakan hasil daripada kursus-kursus yang dijalankan seperti kursus Kontraktor, Personel Binaan, Bisnes/Ekonomi, Antarabangsa, Teknologi, *Safety Health Environment Quality* (SHEQ) dan lain-lain kursus. Yuran kursus diiktiraf di Penyata Prestasi Kewangan apabila hak penerimaan dapat dipastikan atau ditentukan.

Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Kumpulan termasuk bayaran perkhidmatan, perundingan, pengurusan projek, pensijilan, penilaian kemahiran, verifikasi bahan dan lain-lain perkhidmatan. Hasil ini diiktiraf di Penyata Prestasi Kewangan apabila hak penerimaan dapat dipastikan atau ditentukan.

Sewaan

Hasil sewaan merupakan sewaan yang dikenakan bagi sewaan pejabat, tempat dan lain-lain mengikut syarat perjanjian penyewaan dan diiktiraf bila bil dikeluarkan kecuali sewaan tanpa perjanjian diiktiraf apabila bayaran diterima.

Dividen

Hasil dividen daripada pelaburan-pelaburan diiktiraf di Penyata Prestasi Kewangan apabila hak penerimaan dapat dipastikan atau ditentukan.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)**

**2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**(t) Liabiliti luar jangka**

Di mana tiada kemungkinan aliran keluar faedah ekonomi akan diperlukan, atau jumlah tidak boleh dianggarkan dengan pasti, liabiliti luar jangka tidak diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan dan didedahkan sebagai liabiliti luar jangka, melainkan kebarangkalian aliran keluar manfaat ekonomi adalah tipis. Kewujudan liabiliti akan hanya disahkan berdasarkan kejadian atau tidak akan terjadinya satu atau lebih peristiwa masa depan, juga dinyatakan sebagai liabiliti luar jangka kecuali kemungkinan aliran keluar faedah ekonomi adalah tipis.

**(u) Aset luar jangka**

Apabila aliran masuk manfaat ekonomi aset berkemungkinan di mana ia timbul daripada peristiwa lepas dan di mana kewujudannya akan disahkan hanya oleh kejadian atau tidak terjadinya satu atau lebih peristiwa masa depan yang tidak secara keseluruhannya dalam kawalan entiti, aset tidak akan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan tetapi akan dinyatakan sebagai aset luar jangka. Apabila aliran masuk manfaat ekonomi pasti, maka aset berkaitan diiktiraf.

**(v) Mata wang asing**

**(i) Fungsian dan persembahan mata wang**

Transaksi yang dimasukkan dalam penyata kewangan setiap entiti Kumpulan diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana entiti tersebut beroperasi (fungsi mata wang asing). Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan fungsi mata wang asing dan pembentangan Lembaga.

**(ii) Transaksi dan baki**

Urus niaga mata wang asing diterjemahkan kepada mata wang fungsian menggunakan kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urus niaga atau penilaian di mana barang-barang yang diukur semula. Untung dan rugi pertukaran asing yang berpunca daripada penyelesaian sesuatu transaksi dan daripada terjemahan kadar pertukaran aset dan liabiliti kewangan pada akhir tahun dalam mata wang asing diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan. Aset dan liabiliti bukan kewangan yang direkod dalam mata wang asing tidak diterjemahkan semula pada akhir tarikh laporan ini, kecuali yang diukur pada nilai saksama ditukarkan semula kepada mata wang fungsian pada kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama ditentukan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

3. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

Penyediaan penyata kewangan memerlukan Anggota Lembaga membuat penilaian, anggaran dan andaian yang mempengaruhi amaun aset, liabiliti, hasil dan perbelanjaan yang dilaporkan dan pendedahan aset luar jangka dan liabiliti, di mana berkenaan. Di samping itu, Anggota Lembaga juga perlu membuat pertimbangan dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan. Walaupun anggaran dan andaian ini berdasarkan kepada pengetahuan terbaik Anggota Lembaga tentang peristiwa-peristiwa dan tindakan, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran tersebut.

Anggaran dan pertimbangan dinilai secara berterusan oleh Anggota Lembaga dan berdasarkan pengalaman sejarah dan faktor-faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai munasabah dalam keadaan. Anggaran dan pertimbangan yang memberi kesan kepada aplikasi polisi-polisi perakaunan kepada Kumpulan dan Lembaga dan pendedahan, dan mempunyai risiko yang boleh menyebabkan pelarasan ketara kepada penyata kewangan adalah seperti berikut:

(a) Susut nilai hartanah, loji dan peralatan dan pelunasan aset tidak ketara

Kos hartanah, loji dan peralatan disusut nilai dan kos aset tidak ketara dilunaskan atas dasar garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Perubahan dalam tahap penggunaan yang dijangka boleh memberi kesan kepada jangka hayat ekonomi dan nilai baki aset tersebut, maka caj susut nilai dan pelunasan masa depan boleh disemak semula.

Kumpulan dan Lembaga menjangkakan bahawa nilai baki hartanah, loji dan peralatan dan aset tidak ketara mereka akan menjadi tidak begitu ketara. Hasilnya, nilai sisa tidak diambil kira bagi pengiraan amaun susut nilai dan pelunasan.

(b) Rosot nilai

(i) Aset kewangan

Kerugian rosot nilai diiktiraf apabila terdapat bukti objektif bahawa aset-aset kewangan adalah terjejas. Kriteria yang digunakan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti-bukti objektif akan adanya rosot nilai bagi aset-aset kewangan seperti masalah kewangan ketara penghutang dan kegagalan atau kelewatan ketara dalam pembayaran. Kategori aset kewangan yang ditaksir sebagai tidak mengalami rosot nilai secara individu kemudiannya ditaksir untuk rosot nilai mengikut asas kolektif berdasarkan ciri-ciri risiko yang sama.

Sekiranya terdapat bukti objektif rosot nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan pengalaman kerugian bagi aset dengan ciri risiko kredit yang serupa. Jika jangkaan berbeza dari anggaran, perbezaan ini akan memberi kesan kepada nilai dibawa penghutang.

(ii) Inventori

Semakan akan dibuat dari semasa ke semasa oleh pihak pengurusan mengenai inventori rosak, usang dan bergerak perlahan. Kajian tersebut memerlukan pertimbangan dan anggaran. Kemungkinan perubahan dalam anggaran ini boleh mengakibatkan pindaan kepada penilaian inventori.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)**

**3. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)**

**(c) Cukai pendapatan**

Terdapat sesetengah urus niaga dan pengiraan yang mana penetapan cukai muktamad mungkin berbeza daripada anggaran awal. Kumpulan dan Lembaga mengiktiraf liabiliti cukai berdasarkan anggaran sama ada cukai tersebut akan menjadi kena dibayar operasi perjalanan biasa perniagaan dan kefahamannya terhadap undang-undang cukai semasa. Sekiranya kesudahan perkara-perkara ini berbeza daripada jumlah awal yang telah diiktiraf, perbezaan tersebut akan memberi kesan cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunda pada tempoh di mana penentuan tersebut dibuat.

**(d) Manfaat kakitangan selepas persaraan**

**(i) Manfaat perubatan selepas persaraan**

Manfaat perubatan selepas persaraan kepada pesara dan tanggungan yang berkecualan bergantung kepada beberapa faktor yang ditentukan pada asas aktuari dengan menggunakan beberapa andaian. Andaian adalah digunakan untuk menentukan kos bersih perubatan selepas persaraan termasuk kadar diskaun dan kadar kos perubatan yang dijangkakan. Sebarang perubahan dalam andaian ini akan memberi kesan kepada amaun yang dibawa bagi obligasi selepas persaraan manfaat perubatan.

Kumpulan menentukan kadar diskaun yang sesuai apabila penilaian aktuari dilaksanakan. Penilaian aktuari terkini telah dilaksanakan pada tahun 2021. Kadar diskaun ini telah digunakan untuk menentukan nilai kini anggaran aliran keluar tunai masa hadapan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi manfaat perubatan selepas persaraan.

Dalam menentukan kadar diskaun yang bersesuaian, Kumpulan mengambil kira kadar faedah bon korporat berkualiti tinggi yang didenominasikan dalam mata wang di mana manfaat tersebut akan dibayar dan mempunyai tempoh matang yang hampir bersamaan dengan tempoh liabiliti yang berkaitan.

Kadar kos perubatan adalah berdasarkan purata kos sejarah yang ditanggung oleh Kumpulan.

**(ii) Manfaat ganjaran selepas persaraan**

Manfaat ganjaran selepas persaraan kepada pesara bergantung kepada beberapa faktor yang ditentukan pada asas aktuari dengan menggunakan beberapa andaian. Andaian yang digunakan dalam menentukan kos bersih ganjaran selepas persaraan termasuk kadar diskaun, jangkaan kenaikan gaji tahunan dan kadar semakan gaji. Sebarang perubahan dalam andaian ini akan memberi kesan kepada amaun yang dibawa bagi obligasi manfaat ganjaran pasca persaraan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)**

**3. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)**

**(d) Manfaat kakitangan selepas persaraan (sambungan)**

(ii) Manfaat ganjaran selepas persaraan (sambungan)

Kumpulan menentukan kadar diskaun yang bersesuaian apabila penilaian aktuari dilaksanakan. Penilaian aktuari terkini telah dilaksanakan pada tahun 2021. Kadar diskaun ini telah digunakan untuk menentukan nilai kini bagi jangkaan aliran keluar tunai masa hadapan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi manfaat ganjaran selepas persaraan.

Bagi menentukan kadar diskaun yang bersesuaian, Kumpulan mengambil kira kadar faedah bon korporat yang berkualiti tinggi yang didenominasikan dalam mata wang di mana manfaat tersebut akan dibayar dan mempunyai tempoh matang yang hampir bersamaan dengan tempoh liabiliti yang berkaitan.

Kadar kenaikan gaji tahunan adalah berdasarkan kepada purata kenaikan gaji tahun sebelumnya yang ditanggung oleh Kumpulan.

**(e) Anggaran nilai saksama bagi aset kewangan dan liabiliti tertentu**

Kumpulan merekodkan sesetengah aset dan liabiliti kewangan pada nilai saksama, yang memerlukan penggunaan anggaran perakaunan dan pertimbangan yang luas. Manakala komponen penting pengukuran nilai saksama ditentukan menggunakan bukti objektif yang boleh disahkan, jumlah perubahan dalam nilai saksama adalah berbeza jika Kumpulan menggunakan kaedah penilaian yang berbeza. Sebarang perubahan dalam nilai saksama aset dan liabiliti tersebut akan menjejaskan untung dan/atau ekuiti.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kumpulan	Tanah dan tanah pajakan		Bangunan dan ubahsuai	Kenderaan dan jentera	Perabot dan lekapan	Kelengkapan pejabat dan mesin peralatan	Komputer	Jumlah
	RM	RM						
<b>Kos</b>								
Pada 01.01.2022	104,323,444	312,034,384	30,245,968	3,868,537	91,100,970	17,479,515	559,052,818	
Penambahan	-	5,108,752	691,618	3,059,422	6,406,899	3,606,705	18,873,396	
Pengkelasan	1,014,625	142,788	61,140	58,603	(566,109)	303,578	1,014,625	
Pelarasan	-	-	(4,000)	-	-	-	(4,000)	
Pelupusan	-	(11,825)	(338,359)	(87,025)	(236,889)	(359,435)	(1,033,533)	
Pada 31.12.2022	105,338,069	317,274,099	30,656,367	6,899,537	96,704,871	21,030,363	577,903,306	
<b>Susut nilai terkumpul</b>								
Pada 01.01.2022	13,723,611	200,494,079	26,930,048	2,692,084	68,624,080	14,882,579	327,346,481	
Susut nilai semasa	1,015,416	6,429,971	1,708,310	152,926	10,758,289	1,351,501	21,416,413	
Pengkelasan	-	33,697	32,608	31,255	(259,468)	161,908	-	
Pelupusan	-	(3,580)	(287,963)	(80,851)	(222,762)	(358,165)	(953,321)	
Pada 31.12.2022	14,739,027	206,954,167	28,383,003	2,795,414	78,900,139	16,037,823	347,809,573	
<b>Nilai bawaan</b>								
Pada 31.12.2022	90,599,042	110,319,932	2,273,364	4,104,123	17,804,732	4,992,540	230,093,733	
Pada 31.12.2021	90,599,833	111,540,305	3,315,920	1,176,453	22,476,890	2,596,936	231,706,337	

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

Lembaga	Tanah dan tanah pajakan		Bangunan dan ubahsuaian	Kenderaan dan jentera	Perabot dan lekapan	Kelengkapan pejabat dan mesin	Komputer	Jumlah
	RM	RM						
<b>Kos</b>								
Pada 01.01.2022	104,323,444	299,806,095	18,606,669	1,377,659	9,887,820	8,626,079	442,627,766	
Penambahan	-	-	179,276	3,900	497,314	3,270,161	3,950,651	
Pengkelasan	1,014,625	-	-	-	-	-	1,014,625	
Pelupusan	-	-	-	(11,525)	(111,592)	(88,765)	(211,882)	
Pada 31.12.2022	105,338,069	299,806,095	18,785,945	1,370,034	10,273,542	11,807,475	447,381,160	
<b>Susut nilai terkumpul</b>								
Pada 01.01.2022	13,723,611	195,022,685	17,446,385	1,234,102	7,569,111	7,114,903	242,110,797	
Susut nilai semasa	1,015,416	4,896,319	682,282	51,943	914,399	761,846	8,322,205	
Pelupusan	-	-	-	(11,525)	(102,552)	(88,754)	(202,831)	
Pada 31.12.2022	14,739,027	199,919,004	18,128,667	1,274,520	8,380,958	7,787,995	250,230,171	
<b>Nilai bawaan</b>								
Pada 31.12.2022	90,599,042	99,887,091	657,278	95,514	1,892,584	4,019,480	197,150,989	
Pada 31.12.2021	90,599,833	104,783,410	1,160,284	143,557	2,318,709	1,511,176	200,516,989	

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)**

**4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)**

Termasuk dalam penambahan/pembelian hartanah, loji dan peralatan Kumpulan dan Lembaga adalah aset yang dibeli di bawah pembiayaan pajakan kewangan dan pinjaman jangka panjang, geran yang diterima dan juga tunai seperti berikut:

	Kumpulan		Lembaga	
	2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
Tunai	15,907,657	12,628,051	4,965,276	8,920,123
Pembiayaan pajakan kewangan	443,400	129,800	-	-
Geran	3,532,964	1,360,399	-	-
Hadiah	-	16,851	-	16,851
Pelarasan	4,000	-	-	-
	<u>19,888,021</u>	<u>14,135,101</u>	<u>4,965,276</u>	<u>8,936,974</u>

Termasuk di dalam hartanah, loji dan peralatan merupakan bangunan dan ubahsuai yang dibina di atas tanah milik Kementerian Kerja Raya berjumlah RM35,434,795 (2021: RM37,523,755)



LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

5. ASET TIDAK KETARA

Kumpulan	Perisian Komputer RM	Lesen RM	Jumlah RM
<b>Kos</b>			
Pada 01.01.2022	46,702,972	2,815,031	49,518,003
Penambahan	63,050	130,002	193,052
Pengkelasan	4,061,686	-	4,061,686
Pada 31.12.2022	<u>50,827,708</u>	<u>2,945,033</u>	<u>53,772,741</u>
<b>Pelunasan Terkumpul</b>			
Pada 01.01.2022	29,082,394	1,879,858	30,962,252
Pelunasan bagi tahun kewangan	6,482,166	429,214	6,911,380
Pada 31.12.2022	<u>35,564,560</u>	<u>2,309,072</u>	<u>37,873,632</u>
<b>Nilai bawaan</b>			
Pada 31.12.2022	<u>15,263,148</u>	<u>635,961</u>	<u>15,899,109</u>
Pada 31.12.2021	<u>17,620,578</u>	<u>935,173</u>	<u>18,555,751</u>
<b>Lembaga</b>			
<b>Kos</b>			
Pada 01.01.2022	46,341,472	2,815,031	49,156,503
Penambahan	-	130,002	130,002
Pengkelasan	3,339,734	-	3,339,734
Pada 31.12.2022	<u>49,681,206</u>	<u>2,945,033</u>	<u>52,626,239</u>
<b>Pelunasan Terkumpul</b>			
Pada 01.01.2022	28,871,103	1,879,858	30,750,961
Pelunasan bagi tahun kewangan	6,407,622	429,214	6,836,836
Pada 31.12.2022	<u>35,278,725</u>	<u>2,309,072</u>	<u>37,587,797</u>
<b>Nilai bawaan</b>			
Pada 31.12.2022	<u>14,402,481</u>	<u>635,961</u>	<u>15,038,442</u>
Pada 31.12.2021	<u>17,470,369</u>	<u>935,173</u>	<u>18,405,542</u>

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)**

**6. KERJA DALAM PEMBANGUNAN**

Kumpulan	Tanah RM	Bangunan RM	Sistem Komputer RM	Mesin Peralatan RM	Jumlah RM
<b>2022</b>					
<b>Kos</b>					
Pada 01.01.2022	-	148,494,298	1,553,052	233,605	150,280,955
Penambahan	1,014,625	44,337,860	14,812,841	-	60,165,326
Pengkelasan	(1,014,625)	-	(4,061,686)	-	(5,076,311)
Pada 31.12.2022	-	192,832,158	12,304,207	233,605	205,369,970
<b>2021</b>					
<b>Kos</b>					
Pada 01.01.2021	-	118,483,872	675,563	-	119,159,435
Penambahan	5,145,761	33,085,955	2,775,079	233,605	41,240,400
Pengkelasan	(5,145,761)	(3,075,529)	(1,897,590)	-	(10,118,880)
Pada 31.12.2021	-	148,494,298	1,553,052	233,605	150,280,955

Lembaga	Tanah RM	Bangunan RM	Sistem Komputer RM	Jumlah RM
<b>2022</b>				
<b>Kos</b>				
Pada 01.01.2022	-	148,494,298	1,420,972	149,915,270
Penambahan	1,014,625	44,337,860	11,968,457	57,320,942
Pengkelasan	(1,014,625)	-	(3,339,734)	(4,354,359)
Pada 31.12.2022	-	192,832,158	10,049,695	202,881,853
<b>2021</b>				
<b>Kos</b>				
Pada 01.01.2021	-	118,483,872	675,563	119,159,435
Penambahan	5,145,761	33,085,955	2,642,999	40,874,715
Pengkelasan	(5,145,761)	(3,075,529)	(1,897,590)	(10,118,880)
Pada 31.12.2021	-	148,494,298	1,420,972	149,915,270

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

7. PELABURAN HARTANAH

Kumpulan	Tanah RM	Bangunan RM	Jumlah RM
Pada 01.01.2022	7,245,000	2,835,000	10,080,000
Pelarasan nilai saksama	-	-	-
Pada 31.12.2022	<u>7,245,000</u>	<u>2,835,000</u>	<u>10,080,000</u>
Pada 01.01.2021	7,245,000	2,835,000	10,080,000
Pelarasan nilai saksama	-	-	-
Pada 31.12.2021	<u>7,245,000</u>	<u>2,835,000</u>	<u>10,080,000</u>

- (a) Pelaburan hartanah dalam Kumpulan berjumlah RM10,080,000 (2021: RM10,080,000) telah dicagarkan sebagai sekuriti untuk pinjaman bank (Nota 25). Kumpulan tidak mempunyai obligasi kontrak sama ada untuk membeli, membina atau membangunkan pelaburan hartanah atau untuk membaiki, menyelenggara dan menaik taraf hartanah tersebut.
- (b) Pelaburan hartanah telah dinilai dengan menggunakan Kaedah Perbandingan. Kaedah ini melibatkan kajian ke atas transaksi terkini dengan melakukan semakan harga untuk harta serupa di dalam dan di sekitarnya serta membuat pelarasan ke atas sebarang faktor yang boleh menjejaskan nilai; seperti lokasi, pengezonan, perancangan, kelulusan, kebolehcapaian, situasi pasaran, bentuk dan permukaan tanah, tempoh pegangan dan sekatan jika, status kependudukan, kawasan binaan, pembinaan bangunan, kemasan dan perkhidmatan, usia dan sifat-sifat lain yang berkaitan.
- (c) Nilai saksama pelaburan hartanah Kumpulan adalah ditentukan oleh penilaian yang dijalankan oleh IPC Island Property Consultants Sdn. Bhd., penilai profesional bebas yang mempunyai kelayakan profesional berkaitan yang diiktiraf dan pengalaman terkini dalam menilai hartanah di lokasi berkaitan.

8. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

	Lembaga	
	2022 RM	2021 RM
Saham tidak tersiar harga, di Malaysia:		
Pada kos		
CIDB Holdings Sdn. Bhd.	19,075,000	19,075,000
CIDB E-Construct Services Sdn. Bhd.	4,435,842	4,435,842
	<u>23,510,842</u>	<u>23,510,842</u>

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)**

**8. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)**

Butiran mengenai syarikat-syarikat subsidiari dan kepentingan ekuiti di dalamnya adalah seperti berikut:

Nama syarikat	Kepentingan ekuiti		Kegiatan utama
	2022 %	2021 %	
CIDB Holdings Sdn. Bhd.*	100	100	Pelaburan dan perkhidmatan berasaskan industri pembinaan.
CIDB E-Construct Services Sdn. Bhd.**	100	100	Menjalankan perkhidmatan berasaskan Teknologi komunikasi maklumat.
Construction Research Institute of Malaysia ***	100	100	Menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan industri pembinaan.
Construction Labour Exchange Centre Berhad ****	100	100	Membawa masuk, mengagihkan dan juga memperbaharui permit kerja bagi Pekerja Asing Binaan.
<b>Subsidiari CIDB Holdings Sdn. Bhd.:</b>			
Akademi Binaan Malaysia (Selangor) Sdn. Bhd.*	100	100	Memberi latihan dan kursus kepada pekerja dan penyelia pembinaan.
Akademi Binaan Malaysia (Johor) Sdn. Bhd.*	100	100	Memberi latihan dan kursus kepada pekerja dan penyelia pembinaan.
Akademi Binaan Malaysia (Terengganu) Sdn. Bhd.*	100	100	Memberi latihan dan kursus kepada pekerja dan penyelia pembinaan.
Akademi Binaan Malaysia (Utara) Sdn. Bhd.*	100	100	Memberi latihan dan kursus kepada pekerja dan penyelia pembinaan.
Akademi Binaan Malaysia (Sabah) Sdn. Bhd.*	100	100	Memberi latihan dan kursus kepada pekerja dan penyelia pembinaan.
Akademi Binaan Malaysia (Sarawak) Sdn. Bhd.*	100	100	Memberi latihan dan kursus kepada pekerja dan penyelia pembinaan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

8. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Nama syarikat	Kepentingan ekuiti		Kegiatan utama
	2022 %	2021 %	
<b>Subsidiari CIDB Holdings Sdn. Bhd.:</b>			
CIDB IBS Sdn. Bhd.* (Sebelum ini dikenali sebagai CIDB MyIBS Sdn. Bhd.)	100	100	Perkhidmatan nasihat teknikal, program pembangunan untuk vendor dan pengesahan, ujian pengesahan dan pengesahan produk, kilang dan pemasangan berkaitan IBS.
<b>Pegangan melalui CIDB Holdings Sdn. Bhd. dan subsidiari :</b>			
CIDB Technologies Sdn. Bhd.* (Sebelum ini dikenali sebagai CIDB Events Management Sdn. Bhd.)	32	32	Memberi latihan dan kursus kepada pekerja dan penyelia pembinaan.
<b>Subsidiari Akademi Binaan Malaysia (Johor) Sdn. Bhd.:</b>			
ABM Management Services Sdn. Bhd.*	100	100	Sebagai tenaga pengajar dan konsultan bagi perkara berkaitan industri pembinaan dan aktiviti lain yang berkaitan.

\* Syarikat subsidiari ini diperbadankan di Malaysia dan telah diaudit oleh Tetuan Azhar Noriza Zainuddin

\*\* Syarikat subsidiari ini diperbadankan di Malaysia dan telah diaudit oleh Tetuan Afrizan Tarmili Khairul Azhar

\*\*\* Syarikat subsidiari ini diperbadankan di Malaysia dan telah diaudit oleh Tetuan Ismawadee & Co.

\*\*\*\* Syarikat subsidiari ini diperbadankan di Malaysia dan telah diaudit oleh Tetuan A.Razak & Co.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)**

**9. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU**

	Kumpulan	
	2022 RM	2021 RM
Saham tidak tersiar harga, di Malaysia:		
Pada kos	<b>50,000</b>	50,000
Bahagian rizab selepas pengambilalihan	<b>103,674</b>	106,623
	<b>153,674</b>	156,623
Pelaburan Kumpulan dalam syarikat bersekutu meliputi:		
Bahagian daripada aset bersih	<b>146,197</b>	149,146
Bahagian daripada muhibah dalam syarikat bersekutu	<b>7,477</b>	7,477
	<b>153,674</b>	156,623

Butiran mengenai syarikat bersekutu dan kepentingan ekuiti di dalamnya adalah seperti berikut:

Nama syarikat	Kepentingan ekuiti		Kegiatan utama
	2022	2021	
	%	%	
TWI-ABM Training and Certification Sdn. Bhd.	<b>50</b>	50	Beroperasi sebagai tenaga pengajar atau pusat latihan untuk kontraktor dan subkontraktor.

Syarikat bersekutu Akademi Binaan Malaysia (Johor) Sdn. Bhd. ini adalah diperbadankan di Malaysia dan telah diaudit oleh Tetuan Jamal Amin & Partners.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

10. ASET KEWANGAN SEDIA UNTUK DIJUAL

	Kumpulan	
	2022 RM	2021 RM
Saham tidak tersiar harga, di Malaysia, pada kos:	11,644,120	11,808,030
Kurang: Rosot Nilai	-	(163,910)
Tambah: Rosot Nilai terpulih	2,738	-
	<u>11,646,858</u>	<u>11,644,120</u>

11. INVENTORI

	Kumpulan		Lembaga	
	2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
Pada kos dan nilai realisasi bersih:				
Inventori	<u>679,835</u>	<u>811,496</u>	<u>45,965</u>	<u>61,919</u>

12. BELUM TERIMA URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN

	Kumpulan dan Lembaga	
	2022 RM	2021 RM
Penghutang levi kontrak	15,697,466	15,870,318
Tolak: Peruntukan kerugian rosot nilai	(370,188)	(1,260,133)
Hapus kira penghutang levi	(223,833)	-
	<u>15,103,445</u>	<u>14,610,185</u>

Pergerakan dalam peruntukan kerugian rosot nilai

Pada 1 Januari	1,260,133	10,128,933
Peruntukan rosot nilai dalam tahun semasa	24,211	850,463
Peruntukan kerugian rosot nilai tidak diperlukan	(914,156)	(9,719,263)
Pada 31 Disember	<u>370,188</u>	<u>1,260,133</u>

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

12. BELUM TERIMA URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN (SAMBUNGAN)

Analisa Pengumuran

Analisa pengumuran untuk akaun belum terima urus niaga bukan pertukaran bagi Kumpulan dan Lembaga pada akhir tempoh pelaporan adalah seperti berikut:

	Jumlah Kasar RM	Rosot nilai & Hapus Kira RM	Nilai Bawaan RM
<b>Kumpulan dan Lembaga 31.12.2022</b>			
Belum lepas tempoh kredit	7,137,815	-	7,137,815
Lepas tempoh kredit:			
- Kurang dari 6 bulan	6,609,464	-	6,609,464
- 6 hingga 12 bulan	1,271,994	-	1,271,994
- Lebih daripada 12 bulan	678,193	(594,021)	84,172
	<u>15,697,466</u>	<u>(594,021)</u>	<u>15,103,445</u>
<b>Kumpulan dan Lembaga 31.12.2021</b>			
Belum lepas tempoh kredit	9,326,788	-	9,326,788
Lepas tempoh kredit:			
- Kurang dari 6 bulan	2,876,538	-	2,876,538
- 6 hingga 12 bulan	1,883,519	-	1,883,519
- Lebih daripada 12 bulan	1,783,473	(1,260,133)	523,340
	<u>15,870,318</u>	<u>(1,260,133)</u>	<u>14,610,185</u>



LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

13. BELUM TERIMA URUS NIAGA PERTUKARAN

	Kumpulan		Lembaga	
	2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
Belum terima dagangan	4,523,315	6,354,969	-	-
Deposit	5,199,259	4,908,061	3,142,169	3,202,655
Dividen belum terima	238,985	272,725	-	-
Faedah belum terima	6,325,362	4,213,140	6,313,553	4,212,602
Penghutang invoices	43,979	118,304	16,379	82,704
	<u>16,330,900</u>	<u>15,867,199</u>	<u>9,472,101</u>	<u>7,497,961</u>
Tolak:				
Peruntukan kerugian rosot nilai	(105,455)	(160,615)	-	(55,160)
Hutang lapuk dihapuskira	(346,407)	-	-	-
	<u>15,879,038</u>	<u>15,706,584</u>	<u>9,472,101</u>	<u>7,442,801</u>

Pergerakan dalam peruntukan kerugian rosot nilai

Pada 1 Januari	160,615	159,964	55,160	55,160
Peruntukan rosot nilai dalam tahun semasa	-	651	-	-
Peruntukan rosot nilai tidak diperlukan lagi	(55,160)	-	(55,160)	-
Pada 31 Disember	<u>105,455</u>	<u>160,615</u>	<u>-</u>	<u>55,160</u>

Analisa Pengumuran

Analisa pengumuran untuk akaun belum terima urus niaga pertukaran bagi Kumpulan dan Lembaga pada akhir tempoh pelaporan adalah seperti berikut:

	Jumlah Kasar RM	Rosot nilai & Hapus Kira RM	Nilai Bawaan RM
<b>Kumpulan</b>			
<b>31.12.2022</b>			
Belum lepas tempoh kredit	8,987,360	-	8,987,360
Lepas tempoh kredit:			
- Kurang dari 6 bulan	886,546	-	886,546
- 6 hingga 12 bulan	398,607	-	398,607
- Lebih daripada 12 bulan	6,058,387	(451,862)	5,606,525
	<u>16,330,900</u>	<u>(451,862)</u>	<u>15,879,038</u>

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

13. BELUM TERIMA URUS NIAGA PERTUKARAN (SAMBUNGAN)

Analisa Pengumuran (sambungan)

	Jumlah Kasar	Rosot nilai & Hapus kira	Nilai Bawaan
	RM	RM	RM
<b>Kumpulan</b>			
<b>31.12.2021</b>			
Belum lepas tempoh kredit	4,097,896	-	4,097,896
Lepas tempoh kredit:			
- Kurang dari 6 bulan	586,420	-	586,420
- 6 hingga 12 bulan	4,718,142	-	4,718,142
- Lebih daripada 12 bulan	6,464,741	(160,615)	6,304,126
	<u>15,867,199</u>	<u>(160,615)</u>	<u>15,706,584</u>

	Jumlah Kasar	Rosot nilai & Hapus Kira	Nilai Bawaan
	RM	RM	RM
<b>Lembaga</b>			
<b>31.12.2022</b>			
Belum lepas tempoh kredit	6,313,553	-	6,313,553
Lepas tempoh kredit:			
- Kurang dari 6 bulan	15,208	-	15,208
- 6 hingga 12 bulan	53,015	-	53,015
- Lebih daripada 12 bulan	3,090,325	-	3,090,325
	<u>9,472,101</u>	<u>-</u>	<u>9,472,101</u>

<b>Lembaga</b>			
<b>31.12.2021</b>			
Belum lepas tempoh kredit	9,764	-	9,764
Lepas tempoh kredit:			
- Kurang dari 6 bulan	67,403	-	67,403
- 6 hingga 12 bulan	3,588,723	-	3,588,723
- Lebih daripada 12 bulan	3,832,071	(55,160)	3,776,911
	<u>7,497,961</u>	<u>(55,160)</u>	<u>7,442,801</u>

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

14. BELUM TERIMA LAIN

	Kumpulan		Lembaga	
	2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
Prabayar	2,331,524	2,636,355	17,277	4,695
Penghutang GST	14,263,152	14,263,703	14,236,089	14,236,089
Penghutang kenderaan	-	20,456	-	20,456
Penghutang staf	125,372	259,556	88,438	25,112
Pinjaman pelajaran	190,858	181,807	135,194	126,143
Pelbagai belum terima	196,150	176,127	-	-
	<u>17,107,056</u>	<u>17,538,004</u>	<u>14,476,998</u>	<u>14,412,495</u>

15. AMAUN TERHUTANG OLEH/(KEPADA) SYARIKAT SUBSIDIARI

Amaun terhutang oleh/(kepada) syarikat subsidiari terdiri daripada pendahuluan tanpa cagaran yang tidak dikenakan faedah dan akan dibayar balik berdasarkan arahan pembayaran.

16. AMAUN TERHUTANG OLEH/(KEPADA) SYARIKAT SUB-SUBSIDIARI

Amaun terhutang oleh/(kepada) syarikat sub-subsidiari terdiri daripada pendahuluan tanpa cagaran yang tidak dikenakan faedah dan akan dibayar balik berdasarkan arahan pembayaran.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)**

**17. AMAUN TERHUTANG OLEH/(KEPADA) SYARIKAT BERKAITAN**

Amaun terhutang oleh/(kepada) syarikat berkaitan terdiri daripada pendahuluan tanpa cagaran yang tidak dikenakan faedah dan akan dibayar balik berdasarkan arahan pembayaran.

**18. PENDAHULUAN OLEH SYARIKAT SUBSIDIARI**

Pendahuluan oleh syarikat subsidiari terdiri daripada pendahuluan tanpa cagaran yang tidak dikenakan faedah dan akan dibayar balik berdasarkan arahan pembayaran.

**19. PENDAHULUAN OLEH SYARIKAT SUB-SUBSIDIARI**

Pendahuluan oleh syarikat sub-subsidiari terdiri daripada pendahuluan tanpa cagaran yang tidak dikenakan faedah dan akan dibayar balik berdasarkan arahan pembayaran.

**20. ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI LEBIHAN ATAU KURANGAN**

	Kumpulan	
	2022 RM	2021 RM
Pelaburan portfolio, di Malaysia:		
RHB Asset Management Sdn. Bhd.	19,021,827	21,179,284
Amanah Raya JMF Management	3,429,539	3,890,710
ASBI Dana Al-Fakhim BIMB	257,285	252,960
	<b>22,708,651</b>	<b>25,322,954</b>

**21. DEPOSIT JANGKA PENDEK**

	Kumpulan		Lembaga	
	2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
Simpanan tetap di bank-bank dan institusi kewangan berlesen	<b>501,903,287</b>	379,905,259	<b>458,285,188</b>	358,210,000

Kadar faedah deposit di sepanjang tahun kewangan bagi Kumpulan dan Lembaga adalah 2.40%-4.35% (2021: 1.75% - 4.00%) setahun dan tempoh matang deposit adalah 1 – 458 hari (2021: 1-458 hari).

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

22. KUMPULAN WANG PINJAMAN KENDERAAN

	Kumpulan dan Lembaga	
	2022	2021
	RM	RM
Pada 1 Januari/31 Disember	<u>2,000,000</u>	<u>2,000,000</u>
Pergerakan dalam baki belum terima pinjaman:		
Pada 1 Januari	20,456	32,194
Tambahan pinjaman	-	-
Bayaran balik pinjaman	<u>(20,456)</u>	<u>(11,738)</u>
Pada 31 Disember	<u>-</u>	<u>20,456</u>

Kumpulan wang ini adalah untuk pemberian pinjaman kenderaan kepada kakitangan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Tempoh bayaran balik pinjaman selama 108 bulan. Pembayaran balik pembiayaan termasuk kadar keuntungan hendaklah dibayar oleh kakitangan secara ansuran melalui potongan gaji pada tiap-tiap bulan sebagaimana yang dipersetujui di dalam perjanjian.

23. KUMPULAN WANG PINJAMAN PELAJARAN

	Kumpulan dan Lembaga	
	2022	2021
	RM	RM
Pada 1 Januari/31 Disember	<u>1,500,000</u>	<u>1,500,000</u>
Pergerakan dalam baki belum terima pinjaman:		
Pada 1 Januari	126,143	149,052
Tambahan pinjaman	46,110	34,027
Bayaran balik pinjaman	<u>(37,059)</u>	<u>(56,936)</u>
Pada 31 Disember	<u>135,194</u>	<u>126,143</u>

